


Jilid 1  
Bil. 19



Hari Isnin  
9hb April, 1979

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**

*SENATE*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Mengangkat Sumpah [Ruangan 1737]

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [1738]

**USUL-USUL:**

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1738]

Perutusan Takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan [Ruangan 1739]

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 1802]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1814]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1754]

MALAYSIA

## PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- ” TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH (Dilantik).
- ” TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).

- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S.I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K. A.M.N., (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Isnin, 9hb April, 1979

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA

## MENGANGKAT SUMPAAH

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut telah mengangkat Sumpah di hadapan saya di bilik saya pada 6, 8 dan 9 haribulan April, 1979, menurut Peraturan Mesyuarat 4 (3):

Pada 6 haribulan:

1. Yang Berhormat Puan Rahmah binti Othman;
2. Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah;
3. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin;
4. Yang Berhormat Tuan Sinniah Subramaniam;
5. Yang Berhormat Tuan S.I. Rajah;
6. Yang Berhormat Tuan Haji Azlan Kinjawan;
7. Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah;
8. Yang Berhormat Dr. Choo Kooi Fook.

Pada 8 haribulan:

9. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris;
10. Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh;

Dan pada tengah hari tadi:

11. Yang Berhormat Tengku Perang bin Tengku Razlan; dan
12. Yang Berhormat Tuan Haji Samad bin Said.

MENGALU-ALUKAN  
AHLI-AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli tersebut dan berharap semoga Ahli-ahli yang baru dilantik itu akan dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan kita ini dan kepada negara seterusnya.

## USUL-USUL

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2), Dewan ini akan terus menimbang Usul atas nama Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi menyembahkan perutusan takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra, sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 13(2) Dewan ini akan terus menimbang Usul atas nama Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi menyembahkan perutusan takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra, sekarang.

**PERUTUSAN TAKZIAH KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA SERI  
PADUKA BAGINDA RAJA  
PERMAISURI AGONG DAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN KELANTAN**

2.37 *ptg.*

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini—

- (a) merakamkan perasaan sedih dan dukacita yang amat sangat di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke Enam, Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim;
- (b) menyembahkan perutusan takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra serta kepada Kerabat Di Raja Kelantan, diiringi dengan doa semoga Duli-Duli Yang Maha Mulia Baginda itu dikurniakan ber-banyak sabar di atas kemangkatan mengejut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu;
- (c) merafakkan sembah menjunjung kasih serta penghargaan dan pujian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab di atas segala jasa dan khidmat Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong yang kita kasihi, pada hari Khamis, 29hb Mac, 1979 yang lalu, adalah mengejutkan segenap lapisan rakyat Malaysia dan seluruh Negara. Sesungguhnya, kita merasa amat sedih dan pilu kerana dengan secara tiba-tiba Negara dan rakyat Malaysia telah kehilangan seorang Raja yang berpengalaman luas dan berhemah tinggi.

Dalam tempoh pemerintahan Almarhum selama 3½ tahun sebagai Yang di-Pertuan Agong, Negara kita telah menghadapi berbagai cabaran samada dalam bidang mencapai matlamat-matlamat dasar pembangunan Negara, ataupun bidang keselamatan, tetapi syukur Alhamdulillah, dengan petunjuk Allah dan berkat daulat Almarhum, Negara telah dapat menghadapi cabaran-cabaran tersebut dengan jayanya. Pengetahuan yang mendalam dan pengalaman yang luas yang terdapat kepada Almarhum mengenai selok-belok pemerintahan sangat-sangat dirasai oleh pihak Kerajaan. Tambahan pula, Almarhum memahami akan peranan Baginda sebagai Ketua Utama Negara.

Almarhum menaruh minat yang mendalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat, terutamanya mereka yang tidak berada. Minat ini sentiasa ketara setiap kali saya berkesempatan mengadap Almarhum. Sifat ini juga lebih ketara apabila Almarhum berkesempatan berangkat melawat ke Negeri-negeri dan daerah. Dalam suasana sedemikian, rakyat dapat merasai keikhlasan dan kejujuran Almarhum terhadap rakyat jelata. Dalam suasana sedemikian, maka hilanglah penghadang antara Raja dengan rakyat yang dikasihinya. Sifat ini bukanlah semata-mata dilafazkan oleh Almarhum dalam titah ucapan sahaja bahkan dapat dirasai apabila Almarhum berada di tengah-tengah rakyat.

Semasa Almarhum mula-mula menduduki takhta Kerajaan Pesekutuan, Baginda tidaklah begitu sihat. Tetapi Almarhum telah tidak membiarkan keadaan ini mengganggu Baginda dalam menjalankan tugas-tugas, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan yang diamanahkan oleh Majlis Raja-raja kepadanya. Almarhum telah berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki kesihatan Baginda. Oleh itu, apabila Almarhum berkenan mengetuai perarakan Maulud Nabi dalam tahun 1976, rakyat menyambut Baginda dengan perasaan yang bangga. Perbuatan Baginda ini telah menambah lagi kasih sayang rakyat terhadap Baginda. Perasaan ini jelas kelihatan apabila Almarhum berangkat membuat lawatan-lawatan rasmi ke Negeri mahupun dalam upacara-upacara rakyat di Ibu Negara.

Almarhum juga telah memainkan peranan yang besar dalam meningkatkan imej negara di mata dunia. Bukanlah satu tugas yang mudah bagi seseorang pemimpin menarik

perhatian dan minat Negara-negara asing yang berbagai corak pemerintahan. Tetapi Almarhum telah mencapai kejayaan dalam hal ini melalui pertemuan-pertemuan Baginda dengan Ketua-ketua Negara, Ketua-ketua Kerajaan dan Wakil-wakil Kerajaan asing yang telah diberi kesempatan mengadap Baginda.

Almarhum telah banyak menabur jasa bakti kepada rakyat dan Negara. Dalam menjalankan tugas-tugas yang berat itu, Almarhum sentiasa berpandukan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan. Kejujuran, keikhlasan dan ketabahan hati Baginda menjadi punca ilham yang berkesan kepada Kerajaan dan rakyat. Perkhidmatan Almarhum kepada Negara tidak terhingga nilainya. Segala pujian dan sanjungan yang dapat diucapkan tidak cukup jika dibandingkan dengan bakti Almarhum kepada Negara, bangsa dan agamanya.

Kejayaan Almarhum menjalankan tugas-tugas jawatan Negara tertinggi, adalah juga disebabkan dorongan dan sokongan yang teguh yang telah diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab, Permaisuri Baginda. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab memahami bahawa negara dan rakyat memerlukan perkhidmatan Almarhum. Kebawah Duli Yang Maha Mulia, saya menyembahkan setinggi penghargaan. Dalam suasana yang sedih dan pilu ini, seluruh rakyat adalah sama mendoakan semoga Kebawah Duli ber-banyak-banyak sabar.

Tuan Yang di-Pertua, sifat-sifat terpuji Almarhum telah dapat menambahkan lagi kasih rakyat kepada Baginda. Tetapi adalah jelas bahawa Allah Subhanahu-Wataala jua kasihkan Almarhum. Dengan cara yang mengejut 10 hari dahulu, Almarhum kembali menemui Allah. Bagi kita yang hidup, sifat-sifat terpuji yang ditunjukkan oleh Almarhum patutlah menjadi tauladan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

2.46 ptg.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan yang amat terharu berdiri untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, di saat seluruh negara berkabung dan di saat seluruh rakyat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum dan keturunan yang wujud dalam keharmonian telah menerima satu dugaan yang amat berat hingga menjadikan seluruhnya dalam keadaan sedih dan duka nestapa yang amat sangat ialah kerana kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim pada hari Khamis, 29hb Mac, 1979 bersamaan dengan 1hb Jumadil Awal tahun hijrah 1399, jam 3.45 petang di Istana Negara, Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, satu usul telah dikemukakan di hadapan Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih dan dukacita yang amat sangat di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke Enam iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim yang sangat-sangat dikasihi dan dimuliakan oleh seluruh rakyat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum dan keturunan yang telah menumpang berteduh di bawah payung keadilan dan kebijaksanaan pimpinan Almarhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang sudah terkenal dan termasyhur di kalangan antarabangsa.

Dan dicadangkan supaya menyembahkan perutusan takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Zainab binti Tengku Mohamad Putra dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan Tengku Ismail Petra Ibn Almarhum Sultan Yahya Petra serta kepada kerabat Di Raja Kelantan yang diiringi dengan doa mudah-mudahan Duli-duli Yang Maha Mulia Baginda dikurniakan Tuhan dengan penuh kesabaran di atas kemangkatan mengejut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu serta merakamkan sembah menjunjung kasih penghargaan dan pujian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab di atas segala jasa dan khidmat Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong itu.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Sultan Yahya Petra diputrakan pada 10hb Disember, 1917 di Kota Bharu, Kelantan. Pada 1hb Februari, 1948 Almarhum telah dilantik dan

diisytiharkan menjadi bakal Raja dengan gelaran Tengku Mahkota Kelantan sehingga berikutan dengan kemangkatan Almarhum Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Mohamed yang keempat maka Almarhum Tuanku Yahya Petra dimasyhurkan menjadi Sultan Negeri Kelantan pada 10hb Julai, 1960. Almarhum Baginda dikenali oleh seluruh rakyat jelata negeri Kelantan sebagai seorang Sultan yang amat menaruh kasih sayang dan amat pemurah kepada seluruh hamba rakyatnya tanpa mengira kaum atau keturunan. Almarhum Baginda disifatkan sebagai turus tonggak dan junjungan seluruh hamba rakyat negeri Kelantan ini.

Berita kemangkatan Almarhum Baginda pada 29hb Mac yang lepas itu seluruh rakyat Kelantan menerima dengan perasaan yang amat sedih, lebih-lebih semasa jenazah Almarhum disemadikan di Makam Di Raja Langgar, Kota Bharu, Kelantan pada 31hb Mac, 1979 bersamaan dengan 3hb Jamadil Awal, Tahun Hijrah 1399 pada kira-kira jam 4.00 petang dalam satu upacara permakaman yang penuh dengan perasaan sedih dan hiba. Kami berdoa mudah-mudahan Tuhan akan curi rahmat ke atas roh Almarhum Baginda dan dihimpunkan bersama-sama orang-orang yang saleh.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya sudahi dengan menyembahkan ucapan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan dilantik dan ditabalkan oleh Majlis Raja-raja yang akan datang ini serta kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesedihan yang amat sangat saya menyokong sekali lagi usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

2.53 ptg.

**Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul mengucapkan takziah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Kerabat Di Raja Almarhum Tuanku Yahya Petra di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia telah merasa terkejut dan amat sedih di atas kemangkatan Duli Yang Maha

Mulia Tuanku pada 29hb Mac yang lalu. Pada tempoh masa takhta Tuanku di Negeri Kelantan dan sebagai Yang di-Pertuan Agong Negara Malaysia, Tuanku sangat rapat dengan rakyat dan dikasihi sangat oleh semua lapisan dan keturunan masyarakat. Almarhum Tuanku telah sesungguhnya menjadi satu tanda tumpuan taat setia dan kesayangan rakyat kepada negara Malaysia bukan sahaja sebagai satu lambang kenegaraan kita. Semenjak Tuanku ditabalkan, Tuanku sebagai Ketua Negara kita telah menjalankan tugas-tugasnya yang berat dengan penuh semangat dan dedikasi. Memandangkan kepentingan kerjasama di antara Negeri-negeri dan Kerajaan Pusat, Tuanku telah berangkat melawat hampir semua negeri dalam masa 3 tahun dan menyerikan beberapa aturcara semasa berangkat ke tempat-tempat lain dan rakyat di situ telah menyediakan sambutan yang sangat meriah.

Keberangkatan Tuanku ke beberapa rancangan pembangunan telah menunjukkan minat dan penyertaan Tuanku sendiri dalam proses pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang begitu penting dalam kedudukan dan kemajuan sosial ekonomi negara. Dengan itu Tuanku telah memberi galakan yang besar kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan rakyat amnya yang terlibat dalam projek-projek itu dan menentukan kejayaannya, khasnya keberangkatan Tuanku kepada projek-projek yang memberi erti dan faedah yang besar kepada usaha perpaduan negara kita telah memberi harapan dan kepercayaan kepada rakyat. Tuanku juga telah dapat berangkat ke beberapa negara asing dan merapatkan lagi tali perhubungan dan persaudaraan negara kita dengan negara-negara itu. Dalam masa semua ini kehadiran Tuanku Permaisuri Agong telah juga memberi galakan yang besar kepada semua dan menambah seri dan harumnya Kerajaan (Royalty) kita dan nama baik negara Malaysia. Sebagai muslimin mahupun kita memahami falsafah, iaitu: Kullu min 'alaihā fanin wa-yabqa wajhu Rabbaka dzul-jalali wal-ikram.

Kemangkatan Tuanku dengan tiba-tiba itu telah memetik Tuanku dari kalangan kita tetapi nama, semangat dan peranan Tuanku akan kekal di hati kita semua dan memberi inspirasi untuk kita semua meneruskan usaha-usaha yang pernah dinaungkan oleh Almarhum Tuanku.

Saya bersama-sama Dewan ini merakamkan perasaan yang amat sedih dan takziah kepada Tuanku Raja Permaisuri Agong dan Kerabat Di Raja Kelantan. Kita berdoa bahawa Tuhan yang maha kuasa akan mencucuri rahmatnya ke atas Roh Almarhum Tuanku Yahya Petra.

3.00 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini turut berucap bagi negeri Sabah menyokong penuh usul Ucapan Takziah yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim.

Kemangkatan Almarhum Tuanku Yahya Petra adalah merupakan satu detik sejarah yang amat pedih yang tak mungkin dapat dilupakan oleh seluruh rakyat Malaysia. Kemangkatan Almarhum merupakan kehilangan pemimpin negara yang sangat menyedihkan ketika negara masih memerlukan pimpinan di-Raja di saat-saat negara kita yang sedang pesat membangun. Duli Yang Maha Mulia Almarhum Tuanku Yahya Petra bukan saja terkenal di Malaysia atau dirantau Asia tetapi juga di seluruh dunia. Oleh itu kemangkatan Almarhum telah juga mendapat perhatian dunia di mana beberapa pemimpin-pemimpin terkemuka di dunia turut menyatakan perasaan sedih mereka atas kemangkatan Almarhum Tuanku.

Rancangan Malaysia Ketiga, yang dilancarkan di masa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Almarhum Tuanku Yahya Petra sedang berjalan dengan licin dan sempurna dan telah melebihi matlamat yang telah ditentukan. Di masa hayatnya Almarhum Tuanku telah banyak mengambil perhatian atas pelaksanaan projek-projek pembangunan, di samping menjalankan tugas di Raja yang amat berat sebagai Yang di-Pertuan Agong satu jawatan yang paling teragong di negara ini. Seri Paduka Baginda juga telah banyak melibatkan diri dan mengambil perhatian berat atas kebajikan rakyat dan keselamatan negara. Dengan tidak mengenal penat lelah Almarhum di masa

hayatnya telah mencemar duli melawat seluruh negara menemui rakyat Baginda yang tinggal di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung.

Almarhum di masa jawatannya pernah berangkat melawat negeri Sabah. Sambutan berpuluh ribu rakyat mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia sudah cukup membuktikan kasih sayang rakyat terhadap Baginda dan Raja Permaisuri Agong. Di dalam titah ucapannya di majlis Pembukaan Parlimen dan di majlis-majlis yang lain Almarhum Tuanku telah berkali-kali mengingatkan kita betapa pentingnya rakyat memupok perasaan muhibbah dan bekerja bersungguh-sungguh untuk membina sebuah negara Malaysia yang adil, aman, makmur dan bersatu. Malaysia sebuah negara Merdeka yang berbilang kaum, peranan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah amat penting. Dalam hubungan ini Almarhum Tuanku telah memperlihatkan pimpinan di Raja yang bermutu tinggi dan mula menjadi inspirasi hidup rakyat dan juga lambang perpaduan dan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia khasnya Sabah amatlah terperanjat mendengar kemangkatan Seri Pduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Lebih-lebih lagi sebelum berita sedih itu diterima rakyat Malaysia di Sabah telah bersiap sedia menyambut keberangkatan tiba Almarhum Tuanku dan Raja Permaisuri Agong di Pulau Labuan, Sabah yang dijadualkan bermula pada 1hb April, 1979. Apabila mendengar berita kemangkatan Almarhum Tuanku yang tidak disangka-sangka itu yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada malam 29hb Mac, 1979 seluruh penduduk di Labuan merasa cemas dan amat terharu. INNA LILLAHI WA INNA ILAIHI RAJIUN. Yang pergi atas kehendak Allah dan tiap-tiap yang bernyawa akan berakhir jua hendaknya. Tuhan jugalah yang maha mengetahui dan berkuasa menentukan segala-galanya. Almarhum Tuanku telah pergi menyahut panggilan Illahi. Bagi kita yang masih hidup marilah kita berdoa memohon agar 'Roh' Baginda di-restui dan diberi rahmat oleh Tuhan yang maha pemurah lagi pengasihani dan menempatkannya di kalangan orang-orang yang salihin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Ahli-ahli Dewan, Kerajaan dan penduduk-penduduk Sabah serta dari hati saya yang ikhlas izinkanlah kami turut merakamkan perasaan sedih pilu atas kemangkatan Almarhum Tuanku Yahya Petra itu. Kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dan semua kerabat di Raja kami ingin menyembahkan seikhlas-ikhlas takziah dan semoga diberikan Tuhan petunjuk dan kesabaran dalam menghadapi detik-detik kesedihan atas kemangkatan Almarhum Tuanku yang dikasihi itu.

Sekian, saya mohon menyokong.

3.06 ptg.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mengambil bahagian dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Usul Ucapan Takziah yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Dr Mahathir Mohamad di atas kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Saya dengan ikhlasnya melahirkan perasaan yang sungguh-sungguh terharu di atas kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita dan rakyat Malaysia semua kasihi.

Saya bagi pihak Partai BERJASA dan seluruh anggota-anggotanya serta bagi pihak Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Adli, Duta Besar Malaysia di Cairo dengan ini menyampaikan ucapan takziah kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Kerabat-kerabat di Raja, kaum keluarga Baginda serta rakyat negeri Kelantan seluruhnya. Sesungguhnya rasa terharu pada saya bahawa kemangkatan Baginda adalah satu kehilangan yang amat besar kepada rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia dan anak watan negeri Kelantan saya amat terharu atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana keperibadian Baginda melambangkan perpaduan dan kemakmuran negara yang telah menawan hati rakyat seluruhnya tak kira keturunan, bangsa dan ugama.

Almarhum sentiasa mengambil berat tentang kemajuan dan perkembangan ugama Islam. Baginda adalah seorang Raja yang adil dan ikhlas serta mengambil berat terhadap kebajikan rakyat, keselamatan negara dan maruah bangsa. Waktu berita kemangkatan Almarhum yang disampaikan kepada saya ketika itu saya masih berada dalam Parlimen, hampir-hampir saya tidak percaya berita tersebut dan terasa kaku disebabkan perasaan sedih.

Tuan Yang di-Pertua, kebijaksanaan Almarhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika negeri Kelantan dilanda oleh huru-hara dan krisis politik, satu Undang-undang Darurat dibenarkan oleh Baginda dikuatkuasakan dalam negeri Kelantan yang telah berjalan selama tiga bulan untuk semata-mata bagi menyelamatkan nyawa, harta-benda rakyat pada masa itu dan dengan ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertindak dalam saat-saat kecemasan, Malapetaka krisis negeri Kelantan pada tahun 1978 yang telah lalu disebabkan oleh penyelewengan beberapa orang pemimpin-pemimpin Parti PAS di negeri Kelantan yang telah menyebabkan negeri itu hampir-hampir bengkrap dalam pemerintahannya.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum telah memandang berat terhadap rakyat yang miskin yang mana diberikan peluang untuk mengecapi segala nikmat pembangunan dan semasa pemerintahan Almarhum, Rancangan Malaysia Ketiga telah dijalankan oleh Kerajaan.

Dalam pemerintahan Almarhum juga rakyat telah banyak mengecapi nikmat pembangunan iaitu pelajaran, kemajuan ekonomi dan lain-lain yang mana kedua-dua ini merupakan faktor penting di dalam pembangunan ummah dan dalam menyusun semula masyarakat negara Malaysia.

Di bawah pemerintahan Almarhum, Rakyat Malaysia dapat hidup aman damai, walaupun ada ancaman-ancaman pengkhianat dalam negeri ini. Walaupun pemerintahan Almarhum dirasai agak singkat, namun begitu banyak kejayaan pembangunan yang telah dicapai.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita semua berdoa kepada Allah s.w.t. Yang Amat Mengasihani semoga dicucuri rahmat ke atas roh Almarhum dan diberi keampunan.

Pada akhirnya sekali lagi, saya menyokong usul ini dengan ikhlasnya.

3.12 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, suka saya menyatakan sokongan saya terhadap usul ucapan takziah yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekejap tadi yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini—

- (a) merakamkan perasaan sedih dan dukacita yang amat sangat di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke Enam, Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim;
- (b) menyembahkan perutusan takziah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra Ibn Almarhum Sultan Yahya Petra serta kepada Kerabat Di Raja Kelantan, diiringi dengan doa semoga Duli-duli Yang Maha Mulia Baginda itu dikurniakan berbilang sabar di atas kemangkatan mengejut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (c) merafakkan sembah menjunjung kasih serta penghargaan dan pujian Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab di atas segala jasa dan khidmat Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong.

Demikian bunyi usul yang saya sokong dengan sekuat-kuatnya. Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan yang amat terharu dan sedih sekali, saya bagi pihak Pemimpin dan juga ahli-ahli PAS menyatakan perasaan sedih di atas kemangkatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan cara mengejut itu yang mana telah menjadi kesedihan bagi semua rakyat Malaysia khususnya rakyat negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kelu lidah untuk menyatakan betapa sedihnya perasaan rakyat jelata dan tidak termampu oleh lidah untuk menyatakan betapa jasa khidmat bakti Tuanku kepada negara ini dalam masa memimpin negara Malaysia dan juga dalam masa Tuanku memimpin negeri Kelantan sebagai Sultan bagi negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak mengambil masa panjang untuk menyatakan apa-apa yang perlu disebutkan dalam Dewan ini dan saya rasa berkewajipanlah bagi kita sebagai umat Islam menghadihkan Al-Fatihah kepada Tuanku sekurang-kurangnya sekali seorang bagi tiap-tiap kaum musliman selain dari yang kita ucapkan dan doakan kepada Allah s.w.t. Oleh yang demikian, dengan izin, Tuan Yang di-Pertuan, saya anjurkan kita membaca Al-Fatihah:

*(Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam membaca Al-Fatihah)*

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan kita berharap semoga Allah cucuri rahmat atas roh Tuanku Yahya Petra Ibn Almarhum Sultan Ibrahim dan semoga Allah mengurniakan tempat dalam syurga kepada rohnyanya. Amin, ya Rabbul, 'alamin.

3.16 ptg.

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua bagi memberi saya peluang berucap untuk pihak GERAKAN di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Yahya Petra. Saya dengan rakan-rakan saya dalam GERAKAN sangat-sangat terharu, sedih serta pilu di atas kemangkatan Baginda.

Saya yakin dan percaya seluruh rakyat yang berbilang kaum yang taat setia kepada Raja dan negara merasa sangat rugi besar di atas kehilangan seorang Raja yang dikasihani ramai. Baginda dipandang oleh rakyat sebagai payung negara bagi tiap-tiap rakyat berteduh di waktu hujan dan panas. Almarhum Baginda telah menunjukkan kasih sayangnya kepada seluruh rakyat dengan tidak mengira kaum, bangsa, keturunan dan ugama. Almarhum telah menjalankan tugas-tugasnya kepada negara dan bangsanya dengan adil dan saksama dengan tidak tahu lelah dan penat sampai ke akhir hayatnya.

Saya berdoa kepada Tuhan juga akan mencucuri rahmat ke atas rohnya dan doa ikhlas kami semoga ditempatkan oleh Illahi di tempat tinggi di akhirat nanti. Keadaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong dan keluarganya sekalian bersabarlah kerana tiap-tiap yang bernyawa tetap mati apabila dikehendaki oleh Tuhan. Sekian, dengan penuh kesedihan.

3.20 ptg.

**Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun buat pertama kalinya sebagai Ahli baharu di dalam Dewan yang mulia ini bercakap dengan ringkas sahaja bagi menyertai rakan-rakan saya daripada tiga buah parti politik dalam Barisan Nasional yang memerintah negeri Sarawak pada hari ini iaitu PBB, SUPP dan SNAP yang mendapat sokongan dari rakyat berbilang kaum dan kepercayaan kepada keseluruhannya turut menyokong Usul Takziah yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi.

Dengan kesempatan ini, kami rakyat yang taat setia ingin menyampaikan dan merakamkan perasaan amat sedih dan dukacita yang amat sangat atas kemangkatan secara mengejut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong Kenam.

Kami rakyat negeri Sarawak masih ingat lagi di masa lawatan rasmi dan mesra Seri Paduka Baginda di waktu merasmikan sebuah Bangunan Kerajaan Negeri Sarawak sebagai pencakar langit sekarang setinggi 22 tingkat menjadi lambang kemegahan negeri itu diberi nama bangunan Tunku Abdul Rahman, Putrajaya, Kuching.

Di waktu lawatan Seri Paduka Baginda itu seolah-olah memberi peluang dan kesempatan kepada rakyat berbilang kaum di negeri Sarawak merafakkan sembah menunjukkan kasih sayang yang tidak berbelah bagi kepada Raja sebagai lambang kebesaran negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Sebagai rakyat jelata kami memohon restu kepada Allah s.w.t. agar mencucuri segala rahmat kepada roh Almarhum Seri Paduka Baginda.

Kami juga merafakkan sembah dan menjunjung kasih atas penghargaan dan pujian yang tidak ternilai ke atas segala jasa dan khidmat bakti Almarhum Tuanku kepada

rakyat dan negeri Sarawak di masa menduduki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong kepada kerabat Diraja Kelantan. Kami juga dengan perasaan yang amat sedih menyampaikan ucapan takziah kepada kerabat Diraja negeri Kelantan.

3.24 ptg.

**Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berucap sepatah dua di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya juga bagi pihak kaum minoriti di negara ini mengucapkan kesedihan dan takziah yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dan keluarga Di Raja Kelantan di atas kemangkatan Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun dahulu Gladstone telah berkata, "Statesman is the noblest way to serve mankind". Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai seorang yang berpengalaman luas mempunyai didikan dan latihan yang murni dengan meratabat yang tinggi semula jadi dan sifat perangai yang lemah lembut sebenarnya telah berkhidmat kepada rakyat Baginda. Oleh itu, Baginda mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas rakyat Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini betapa sedihnya kita semua di atas kemangkatan Baginda, terutama sekali rakyat Baginda di Kelantan kerana jenazah Baginda dibawa balik ke Kelantan, "so they brought home our King dead". Kita sesungguhnya sama bersedih di atas kemangkatan Baginda yang sangat dikasihi itu. Marilah kita merenung bersama bahawa "a doctor can cure disease but not death".

3.27 ptg.

**Tuan S. I. Rajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya seorang yang baharu berucap. Kemangkatan Almarhum Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah suatu kehilangan besar kepada rakyat dan negara. Almarhum adalah ketua negara yang mengambil berat kepentingan rakyat tidak mengira kaum, bangsa dan darjat. Almarhum adalah simbol keadilan dan memegang teraju Kerajaan mengikut undang-undang yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak PPP, saya ucapkan takziah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong, semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas roh Baginda.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini:

- (a) merakamkan perasaan sedih dan dukacita yang amat sangat di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang keenam, Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim;
- (b) menyembahkan perutusan takziah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra dan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra serta kepada Kerabat Diraja Kelantan diiringi doa semoga Duli-duli Yang Maha Mulia Baginda itu dikurniakan berbanyak sabar di atas kemangkatan mengejut Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu;
- (c) merafakkan sembah menjunjung kasih serta penghargaan dan pujian ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab di atas segala jasa dan khidmat Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada akhir ucapannya tadi, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berdiri untuk bertafakur selama satu minit, dan bagi orang-orang beragama Islam membacakan Fatihah seberapa banyak yang dapat.

*(Majlis bertafakur selama 1 minit dan yang beragama Islam membacakan Al-Fatihah)*

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE THAILAND DAN INDONESIA

**1. Tuan Chua Ching Cheng** minta Perdana Menteri menyatakan hasil dalam bidang pertahanan dan ekonomi negara dari lawatan beliau ke Thailand dan Indonesia baru-baru ini.

**3. Tuan M. Mahalingam** minta Perdana Menteri menyatakan faedah-faedah yang diperolehi daripada lawatan-lawatan beliau ke Negara Thai dan Indonesia baru-baru ini dan juga sama ada beliau berpuashati dengan kerjasama rapat serta penyusunan pertahanan yang terdapat sekarang antara kedua Negara tersebut sebagai telah memadai dan sungguh berkesan untuk mengawal kawasan-kawasan sempadan memandangkan keadaan peperangan di Indo-China.

**4. Tuan Ismail bin Hashim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada perundingan telah diadakan dengan Kerajaan Indonesia untuk mengadakan pertahanan bersama antara Malaysia dan Indonesia dan sebaliknya semasa beliau bertemu dengan Presiden Suharto di Jogjakarta baru-baru ini.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng, bersama dengan soalan No. 3 dari Yang Berhormat Tuan M. Mahalingam, dan soalan No. 4 dari Yang Berhormat Tuan Ismail bin Hashim, kerana kesemua soalan-soalan itu adalah mengenai lawatan saya ke Thailand dan Indonesia baru-baru ini.

Dalam lawatan saya ke Thailand dan Indonesia baru-baru ini, saya telah berunding dan bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin kedua-dua negara itu mengenai hubungan dua hala, dan juga mengenai perkembangan-perkembangan terakhir di rantau ini yang menjadi kepentingan bersama.

Kami tidak ada membincangkan perkara pertahanan bersama; kami hanya membincangkan mengenai kerjasama keselamatan sempadan di antara Malaysia dan Thailand, dan di antara Malaysia dan Indonesia. Kami telah bersetuju supaya kerjasama keselamatan

di kawasan sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia untuk menentang musuh bersama, diteruskan dan ditingkatkan lagi.

Dalam bidang ekonomi pula, di Thailand saya dan Perdana Menteri Kriangsak telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Thailand. Kami telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pembangunan bersama di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, terutama di kawasan Sungai Golok. Kami juga bersetuju supaya diadakan kerjasama yang lebih erat dalam bidang pertanian dan perikanan.

Malaysia juga mensetujui pada dasarnya permintaan Thailand untuk memberi kebenaran bagi kenderaan-kenderaan dari Thailand membawa bahan-bahan makanan seperti ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan melalui jalanraya Malaysia dalam perjalanannya ke Singapura.

Sesuai dengan semangat ASEAN, Malaysia telah juga bersetuju untuk membekalkan kepada Thailand, seberapa yang boleh, minyak mentah apabila negara itu mengalami kekurangan minyak.

Saya dan Perdana Menteri Kriangsak telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) bagi menubuhkan sebuah Pihak Berkuasa Bersama (Joint Authority), untuk mencari dan mengusahakan bahan-bahan semula jadi di dasar laut di kawasan pelantar benua (continental shelf) di Telok Thailand. Persetujuan ini adalah mengenai kawasan yang dituntut oleh kedua-dua negara.

Di Jogjakarta Indonesia pula, saya dan Presiden Suharto telah bertukar-tukar fikiran mengenai perkembangan ekonomi antarabangsa. Memandangkan pentingnya bahan-bahan mentah kepada ekonomi kedua-dua negara, dan juga negara-negara membangun yang lain, kami telah merayu kepada negara-negara maju supaya menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap cadangan menubuhkan sebuah Tabong Bersama (Common Fund) bagi menstabilkan harga bahan-bahan mentah dari negara-negara membangun.

Satu lagi perkara yang ada hubungan dengan kerjasama ekonomi ialah persetujuan Malaysia untuk menggunakan kemudahan satelit PALAPA Indonesia, dan persetujuan Indonesia untuk mengkaji kemungkinan diadakan hubungan kebel dasar

laut antara Pulau Pinang dan Medan. Berhubung dengan ini, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di Jakarta pada 29hb Mac, 1979. Mengikuti Memorandum Persefahaman itu, sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama untuk membincangkan butir-butir mengenai penyewaan satelit PALAPA dan sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama mengenai pelaksanaan kebel dasar laut antara Pulau Pinang dan Medan, akan ditubuhkan.

Lawatan saya ke Thailand telah disusuli dengan lawatan Menteri Pertanian kita ke Thailand pada 22hb hingga 26hb Februari, tahun ini. Di akhir lawatan Menteri Pertanian itu satu Perjanjian Kerjasama Pertanian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand telah ditandatangani. Perjanjian ini memperuntukkan, antara lain:

- (a) penubuhan sebuah Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dianggotai oleh Menteri Pertanian Malaysia, Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand.
- (b) penubuhan empat buah Jawatankuasa Kecil yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Kerajaan dari kedua-dua buah negara, iaitu:
  - (i) Jawatankuasa Kecil mengenai Perikanan;
  - (ii) Jawatankuasa Kecil mengenai Ternakan;
  - (iii) Jawatankuasa Kecil mengenai Tanaman Makanan, Tanaman Ladang (termasuk getah dan kelapa sawit) dan Kultura Tumbuhan (Horticulture);
  - (iv) Jawatankuasa Kecil mengenai Parit dan Taliair.

Sebagai satu langkah untuk memperkemas lagi jentera pelaksanaan Perjanjian itu, sebuah Jawatankuasa Teknikal Bersama di antara pegawai-pegawai Malaysia dan Thailand akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan menyelaraskan semua tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan itu.

## MEMORANDAM PERSEFAHAMAN

2. **Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan "50 year Memorandum of

Understanding" yang telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Thailand di Chiangmai pada 21-2-1979, atas perkongsian sumber-sumber laut dari sempadan bersama Malaysia-Thailand di Gulf of Thailand, sama ada kemajuan bersama mulai dirancangan, khasnya tentang gas asli yang dianggarkan kekayaannya lebih kurang 30 trilion kaki padu di kawasan itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) yang saya tandatangi bersama dengan Perdana Menteri Thailand pada 21hb Februari, 1979, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan sebuah Pihak Berkuasa Bersama (Joint Authority) bagi mencari dan mengusahakan bahan-bahan semulajadi di dasar laut di kawasan pelantar benua (continental shelf) di Telok Thailand, bagi tempoh lima puluh tahun. Pihak Berkuasa Bersama itu akan mengandungi dua orang pengerusi bersama, seorang dari Malaysia dan seorang dari Thailand, dan bilangan ahli adalah sama banyak. Memorandum Persefahaman itu hendaklah disahkan (ratify) oleh kedua-dua Kerajaan terlebih dahulu dan ini sedang diuruskan. Selepas pengesahan itu barulah dapat ditubuhkan Pihak Berkuasa Bersama, dan melaluiinya, membuat rancangan-rancangan.

### DASAR EKONOMI BARU

**5. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai dalam mengesan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru oleh Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan berikutan dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan di peringkat Persekutuan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat itu, kemajuan yang dicapai dalam mengesan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru berikutan dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan di Peringkat Persekutuan adalah sangat memuaskan. Ini adalah ternyata memandangkan bilangan dan peringkat penyertaan usahawan bumiputra dalam berbagai bidang yang banyak dan pesat dewasa ini.

### AMALAN MENEPUNG TAWAR

**6. Tuan Abdullah bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar akan amalan menepung tawar seperti kapal terbang baru, trektor baru, lori baru dan lain-lain lagi itu adalah bercanggah dengan Islam kerana tidak mempunyai sedikit faedah jua pun selain daripada syirik kepada Allah, seolah-olah ada kuasa lain yang boleh menyelamatkan sesuatu itu dan jika ya, tidakkah patut ia diberhentikan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dan Dewan ini, upacara atau amalan menepung tawar hanyalah merupakan adat dan tradisi kebudayaan Melayu, iaitu amalan seperti adat merenjis air mawar kepada sepasang pengantin sebagai tanda ingatan yang memberi makna ketulusan kepada sesuatu yang baru, jika tidak ada niat mempersekutukan Allah melainkan hasrat merestui sesuatu yang baru.

Upacara atau amalan seperti ini langsung tidak ada kaitannya dengan kuasa-kuasa lain atau kuasa ghaib di mana pertolongan atau perlindungan dipohon atau diminta. Oleh hal yang demikian tidaklah ianya boleh dianggap syirik dan bercanggah dengan agama Islam. Apa yang dilarang oleh agama ialah menjadikan sesuatu sebagai wasilah atau andad sebagaimana, firman Tuhan dalam Al-Quran suratul Baqarah ayat 22, 'Fala-taj'alu-lillahi andada'. Jangan jadikan bagi Allah andad ataupun wasilah. Ini sahaja yang dilarang.

Adapun mengenai amalan menepung tawar kepada kapalterbang baru, trektor-trektor baru dan lori-lori baru dalam merasmikan istiadat pelancarannya adalah merupakan satu adat (custom), tradisi yang telah menjadi kelaziman. Maka ia tidak bercanggah dengan kesucian agama Islam, ia tidak menjadi syirik kerana ianya bukan dianggap sebagai suatu permohonan daripada benda-benda itu atau dianggap barang-barang itu sebagai wasilah sepertimana kubur-kubur, pokok-pokok atau batu-batu yang dianggap keramat.

Lazimnya selepas istiadat menepung tawar, doa selamat kepada Allah subhanahu wata'ala yang maha berkuasa dilakukan yang mana ini adalah jelas wujudnya unsur-unsur ugama kita.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi bahawa amalan ini telah menjadi adat resam orang-orang Melayu dalam masalah tepung tawar dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Saya ingin dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan, dapatkah Kementerian ini membuatkan satu senarai amalan-amalan yang berasal daripada Hindu itu dijadikan adat istiadat orang Melayu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam supaya dengan ini tidaklah berpecah belah masyarakat Islam dalam negeri ini?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, boleh.

### CHINA/VIETNAM—PERTIKAIAN

**7. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat mana usaha ASEAN atau Malaysia sebagai orang tengah dalam pertikaian China/Vietnam dapat dilaksanakan; dan
- (b) sikap Malaysia dalam masalah ini.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri pada 12hb Mac, 1979 mengenai inisiatif terbaru Malaysia dan Indonesia ke arah menyelesaikan pertikaian di Indo-China. Sebagaimana yang telah disebutkan di dalam kenyataan itu, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Malaysia tidak pernah menawarkan jasa baiknya menjadi orang tengah dalam pertikaian Indo-China. Ini juga bukan merupakan inisiatif ASEAN.

(a) Pendirian Malaysia terhadap pertikaian China-Vietnam adalah terang dibayangkan di dalam kenyataan bersama ASEAN pada 20hb Februari. Antara lain kita menyatakan kebimbangan mengenai perluasan pertikaian di Indo-China, merayu kepada pihak-pihak yang terlibat memberhentikan segala pertikaian dan mendesak semua tentera-tentera asing ditarik keluar dari daerah pertikaian di Indo-China itu. Malaysia juga menyertai negara-negara ASEAN yang lain merayu kuasa-kuasa luar dari rantau ini untuk bertenang dan menjauhkan diri dari sebarang

tindakan yang mungkin memperluaskan pertikaian ini. Kita juga menegaskan pendirian kita ke atas prinsip-prinsip hidup bersama berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa yang tercatat di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam hal pertikaian ini kita menerima baik berita-berita yang melaporkan bahawa pihak-pihak Vietnam dan China telah ber-setuju untuk bertemu di meja perundingan. Memang yang baik sekali ialah bagi kedua-dua pihak Vietnam dan China menyelesaikan pertikaian mereka sesama sendiri dengan tidak campur tangan oleh orang lain. Berita rundingan tersebut kalau disahkan akan mengendurkan ketegangan suasana peperangan sambil membukakan jalan untuk penyelesaian.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha pertikaian antara kejadian yang berlaku di Vietnam sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri, Malaysia tidak menjadi orang tengah tetapi menurut pandangan saya atau setengah rakyat bahawa telah diarahkan hasil daripada persidangan di Indonesia iaitu diminta Indonesia menghubungi Vietnam dan diminta pula Malaysia menghubungi China. Sudahkah ini dibuat dan kalau sudah dibuat, apa reaksinya dan bagaimana sambutan kedua-dua negeri itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang tercatat di dalam kenyataan yang saya rujukkan sebentar tadi, selepas rundingan di antara Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri dengan Presiden Suharto di Jogja baru-baru ini maka telah dipersetujui di antara kedua-dua pemimpin itu untuk berhubung dengan pihak China, bukan supaya Malaysia dan Indonesia menjadi orang tengah, hanya untuk mengetahui di atas pandangan apakah pendirian mereka. Jadi cadangan yang telah kita cadangkan itu ialah supaya Duta kita di Peking membuat perhubungan dengan Kementerian Luar Negeri di Peking. Perhubungan ini telahpun dibuat oleh Duta Besar kita di sana. Maka sepertimana, barangkali Yang Berhormat pun sedia maklum, yang telahpun disiarkan dalam akhbar, iaitu oleh sebab hubungan diplomatik masih ada di antara China dengan Vietnam maka mereka sanggup untuk berunding di antara Vietnam dengan China. Jadi mereka

sudah berusaha untuk mengadakan perundingan bilateral di antara China dengan Vietnam. Setakat itu apa yang telah saya katakan sambil memberikan pandangan-pandangan mereka kepada kita, maka kita juga dapat pandangan-pandangan mereka, dan apa yang dipersetujui telahpun dibesarkan di antara Kedutaan kita iaitu Duta Besar kita dengan Peking. Itulah perhubungan kita yang telahpun diterangkan oleh pihak Peking kepada kita selepas perundingan itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa pergolakan yang berlaku di Indo-China iaitu peperangan China dengan Indo-China, Kerajaan Hanoi telah menuduh Malaysia dan ASEAN berpihak kepada China? Kenyataannya bahawa hingga sekarang kita belum mengiktirafkan lagi Kerajaan baru di Kampuchea. Sudahkah bagi pihak Kementerian ini menjelaskan kepada Hanoi berhubung dengan masalah tersebut supaya perkara ini tidak mendalam pada sangkaan orang-orang Hanoi kepada kita?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk satu kenyataan saya sendiri pada masa yang lampau menerangkan iaitu ASEAN khususnya Malaysia di dalam perbincangan masalah pertikaian Indo-China ini telah menyatakan ASEAN sentiasa neutral, tidak menyebelahi pihak mana sekalipun dan penjelasan itu telahpun diberi bahawa kita di dalam pertikaian ini, tidaklah sekali-kali memihak mana-mana sekalipun. Jadi kalau sesuatu pandangan yang dibuat oleh sesuatu pihak itu bukanlah salah kita, malah salah cara di manakah sudutnya, mereka itu melihat.

Saya suka menjelaskan kepada Dewan berbahagia ini iaitu Malaysia khususnya, di dalam soal pertikaian ini tentu dan tetap dan kekal akan neutral dalam soal ini dan kita berharap moga-moga kestabilan dan keamanan akan dapat kembali kepada rantau ini, dan kita berharap dengan adanya cerita-cerita ataupun akhbar-akhbar mengatakan China dengan Vietnam akan mengadakan rundingan di antara mereka berdua (bilateral), maka kita sanggup memberi sokongan penuh supaya mereka ini dapat berunding di round table untuk menyelesaikan masalah di antara kedua pihak. Kita memberi sokongan yang penuh kepada mereka itu agar pertikaian ini dapat diselesaikan.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selepas tentera Vietnam merampas kuasa di Kemboja tidak beberapa lama dahulu, Naib Perdana Menteri Kanan Republik Rakyat China telah membuat lawatan rasmi ke beberapa buah negara ASEAN termasuk Malaysia dan ke Amerika Syarikat dan Jepun. Semasa lawatan beliau, saya ingin tahu adakah beliau memberitahu Kerajaan Malaysia iaitu Kerajaan Republik Rakyat China ingin membuat serangan atas negara Vietnam sepertimana beliau telah memberitahu Presiden Carter dan juga Jepun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Kerajaan Hanoi telah menuduh seperti yang ternyata di dalam surat khabar baru-baru ini menyatakan iaitu Malaysia sewaktu peperangan Vietnam dahulu telah menolong Amerika di dalam perjuangan Amerika di Vietnam. Adakah perkara ini betul atau tidak seperti tuduhan Hanoi ke atas Malaysia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

#### AHLI DEWAN NEGERI DAN PARLIMEN—TAMBAHAN PENCEN

**8. Tuan Haji Nordin bin Pesah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak memberi tambahan pencen sebanyak 20% kepada bekas Ahli-ahli Dewan Negeri dan Parlimen yang telah bersara sebelum 1-1-1976, memandangkan:

- (a) kenaikan yang seperti itu telah diberikan kepada lain-lain kategori Persara-pesara;
- (b) Ahli-ahli Dewan Negeri dan Parlimen yang telah bersara sebelum 1-1-76 mendapat bayaran pencen berdasarkan kadar elaun bulanan antara 20% dan 5% lebih rendah daripada elaun bulanan Ahli-ahli yang berkhidmat selepas itu; dan
- (c) harga barang-barang semenjak itu telah naik berkali-kali ganda dan pencen yang diterima oleh mereka tidak ada apa-apa perubahan.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, buat pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menimbang-kan pemberian faedah tambahan pencen sebanyak 20% kepada bekas Ahli-ahli Dewan Negeri atau Parlimen yang telah bersara sebelum 1-1-1976, sebagaimana yang telah dibuat kepada pesara-pesara kakitangan Kerajaan. Perbandingan di antara pesara-pesara kakitangan Kerajaan dengan bekas Ahli-ahli Dewan Negeri dan Parlimen tidaklah seharusnya dibuat oleh kerana undang-undang dan peraturan bagi persaraan mereka itu adalah berlainan.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan adalah memberi perhatian di dalam perkara ini.

### SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

**9. Tuan Ismail bin Hashim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengujudkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi ajensi-ajensi Kerajaan khususnya bagi pengambilan pegawai-pegawai dan Kakitangan Majlis-majlis Perbandaran dan Daerah mengikut Akta Kerajaan Tempatan yang terletak di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1976 tiap-tiap Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah adalah bertanggungjawab dalam bidang pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Majlis-majlis tersebut. Ini adalah hak setiap Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dan oleh yang demikian Kerajaan tidaklah perlu mengujudkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang khas mengenainya seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### MINYAK DIESEL DAN PETROL— KENAIKAN HARGA

**10. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(a) sama ada benar bahawa syarikat-syarikat minyak tempatan telah memohon untuk menaikkan harga minyak disel dan petrol akibat kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia; dan

(b) jika benar, sama ada Kerajaan akan menimbang memberi subsidi kepada minyak petrol dan disel untuk mengawal harga-harga barang keperluan harian tidak mengikut naik akibat kenaikan harga minyak petrol dan disel.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini pihak Kerajaan masih belum menerima permohonan daripada syarikat-syarikat minyak tempatan untuk menaikkan harga minyak disel dan petrol. Oleh kerana pihak Kerajaan belum lagi menerima permohonan daripada syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak, maka pihak Kerajaan tidak dapat menimbang sama ada hendak memberi subsidi atau tidak kepada minyak petrol. Pihak Kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa dalam negara ini sangat sukar orang memperoleh minyak disel. Dan satu perkara yang terlibat kepada nelayan-nelayan kita sebab hendak mengusahakan perusahaannya terpaksa membeli minyak yang mahal. Adakah Kementerian ini sudah buat siasatan dan apa pertolongan yang patut diberi kepada nelayan-nelayan kita yang mustahak berhubung dengan minyak disel?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

### PERHUBUNGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN

**11. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan perhubungan negara kita dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi dengan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam dan Komanwel serta negara-negara Dunia Ketiga.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang meliputi segala tali perhubungan negara kita di bidang sosio-ekonomi dengan hampir semua negara-negara di seluruh dunia ini. Pembangunan sosio-ekonomi negara adalah satu daripada dua keutamaan dasar luar mana-mana negara juga termasuk negara kita. Keutamaan utama dasar luar ialah untuk menjaga keselamatan dan keadulatan melalui diplomasi.

Pada keseluruhannya negara-negara di dunia adalah bergantung di antara satu sama lain di dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi. Kebetulan ini berlebih-lebih lagi terang kebenarannya. Di dalam keadaan ekonomi dunia hari ini negara-negara maju dan negara-negara membangun terpaksa bekerjasama. Kemudian negara-negara membangun pula mestilah mengadakan kerjasama sama sendiri yang melipat-gandakan supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada negara-negara maju.

Berasaskan kepada kebetulan-kebetulan dan hakikat yang saya sebutkan itu maka approach Malaysia di dalam perhubungan sosio-ekonomi dengan negara-negara lain adalah dengan secara kasar seperti berikut:

- (a) mengenai ASEAN, Malaysia telah memainkan peranan dengan memberikan sumbangan yang aktif di dalam projek-projek pembangunan sosio-ekonomi ASEAN. Berikutan dengan keputusan yang dibuat pada Persidangan-persidangan Kemuncak ASEAN dan Persidangan-persidangan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Projek-projek sosio-ekonomi ini sesuai dengan konsep penubuhan ASEAN yang bertujuan bagi mengadakan kerjasama serantau di bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan di mana selain daripada pembangunan ekonomi dapat juga membentuk persefahaman yang lebih meluas dan mendalam di antara penduduk di rantau ini. Seterusnya kemajuan ASEAN di dalam pembangunan sosio-ekonomi adalah penting untuk kestabilan rantau kita dan matlamat untuk ASEAN ini adalah satu-satu tumpuan utama dasar luar negeri kita.

Dari segi negara-negara Islam pula kita sememangnya mempunyai perhubungan erat dengan negara-negara Islam dalam semua bidang sama ada dua hala atau melalui serba hala (multi-lateral). Setakat ini kita telah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dan teknik dengan negara-negara berikut:

- (i) Jamahiriyah Arab Libya.
- (ii) Iraq.
- (iii) Egypt.
- (iv) Kuwait.
- (v) United Arab Emirates.
- (vi) Turkey.

(vii) Pakistan.

(viii) Arab Saudi.

dan tidak lama lagi dengan Bangladesh.

Sejak perjanjian-perjanjian ini ditandatangani, usaha-usaha pesat telah diambil untuk mengembangkan lagi kerjasama di dalam bidang ekonomi dan teknik dengan negara-negara berkenaan. Terdapat pertambahan yang sangat pesat dan penting di dalam penanaman modal Arab di negara kita sama ada kerjasama di peringkat Kemajuan Kerajaan ataupun sektor swasta dalam berbagai projek ekonomi dan sosial.

Bank Kemajuan Islam juga turut membiayai beberapa projek di Malaysia. Perhubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara Islam lainnya dijangka bertambah di tahun yang akan datang. Dengan terlaksananya beberapa projek yang dikelolakan (sponsored) oleh pertubuhan-pertubuhan Persidangan Islam di dalam perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Perjanjian kerjasama ekonomi, teknik dan perdagangan antara negara-negara anggota Persidangan Islam.
- (2) Mesyuarat Gabenor-gabenor Bank Negara dan Pusat Kewangan negara-negara anggota pertubuhan Persidangan Islam.
- (3) Pusat penyelidikan dan latihan perangkaan ekonomi dan sosial di Istanbul.
- (4) Dewan Perniagaan Islam Antarabangsa di Karachi.

Mengenai Komanwel pula Malaysia adalah menjadi ahli di dalam Pertubuhan Negara-negara Komanwel sejak kemerdekaan kita. Dalam hal ini kita selalu menyertai di dalam Persidangan-persidangan Komanwel dan sentiasa bekerjasama dengan negara-negara berkenaan di bidang ekonomi dan teknik. Antara lain kedudukan Malaysia sebagai salah satu negara pengeluar barangan-barangan utama yang penting diakui dan Malaysia menjadi Ahli Gabungan Pakar-pakar Komanwel untuk membincangkan pelaksanaan projek ekonomi baru antarabangsa. Malaysia juga dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Teknik Komanwel untuk mengendalikan soal Tabung Bersama (Common Fund) yang bertujuan menstabilkan harga-harga pasaran barangan-barangan utama negara-negara membangun.

Selain daripada itu Commonwealth Fund for Technical Co-operation telah memberikan sumbangan dan bantuan wang serta teknik dalam berbagai bidang termasuklah teknologi, pelajaran, pertanian dan perkapalan dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan Negara-negara Ketiga (Third World), perhubungan kita dengan negara-negara membangun ini yang juga ahli kumpulan yang terkenal sebagai Kumpulan 77 (Group 77) adalah baik dan setengahnya seperti negara-negara ASEAN kita adalah lebih rapat daripada yang lain.

Sebagai negara-negara yang membangun kita mempunyai kepentingan yang serupa dalam menentukan jurang perbezaan ekonomi di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun dikurangkan dan juga menentukan bahawa negara-negara maju membantu negara-negara membangun dengan mengadakan syarat-syarat perdagangan yang lebih longgar, menentukan harga-harga perusahaan-perusahaan awam yang lebih adil dan juga membantu dalam usaha-usaha perindustrian mereka untuk mendapat modal serta teknologi yang moden. Isu-isu ini adalah penting bagi menubuhkan Dasar Ekonomi Baru antarabangsa yang mana semua negara-negara membangun berharap diperlaksanakan dengan segera. Tema ini tema kepentingan bersama bagi negara-negara membangun dan kita sentiasa membangkitkan di mana-mana persidangan antarabangsa diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ini nescayalah merupakan garis kasar sahaja. Walau bagaimanapun, untuk memberikan penjelasan yang lebih teliti, saya sanggup mengatitkan satu taklimat yang lebih terperinci jika Ahli-ahli Yang Berhormat ada meminta di dalam hal ini.

## PENAGIH-PENAGIH DADAH

**12. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Kesihatan menyakan:

- (a) bila Kerajaan akan menggunakan cara Detoxification untuk mengubati penagih-penagih dadah di semua hospital di seluruh negara; dan
- (b) sama ada penubuhan Pusat-pusat Pemulihan Penagih-penagih Dadah yang sedang dirancang di seluruh tanahair akan diberhentikan dengan adanya rancangan pengubatan secara baru ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Detoxifikasi telah digunakan untuk mengubati penagih-penagih dadah selama beberapa tahun yang lalu. Setakat ini terdapat 9 pusat-pusat rawatan penagih dadah di hospital-hospital di negara ini. Adalah didapati tidak feasible dan economic untuk membuka pusat-pusat rawatan di setiap hospital di negara ini.
- (b) Detoxifikasi ini hanya membersihkan badan penagih dari dadah, dan menjadi sebahagian daripada rancangan pemulihan. Selepas detoxifikasi seseorang penagih itu akan mengikuti rancangan pemulihan psiko-sosial dan oleh kerana itu, Pusat-pusat Pemulihan Penagih Dadah adalah perlu diadakan.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Soalan tambahan. Saya ingin mendapat kenyataan lebih jelas lagi perubahan secara sebagaimana yang diterangkan tadi, adakah negeri-negeri di dalam dunia ini selain daripada Malaysia menjalankan perubahan seumpama ini dan negeri-negeri yang maju seumpama Amerika dan Jepun adakah menjalankannya dan bagaimana kesannya terhadap penagih-penagih dadah itu?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, detoxification atau detoxifikasi merupakan sebahagian daripada cara kita merawat penagih-penagih dadah dan ianya digunakan oleh semua negeri yang merawat penagih dadah.

## MURID-MURID TERCICIR

**13. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid yang telah tercicir di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun-tahun 1976, 1977 dan 1978; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian ini terhadap mereka yang tercicir itu.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya istilah tercicir yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah begitu jelas. Istilah tercicir yang disebut oleh Yang Berhormat itu mempunyai beberapa maksud:

- (a) ianya boleh dimaksudkan murid-murid yang sepatutnya mengambil SRP atau MCE/SPM pada tahun ini, misalnya, tetapi tidak mengambil peperiksaan itu.

Murid-murid itu boleh dianggap ter-cicir, kalau ini dimaksudkan, Kementerian tidak ada menyimpan angka itu setakat ini.

(b) ianya juga boleh dimaksudkan murid-murid yang mengambil peperiksaan tetapi mereka ini tidak mendapat tempat ke Tingkatan IV atau Sijil Penuh Pelajaran Malaysia.

(c) ianya juga boleh dimaksudkan murid-murid yang gagal langsung dalam peperiksaan SRP atau MCE/SPM. Kalau Yang Berhormat maksudkan istilah ter-cicir itu mereka yang tidak mendapat tempat di Tingkatan IV dan Sijil Penuh Pelajaran Malaysia maka bilangannya adalah seperti berikut:

#### PERINGKAT SRP/LCE

Tahun				Bilangan murid
1976	...	...	...	71,246 orang
1977	..	...	...	95,028 ..
1978	..	...	...	91,717 ..

#### PERINGKAT SPM/MCE

Tahun				Bilangan murid
1976	..	...	...	31,080 orang
1977	..	...	...	40,699 ..
1978	..	...	...	Belum dapat ditentukan.

Bagi menjawab soalan (b) Kementerian memang ada rancangan pada mereka ini seperti memberi peluang kepada mereka belajar semula di Tingkatan III dan V jika mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Kementerian Pelajaran juga memberi peluang kepada mereka menyambung pelajaran ke Kelas Lanjutan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran. Selain daripada itu, sebilangan dari mereka yang layak diberi peluang meneruskan pelajaran di bidang vokesyenal.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bilangan murid-murid yang dapat mengikuti rancangan ini adalah seperti berikut:

Rancangan mengulang semula peringkat SRP/LCE tahun 1976 belum dapat ditentukan lagi kerana dalam proses.

Tahun				Bilangan murid
1977	...	...	...	7,996 orang
1978	...	...	...	9,580 ..

#### PERINGKAT SPM/MCE

Tahun				Bilangan murid
1976	...	...	...	Belum dapat ditentukan.
1977	...	...	...	7,779 orang
1978	...	...	...	13,019 ..

#### KELAS LANJUTAN PERINGKAT SRP/LCE

Tahun				Bilangan murid
1976	...	...	...	5,120 orang
1977	...	...	...	5,248 ..
1978	...	...	...	4,314 ..

#### KELAS LANJUTAN PERINGKAT SPM/MCE

Tahun				Bilangan murid
1976	...	...	...	2,685 orang
1977	...	...	...	2,447 ..
1978	...	...	...	1,894 ..

#### VOKESYENAL TINGKATAN IV

Tahun				Bilangan murid
1976	...	...	...	123 orang
1977	...	...	...	105 ..
1978	...	...	...	149 ..

#### COMMON FUND FOR COMMODITIES

14. **Datuk Dr Wee Khoon Hock** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dalam perundingan antara Negara-negara yang maju dengan Negara-negara membangun baru-baru ini, apa kemajuan telah didapati atas pendirian satu "Common Fund for Commodities", dan sama ada Malaysia bercadang berhubung dengan negara-negara ASEAN yang mengeksport bahan-bahan asli untuk menentukan tertubuhnya Common Fund itu dalam Persidangan UNCTAD yang akan dijalankan di Manila dalam bulan Mei ini.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong):** Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengingati bahawa penubuhan Tabung Bersama ini telah mula dikemukakan untuk rundingan di sesi Keempat Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD IV)

yang diadakan di Nairobi, Kenya dalam bulan Mei, 1976. Tabung ini dicadangkan sebagai alat utama dalam Rancangan Panduan untuk Barangan (Integrated Programme for Commodities) yang bertujuan untuk menyusun semula sistem perdagangan antarabangsa bahan-bahan utama dan menstabilkan harga-harga barangan supaya suatu sistem yang lebih saksama untuk negara-negara membangun dapat diwujudkan. Tabung Bersama ini dicadangkan untuk membiayai sekim-sekim stok penimbun dan juga "lain-lain langkah" memajukan bahan-bahan utama, serta penyelidikan, pemasaran dan pemerosesan.

Persidangan UNCTAD IV di Nairobi itu telah mengambil keputusan supaya suatu Persidangan Perundingan diadakan untuk merundingkan penubuhan Tabung ini.

Mesyuarat terakhir Persidangan Perundingan mengenai Tabung Bersama diadakan di Geneva dari 12hb hingga 19hb Mac, 1979. Mesyuarat ini adalah sesi ketiga Persidangan Perundingan ini.

Walaupun Sessi-sessi pertama dan kedua Persidangan ini gagal membawa kepada pencapaian kata sepakat di antara negara-negara peserta mengenai berbagai unsur Tabung ini, di Persidangan kali ketiga ini, persetujuan telah dicapai mengenai unsur-unsur utama Tabung ini. Berkenaan dengan struktur modal dan sumbangan yang akan dibuat oleh Kumpulan-kumpulan negara yang berkenaan.

Mengikut persetujuan yang dicapai, Tabung ini akan mendapat kewangan dari tiga punca, iaitu melalui sumbangan secara langsung oleh Kerajaan-kerajaan kepada Tabung ini, wang simpanan dari peraturan-peraturan barangan antarabangsa dalam Tabung ini dan pinjaman dari institusi-institusi kewangan.

Sumbangan secara langsung oleh negara-negara anggota dianggarkan akan berjumlah US\$750 juta, daripada mana US\$400 juta akan digunakan untuk sekim-sekim stok penimbun dan US\$350 juta untuk lain-lain langkah. Harus diperhatikan bahawa sejumlah US\$280 juta dari US\$350 juta untuk lain-lain langkah ini dijangka akan diperolehi melalui sumbangan-sumbangan sukarela oleh negara-negara ahli.

Peraturan-peraturan barangan antarabangsa dijangka menyimpan 33½ peratus daripada keperluan kewangan maksima mereka dalam Tabung ini. Sebagai balasan peraturan-peraturan barangan antarabangsa ini akan

dapat meminjam 66⅔ peratus daripada keperluan kewangan maksima mereka dari Tabung ini apabila peraturan barangan tersebut memerlukan.

Persetujuan mengenai unsur-unsur asas Tabung ini akan membolehkan tindakan lanjutan diambil untuk menggubal Perjanjian menubuhkan Tabung ini. Untuk maksud ini, adalah dipersetujui bahawa Setiausaha Agung UNCTAD mengadakan suatu Jawatankuasa Interim Persidangan Perundingan mengenai Tabung Bersama ini untuk menyediakan draf Perjanjian menubuhkan Tabung ini sebelum akhir 1979.

Persidangan di Geneva itu juga bersetuju bahawa di Persidangan UNCTAD V yang akan diadakan di Manila dalam bulan Mei-Jun, 1979 ini, negara-negara peserta diharapkan membuat janji untuk memberi sumbangan kepada kewangan yang dikehendaki untuk "lain-lain langkah" yang telah saya sebutkan di atas.

Negara-negara anggota ASEAN memang mengadakan rundingan antara satu sama lain dari masa ke semasa mengenai masalah barangan, termasuk perkara Tabung Bersama ini. Perkara ini dibincangkan di Mesyuarat-mesyuarat Ekonomi ASEAN dan juga mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang lain yang diadakan dari semasa ke semasa.

Persetujuan yang dicapai dalam rundingan mengenai Tabung Bersama ini merupakan suatu kejayaan dalam usaha untuk mewujudkan suatu Susunan Ekonomi Antarabangsa yang Baru yang dikehendaki oleh negara-negara membangun. Malaysia mengalu-alukan pencapaian kata sepakat di Persidangan baru-baru ini.

## BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH TAMIL

**15. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa taraf pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah Tamil adalah rendah; jika sedar, nyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru Bahasa Malaysia.

**Tuan Haji Salleh Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu taraf pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) adalah rendah kerana

pada masa itu kebanyakan guru-guru yang ada di sekolah-sekolah tersebut tidak terlatih tetapi sekarang kedudukan pengajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) telah beransur baik. Guru-guru sementara yang mempunyai kelayakan telah diberi atau sedang diberi latihan dalam masa cuti persekolahan, dalam kursus sekolah Rendah Tamil dan pendidikan peringkat awalan kanak-kanak. Guru-guru yang mengikuti kursus sekolah rendah Tamil layak mengajar Bahasa Tamil dan Bahasa Malaysia dan mereka yang mengikuti kursus pendidikan peringkat awalan kanak-kanak layak mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Selain daripada itu, guru-guru terlatih yang layak mengajar Bahasa Malaysia dari Maktab Perguruan juga ditempatkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Pandangan Kementerian Pelajaran ialah taraf pengajaran bahasa di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) tidaklah rendah lagi seperti dahulu.

#### BALAI POLIS BARU DI KAMPONG AUR

**16. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang hendak membina sebuah Balai Polis baru serta rumah kediaman Pegawai-pegawai Polis dan kakitangan lain yang ditempatkan di Kampong Aur, jika ya, nyatakan jumlah peruntukan yang telah diberi; dan
- (b) bilakah kerja pembinaannya akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di Kampong Aur itu sudahpun ada sebuah pondok Polis dengan dua orang pegawai ditempatkan di situ dan ini adalah difikir memadai dan lagi pula di Bukit Ibam, iaitu jauhnya hanya 5 batu sahaja dari Kampong Aur ini sudahpun ada sebuah balai Polis, dengan yang demikian Kerajaan belumlah ada cadangan hendak membina balai Polis di kampung ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu pada masa ini kajian sedang dibuat bagi menggantikan pondok Polis yang ada sekarang ini dengan yang baru.

#### PERTAHANAN NEGARA

**17. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah atau sedang diambil untuk memperkuat pertahanan negara; dan
- (b) Sama ada satu sistem dirangka dalam mana setiap rakyat negara akan dapat mempertahankan negara sekiranya berlaku sebarang serangan dari luar.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jawapan kepada soalan (a), saya suka menjelaskan bahawa strategi pertahanan negara kita telahpun dibentuk dan seperti biasa sentiasa disemak dan diperkemas selaras dengan perkembangan keadaan dari masa ke semasa. Kementerian Pertahanan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan sentiasa mengkaji segala keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini supaya kita dapat sentiasa bersedia menghadapi apa jua ancaman ke atas kedaulatan, keamanan dan kestabilan negara kita.

Hasil dari kajian-kajian ini maka Kementerian Pertahanan telahpun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang difikir cukup lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara kita menghadapi ancaman-ancaman yang dapat ditentukan di dalam kajian tersebut. Di bawah rancangan-rancangan pertahanan yang dikemaskini itu termasuklah langkah-langkah berikut:

- (1) Menambah dan memperkemas tenaga untuk pertahanan negara;
- (2) Memperkemas dan meningkatkan mutu latihan peperangan termasuk latihan peperangan konvensional;
- (3) Menambah dan mengemaskinikan kelengkapan senjata-senjata sesuai dengan keadaan;
- (4) Memperkuat serta memperkemas jentera logistik untuk menyokong pasukan-pasukan bertempur.

Rancangan Malaysia Kedua dan kemudian Rancangan Malaysia Ketiga telahpun mengandungi perbelanjaan untuk melaksanakan langkah-langkah tersebut.

Mengenai jawapan kepada soalan (b), kita memang telah ada skim-skim yang melibatkan segolongan rakyat yang rela untuk

membantu Pasukan Keselamatan kita. Rancangan-rancangan yang telah disiapkan itu adalah berasaskan kepada pandangan-pandangan yang menyeluruh ke atas keadaan-keadaan yang mungkin mengancam kedaulatan, keamanan dan kestabilan negara kita. Skim-skim yang saya sebutkan tadi, telah dan sedang berjalan pada masa ini melalui pasukan-pasukan keselamatan seperti Tentera Wataniah dan RELA di mana rakyat jelata boleh menceburkan diri untuk memainkan peranan mempertahankan negara kita.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana memandangkan keadaan pada hari ini terutama sekali suasana di utara negeri kita, iaitu di Kemboja, di Vietnam dan di Laos. Yang kedua berkenaan dengan minyak kita, iaitu minyak kita di Trengganu dan di Kelantan. Dengan sebab itu ada atau tidak langkah-langkah Kerajaan kita untuk mengadakan naval base, bukan sahaja di sebelah barat tetapi di sebelah timur memandangkan keadaan-keadaan sekarang. Adakah langkah-langkah yang akan dibuat pada hari akan datang.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, tentulah ada.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan Malaysia tidak ingin mengadakan satu pakatan tentera secara multilateral atau bilateral dengan sesiapa pun, adakah dalam pandangan Kerajaan sesuai jika Pasukan RELA dan Pasukan Wataniah ditukar (convert) sebagai Tentera Malaysia di mana mereka diberi segala kelengkapan senjata seperti di negara-negara komunis, terutama sekali Tentera Malaysia ini diberi latihan membalas sesuatu serangan musuh terlebih dahulu sebelum Askar Regular membalas, adakah dalam pandangan Kerajaan sesuai kita mengadakan Tentera Malaysia ini?

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut keadaan kita sekarang ini saya berpuas hati tugas-sugas untuk menjalankan pertahanan sepenuh masa patutlah dijalankan oleh askar biasa. Sementara itu kerana ada rakyat yang

ingin menceburkan diri dalam soal pertahanan, maka latihan-latihan diberi juga menerusi perbadanan seperti Askar Wataniah dan RELA. Bila dikehendaki seperti telah berlaku sekali dua, Askar Wataniah telahpun kita kerah dan mereka telah dapat kita gunakan seperti askar biasa juga.

### PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTRA/ BUKAN BUMIPUTRA

**18. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) dasar Kerajaan mengenai quota memasukkan pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra ke institusi-institusi pelajaran tinggi dan universiti-universiti tempatan selepas Merdeka dan pada masa ini; dan
- (b) sama ada dasar ini dilaksanakan selepas Merdeka hingga kini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun sebelum kita mencapai kemerdekaan tidak ada sesuatu dasar mengenai memasukkan pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Oleh yang demikian, kita dapati ketika itu cuma sebilangan kecil sahaja pelajar bumiputra mendapat tempat di dalam universiti di negara ini itupun tertumpu kepada aliran sastera.

Di universiti-universiti luar negeri pelajar bumiputra merupakan golongan yang kecil sahaja juga tertumpu kepada aliran sastera dan Undang-undang. Dasar Ekonomi Baru mempunyai matlamat menyusun semula masyarakat Malaysia dengan tujuan mengurangkan dan menghapuskan perbezaan kaum dari segi fungsi-fungsi ekonomi. Oleh kerana penyertaan bumiputra dalam bidang sains dan teknologi amat jauh tertinggal maka Kerajaan terpaksa mengadakan dasar untuk menambahkan bilangan kaum bumiputra dan memberi peluang yang lebih kepada pelajar-pelajar bumiputra untuk mengikuti kursus aliran sains dan teknologi terutama sekali di peringkat diploma dengan harapan mereka akan dapat menyertai bersama-sama kaum-kaum yang lain yang sudah sedia ada di bidang-bidang tersebut itu.

Pada masa ini sebagai satu matlamat Kerajaan pengambilan pelajar-pelajar ke universiti hendaklah mencerminkan masyarakat berbilang kaum di negeri ini. Namun begitu memandangkan penyertaan bumiputra di berbagai bidang masih belum lagi mencapai taraf yang memuaskan, maka Kerajaan telah memberi pengecualian dari matlamat ini kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia. Ini adalah supaya ketiga-tiga universiti ini dapat memainkan peranannya mempercepatkan proses pertambahan pengeluaran bumiputra di dalam berbagai profesion lebih-lebih lagi di bidang-bidang di mana kekurangan bumiputra jelas berlaku. Keputusan Kerajaan ini telah dibuat setelah mengkaji kedudukan bilangan pelajar-pelajar keseluruhannya di dalam dan di luar negeri di mana jelas bahawa bilangan pelajar bukan bumiputra masih lagi mengatasi bilangan pelajar bumiputra.

### PAKAR JANTUNG DAN BEDAH

**19. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa orang pakar jantung;
- (b) berapa orang doktor pakar bedah;
- (c) berapa orang doktor-doktor pakar dalam penyakit-penyakit lain, buah pinggang misalnya; dan
- (d) bilangan doktor-doktor bumiputra yang berkhidmat di negeri Kedah sekarang.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua Pakar-pakar Perubatan Umum adalah cekap dalam rawatan penyakit jantung dan mereka telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Umum Kanan. Pada masa ini tidak terdapat Pakar Perubatan Umum yang diwartakan berasingan sebagai Pakar Perubatan Jantung (Cardiac Physician). Di Kementerian ini terdapat 5 orang Pakar Perubatan Umum yang mempunyai latihan khas di bidang penyakit jantung.

(b) Jumlah bilangan Pakar-pakar Bedah di Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

(1) Pakar Bedah Umum ...	35
(2) Pakar Bedah Otopidik ...	12
(3) Pakar Bedah Telinga, Hidung dan Tekak ...	10
(4) Pakar Bedah Pelastik ...	1
(5) Pakar Bedah Mata ...	30
(6) Pakar Bedah Thoracic ...	2
(7) Pakar Bedah Urology ...	2
(8) Pakar Neurosurgery ...	3
Jumlah ...	95

(c) Jumlah bilangan Doktor-doktor Pakar dalam jenis kepakaran yang lain di Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Kepakaran</i>	<i>Bilangan</i>
(1) Perubatan Umum ...	47
(2) Perubatan Kanak-kanak	16
(3) Perubatan Kulit ...	4
(4) Perubatan Dada ...	9
(5) Perubatan Jiwa ...	11
(6) Neurology ...	2
(7) Nephrology ...	1
(8) Kajipenyakit ...	24
(9) X-Ray Diagnostik ...	20
(10) X-Ray Therapy ...	6
(11) Bius ...	22
(12) Perbidanan dan Sakit-puan ...	29
(13) Tabung Darah ...	2
(14) Veneorology ...	1
Jumlah ...	194

- (d) Di Negeri Kedah sekarang terdapat sejumlah 14 orang Doktor Bumiputra termasuk seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan dan 3 orang Doktor Pelatih.

### PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

**20. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Kerajaan boleh mengambil langkah-langkah untuk menghalang

pemaju-pemaju perumahan daripada menamakan Taman-taman Perumahan atas nama mereka ataupun menggunakan nama-nama mengikut kehendak hati masing-masing. Sekiranya begitu, adakah wajar untuk merangka langkah-langkah sedemikian supaya Taman-taman Perumahan dinamakan dengan Nama Pahlawan-pahlawan Negara ataupun mengikut sejarah negeri ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa berbagai-bagai nama telah diberi kepada kawasan-kawasan perumahan dan saya sedang mengambil tindakan untuk mengawal perkara ini dengan meminta pemaju-pemaju perumahan yang akan memajukan kawasan-kawasan perumahan untuk menggunakan nama-nama yang bercorak kebudayaan nasional. Bagi kawasan-kawasan perumahan yang sudah menggunakan nama-nama yang tidak bercorak kebudayaan nasional ini Kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan telah diminta mengambil apa-apa tindakan yang dianggapkan munasabah kerana penamaan dan penukaran nama tiap-tiap rancangan perumahan adalah terjatuh di bawah kuasa Penguasa-penguasa Tempatan.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini dapat bersetuju atas pandangan saya oleh sebab nama-nama taman yang ada sekarang berkecamuk dan ada yang tidak berunsur tradisional kita, tiap-tiap pemaju perumahan masa akan datang bila hendak menamakan taman-taman itu dirujuk namanya itu ke Kementerian ini dan Kementerian ini memberikan kelulusan. Bolehkah dibuat peraturan yang begini?

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemaju Perumahan dan Akta Kerajaan Tempatan ada. Ini memanglah kita timbangkan dan memang saya sebutkan dalam jawapan saya, akan mengambil tindakan dan ada tempat-tempat itu dengan kerjasama Kerajaan Negeri, kita boleh pinda dan sebagainya nama-nama yang telah dinamakan dan disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

## CONCORDE

**21. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kajian atau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian-nya atas rungutan penduduk-penduduk di Port Dickson atas penerbangan Concorde yang diberitakan dalam akhbar tempatan baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan-aduan penduduk Port Dickson yang dilaporkan di dalam surat-suratkhbar berhubung dengan penerbangan Concorde, satu pengawasan setempat dan kajian berbentuk soal-jawab sedang dijalankan di kawasan tersebut oleh Bahagian Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

## FOKKER FRIENDSHIP

**22. Datuk Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu timbul masalah mengenai tempat duduk di Penerbangan Fokker Friendship terutama sekali dari Kota Kinabalu ke Tawau dan sama ada beliau akan mengarahkan MAS untuk memberi nombor tempat duduk kepada semua penumpang.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penerbangan perkhidmatan MAS dengan kapalterbang jenis F-27 di Sabah dalam keadaan biasa adalah mencukupi. Tetapi pada waktu-waktu luar biasa (peak period) penerbangan-penerbangan itu perlu ditambahkan. Pihak MAS sentiasa mengambil perhatian berat dalam hal ini dan telahpun dari masa ke semasa menambahkan bilangan penerbangannya, umpamanya penerbangan ke Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau yang mana sekarang dijalankan dengan 14 kali seminggu iaitu 2 kali ganda daripada perkhidmatan dahulu. Bagi penerbangan Kota Kinabalu/Tawau semenjak bulan November, 1978 perkhidmatan itu dijadikan 28 kali seminggu iaitu ditambahkan sebanyak tujuh kali seminggu dari perkhidmatan sebelum tarikh itu. Perkhidmatan ini akan ditambahkan sehingga 30 kali seminggu dalam dua atau tiga bulan lagi. Perkhidmatan ke Tawau akan ditingkatkan lagi dengan cara mengadakan perkhidmatan kapalterbang jenis B-737 apabila landasan

kapalterbang Tawau diperbaiki dan diperbesarkan. Pihak Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki dan memperbesarkan lapangan terbang itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi No. 23 hingga 43 adalah diberi di bawah ini).*

### TV WARNA

**23. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperbanyakkan lagi rancangan-rancangan tempatan di dalam TV Warna dan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi filem-filem warna.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Sebagaimana yang telah diumumkan perkembangan siaran berwarna TV dilaksanakan secara berperingkat-peringkat meliputi anggaran 5 tahun dalam mana perkembangan tersebut akan lengkap dilaksanakan. Kementerian Penerangan akan menambahkan lagi penerbitan rancangan tempatan dalam bentuk warna dan juga menambahkan tayangan filem berwarna mengikut peringkat-peringkat perkembangan ini dari masa ke semasa.

### PERUMAHAN—PENYELARAS PROJEK

**24. Tuan Yap Peng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menyelaras dan mempercepatkan proses bagi permohonan untuk memajukan projek perumahan memandangkan kelewatan yang sedang dialami oleh pemaju-pemaju perumahan untuk memulakan pembinaan yang mengakibatkan lambat siap dan mahal harga rumah.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum):** Soalan Ahli Yang Berhormat nampaknya rumit hendak diberi jawapan yang tepat kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara perumahan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri sebagaimana tertulis di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kerumitan permohonan untuk memajukan satu-satu projek perumahan hendaklah dilihat dari segi Perlembagaan Negara

kita. Memang benar banyak lapisan tindakan seharusnya dilalui oleh setiap pemaju perumahan sebelum projek itu dapat dilaksanakan. Tetapi di tiap-tiap peringkat sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan sememangnya sudah mengadakan Jawatankuasa Penyelaras untuk mempercepatkan proses bagi meluluskan permohonan-permohonan yang diminta. Umpamanya, di Negeri Perak, permohonan kelulusan pertukaran hakmilik dan pecah sempadan adalah dikelolakan oleh sebuah "task force" dan permohonan itu dijangka dapat diberi jawapan yang tegas di dalam masa 3 bulan. Dari pengetahuan saya Kerajaan-kerajaan Negeri lain ada juga mengambil tindakan seumpama ini.

Di bidangkuasa tempatan umpamanya di dalam permohonan untuk kelulusan pelan rumah, tiap-tiap pihak berkuasa telah mengadakan satu Jawatankuasa Perancangan; umpamanya di Wilayah Persekutuan Jawatankuasa Perancangan ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar sendiri dan mengandungi pegawai-pegawai teknikal yang berkenaan di bawah kelolaan Dewan Bandaraya.

Dari keterangan yang saya beri itu sebuah Jawatankuasa Khas tidaklah dapat ditubuhkan kerana perkara-perkara yang terpaksa dihadapi oleh tiap-tiap pemaju perumahan adalah banyak dan bidangkuasa di dalam tiap-tiap satu hal itu terletak di peringkat Penguasa Tempatan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Selagi ada penyelarasan di peringkat-peringkat yang tertentu itu, saya berpendapat kerumitan yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan itu akan dapat dikurangkan dan proses mendapat kelulusan dipercepatkan.

### PENDATANG HARAM VIETNAM

**25. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kejayaan yang telah dicapai sejak Kerajaan menubuhkan satu Pasukan Petugas yang diketuai oleh Mejar Jeneral Dato' Ghazali bin Che Mat terhadap kemasukan pendatang haram serta masalah-masalah mereka yang telah sedia berada di negara ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Pasukan Petugas telah berjaya mengurangkan kemasukan pendatang-pendatang haram Vietnam ke negara ini sejak janya ditubuhkan dan mula bertugas pada 1hb Disember

1978. Sejak tarikh tersebut hingga akhir bulan Mac 1979 jumlah pendatang-pendatang haram yang berjaya mendarat di negara ini ialah 24,519 (iaitu seramai 6,897 dalam bulan Disember 1978, 4,833 bulan Januari, 3,764 bulan Februari dan 9,025 bulan Mac 1979). Sebaliknya dalam bulan November 1978 sahaja, iaitu sebulan sebelum Pasukan Petugas ditubuhkan jumlah pendatang-pendatang haram yang berjaya mendarat ialah 16,463. Sayugia diingatkan adalah mustahil bagi Pasukan Petugas mencapai kejayaan seratus peratus di bidang ini kerana segala tindakannya mestilah mengikut undang-undang dan berasaskan kepada lunas-lunas perikemanusiaan. Lagi pun kawasan perairan yang perlu dikawal ialah lebih kurang 61,000 batu persegi.

Untuk mengatasi masalah-masalah yang dibawa oleh pendatang-pendatang haram yang telah sedia berada di negara ini pula, Pasukan Petugas telah berjaya mengujudkan satu sistem kawalan rapi semasa mendarat, setelah itu di pusat-pusat penempatan sementara dan sehinggalah mereka itu dipindahkan ke negara-negara ketiga. Dengan kawalan rapi tersebut kerajaan yakin bahawa tiada seorang pun dari mereka itu yang dapat meresap ke dalam hutan atau masyarakat tempatan dan menimbulkan masalah keselamatan. Di samping itu penduduk tempatan telah dapat dipisahkan daripada pendatang-pendatang haram dan dengan itu masalah sosial telah juga diatasi. Sistem pentadbiran pendatang-pendatang haram telah juga diperkembangkan. Sistem ini, antara lain, menentukan bahawa layanan yang diberi kepada pendatang-pendatang haram seperti mengadakan bahan-bahan makanan tidak akan menimbulkan masalah ekonomi kepada negara, khususnya kepada kawasan-kawasan yang dibanjiri oleh mereka itu.

### SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UGAMA

26. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Sejak bila Kerajaan Pusat telah mengambilalih pentadbiran Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Ugama;
- (b) bilangan sekolah Menengah Kebangsaan Ugama yang telah diambilalih oleh Kerajaan Pusat hingga sekarang; dan

- (c) sejauh mana pemberian dan bantuan telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada sekolah-sekolah ini sejak diambilalih khususnya sekolah-sekolah di Perlis.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):**

- (a) Sejak 1-1-1977, Kementerian saya telah mengambilalih pentadbiran 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama di Semenanjung Malaysia. Kemudian pada 1-1-1979 Kementerian saya telah mengambilalih pentadbiran 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama lagi iaitu di Pulau Pinang.
- (b) Hingga sekarang Kementerian saya telah mengambilalih 13 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama di Semenanjung Malaysia.
- (c) Pemberian dan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada sekolah-sekolah ini adalah sama seperti yang diberi kepada Sekolah-sekolah Menengah Biasa yang lain. Di samping itu, oleh sebab sekolah-sekolah ini ketika diambilalih oleh Kementerian didapati keadaannya dari segi bangunan dan alat kelengkapan tidak memuaskan, maka Kerajaan Persekutuan telah menguntukkan sebanyak \$528,604 untuk tujuan memperbaiki bangunan dan membekalkan alat kelengkapan bagi sekolah tersebut dengan segera.

Kerajaan Persekutuan juga telah menguntukkan sebanyak \$15 juta lagi untuk tujuan pembangunan dan pembekalan alat kelengkapan bagi sekolah-sekolah tersebut. Peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah itu adalah mengikut keperluan masing-masing. Dari kedua-dua jumlah yang diuntukkan itu, 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama di Perlis mendapat sebanyak \$2,256,525.

### SETTINGGAN-SETTINGGAN DI KUALA LUMPUR

27. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan setinggan-setinggan di Kuala Lumpur mengikut kaum sejak kemerdekaan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn):** Kementerian ini tidak mempunyai rekod setinggan sejak dari tarikh kemerdekaan kerana masa itu belum ada unit

atau badan khas mengendalikan rekod-rekod setinggan.

Pada tahun 1978 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada membuat bancian setinggan di sekitar Wilayah Persekutuan dan data-data yang diperolehi adalah seperti berikut:

Bumiputra	...	...	43%
Bukan Bumiputra	...	...	57%

### HOSPITAL BESAR/DAERAH DI KELANTAN

**28. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) anggaran perbelanjaan bagi pembinaan tiap-tiap hospital berikut:

- (i) Hospital Besar Kubang Kerian di Kota Bharu;
- (ii) Hospital Daerah Tanah Merah;
- (iii) Hospital Daerah Bachok; dan
- (iv) Hospital Daerah Tumpat.

(b) setakat mana kerja-kerja membina hospital-hospital tersebut telah dilaksanakan setakat ini;

(c) bila hospital-hospital tersebut akan siap dibina; dan

(d) sebab-sebab kelambatan menyiapkan hospital-hospital tersebut.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):**

(a) Anggaran perbelanjaan bagi pembinaan tiap-tiap hospital ialah seperti berikut:

- (i) Hospital Besar Kubang Kerian di Kota Bharu—\$38,000,000
- (ii) Hospital Daerah Tanah Merah—\$5,020,000
- (iii) Hospital Daerah Bachok - tidak ada projek
- (iv) Hospital Daerah Tumpat—\$4,200,000

(b) Kemajuan pembinaan pada akhir bulan Februari 1979 untuk:

- (i) Hospital Besar Kubang Kerian di Kota Bharu—11% pembinaan;
- (ii) Hospital Daerah Tanah Merah—13% pembinaan;

(iii) Hospital Daerah Bachok—tidak ada projek;

(iv) Hospital Daerah Tumpat—dalam penyediaan "Tender Table Document" oleh J.K.R.

(c) Jangkaan siap hospital-hospital ialah—

- (i) Hospital Besar Kubang Kerian di Kota Bharu—pada tahun 1981;
- (ii) Hospital Daerah Tanah Merah—pada tahun 1980;
- (iii) Hospital Daerah Bachok—tidak ada projek;
- (iv) Hospital Tumpat—pada tahun 1981.

(d) Sebab-sebab kelambatan—

(i) Hospital Besar Kubang Kerian di Kota Bharu—sedikit kelambatan disebabkan masalah teknikal.

(ii) Hospital Daerah Tanah Merah—kelambatan menyiapkan hospital ini adalah disebabkan masalah meratakan tapak di mana terdapat batu-batu yang besar yang sukar hendak dipecahkan. Kontrek pertama telah diberi kepada kontraktor pada bulan November 1973 tetapi beliau telah tidak dapat menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam tempoh 32 minggu sebagai yang ditetapkan dalam kontraknya. Tempoh kontrak ini telah dilanjutkan sebanyak tiga kali berjumlah 39 minggu bagi kontraktor menyambungkan kerja-kerja itu tetapi malangnya kontraktor pertama ini tidak dapat menyiapkan kerja-kerja meratakan tapak tersebut. Kontrek kedua telah diberi pada bulan September 1976 tetapi kontraktor ini juga mengalami kesulitan yang serupa. Walau bagaimanapun beliau dapat meneruskan kerja sehingga sekarang dan kemajuan hingga kini ialah sebanyak 13%.

(iii) Hospital Daerah Bachok—tidak ada projek.

(iv) Hospital Tumpat—tidak ada kelawatan.

### PENUNTUT-PENUNTUT DALAM KEGIATAN KOMUNIS

**29. Puan Hajjah Tom Saodah binti Othman** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengenai penuntut-penuntut sekolah yang terlibat dalam kegiatan komunis sekarang ini;

- (a) tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian;
- (b) berapa buah sekolah yang terlibat;
- (c) Negeri-negeri yang terlibat; dan
- (d) bilangan penuntut-penuntut yang terlibat mengikut kaum.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie:**

- (a) Pihak berkuasa dengan kerjasama Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan telah mengambil langkah-langkah positif untuk mengesan dan menentang pengaruh komunis di kalangan pelajar. Dalam hal ini khususnya Jabatan Polis dan Pelajaran di peringkat Kebangsaan dan negeri juga bekerjasama rapat untuk tujuan ini. Pegawai-pegawai Kanan Polis yang berpengalaman sering memberi ceramah kepada pelajar-pelajar dari masa ke semasa dengan memberi perhatian tentang bahaya ancaman komunis dalam konteks indoktrinasi, sabversif dan keselamatan negara. Selain daripada itu di sekolah-sekolah telah ditubuhkan Pasukan Kadet Polis, mengetatkan disiplin dan mengeratkan perhubungan di antara guru-guru besar dan Persatuan Ibubapa dan Guru.
- (b) 25 buah sekolah dari aliran Inggeris dan China.
- (c) Negeri-negeri yang terlibat ialah—
  - (i) Johor
  - (ii) Negeri Sembilan
  - (iii) Melaka
  - (iv) Selangor
  - (v) Wilayah Persekutuan
  - (vi) Perak
  - (vii) Penang
  - (viii) Kedah
  - (ix) Pahang
- (d) Sejak tahun 1977 seramai 149 orang pelajar telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kesemua

mereka adalah terdiri dari kaum Cina. Walau bagaimanapun, haruslah diingat bahawa Parti Komunis Malaya tidak membezakan kaum dalam usahanya untuk memujuk, mencari pengaruh dan pengambilan pengikut-pengikutnya. Kerajaan adalah sedar dan sentiasa mengawasi keadaan ini.

### ASEAN/EEC—PROJEK PERINDUSTRIAN

**30. Tuan Ibrahim bin Abdullah** meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Hasil rundingan ASEAN/EEC mengenai projek-projek perindustrian usahasama;
- (b) Jumlah pelaburan negara-negara Eropah dalam ASEAN khususnya dalam Malaysia;
- (c) Penambahan bilangan orang-orang yang mendapat pekerjaan akibat pelaburan itu.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):**

- (a) Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah Persidangan ASEAN/EEC berkenaan dengan kerjasama perindustrian yang baru-baru ini berlangsung di Jakarta. Saya suka menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa objektif Persidangan tersebut ialah—
  - (i) Untuk memberi peluang kepada negara-negara ASEAN untuk memaklumkan kepada pengusaha-pengusaha dan Bank-bank Eropah yang menghadiri Persidangan tersebut untuk mengetahui tentang kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam integrasi ekonomi serantau di ASEAN;
  - (ii) Bertujuan untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha ASEAN untuk bertemu dengan rakan-rakan sejawat mereka dari Eropah untuk perbincangan-perbincangan sama ada secara am atau khusus mengenai cadangan projek-projek tertentu.

Suka saya menambah bahawa sebahagian besar Persidangan ini tertumpu kepada perbincangan-perbincangan dua-hala yang sulit di antara ahli-ahli sektor swasta daripada rantau tersebut. Perbincangan-perbincangan tersebut, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah pada kebiasaannya sulit dan rahsia dan oleh yang demikian hasil-hasil perbincangan-perbincangan tersebut akan hanya diketahui dalam jangkamasa yang lama. Kita tidak dapat memastikan yang kita akan mengetahui tentang hasil-hasil perbincangan tersebut oleh kerana adalah menjadi hakikat yang telah diterima bahawa usaha-usaha tertentu pengusaha-pengusaha tidak begitu mudah memaklumkan perbincangan-perbincangan tersebut dengan bakal-bakal kongsi mereka.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar bagi saya untuk memberi angka-angka jumlah pelaburan dari negara-negara Eropah di negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun untuk negeri kita, jumlah cadangan pelaburan dari negara-negara Eropah, tidak termasuk modal pinjaman yang berpunca dari pelabur-pelabur Eropah, pada tahun 1977 adalah \$35.5 juta. Dari jumlah ini \$26.3 juta adalah dari EEC dan bakinya \$9.2 juta berpunca dari negara-negara Eropah yang lain seperti Austria, Norway, Sweden dan Switzerland. Pada tahun 1978 pula, jumlah cadangan pelaburan dari Eropah ialah \$40.6 juta, \$37.4 juta berpunca dari EEC dan bakinya \$3.2 juta berpunca dari negara-negara Eropah yang lain seperti Norway, Sweden, Switzerland dan Yugoslavia. Ini adalah penambahan sebanyak 14.4% jika dibandingkan dengan tahun 1977.
- (c) Pada tahun 1977 sebanyak 43 projek dengan penyertaan negara-negara Eropah telah diberi kelulusan oleh Kementerian saya dan projek-projek tersebut akan mengujudkan sebanyak 4,795 pekerjaan. Pada tahun 1978, sebanyak 57 projek telah diberi kelulusan dan ianya akan mengujudkan sebanyak 6,021 pekerjaan. Ini merupakan penambahan sebanyak 25.5% jika dibandingkan tahun 1977.

## MAS—KENAIKAN GAJI PEKERJA

**31. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kadar kenaikan gaji yang dituntut oleh tiap-tiap golongan pekerja MAS serta kadar yang ditawarkan oleh MAS kepada tiap-tiap golongan tersebut.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Untuk menjawab soalan ini saya cuba membahagikan kakitangan MAS yang berkaitan kepada 6 golongan iaitu golongan A, AX, B, C, D dan E. Misalnya tanggagaji golongan A sekarang ialah dari \$154 hingga \$350 sebulan dengan tambahan sebanyak \$35 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas. Manakala tanggagaji yang dituntut oleh Kesatuan ialah \$230 hingga \$680 sebulan. Gaji sementara yang ditawarkan oleh MAS ialah \$167 hingga \$407 sebulan dengan tambahan sebanyak \$35 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas.

Tanggagaji golongan AX sekarang ialah dari \$190 hingga \$435 sebulan dengan tambahan sebanyak \$35 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas. Manakala tanggagaji yang dituntut oleh Kesatuan ialah \$280 hingga \$680 sebulan. Gaji sementara yang ditawarkan oleh MAS ialah \$207 hingga \$452 sebulan dengan tambahan sebanyak \$35 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas.

Tanggagaji golongan B sekarang ialah \$230 hingga \$675 sebulan dengan tambahan sebanyak \$35 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas. Manakala tanggagaji yang dituntut oleh Kesatuan ialah \$350 hingga \$880 sebulan. Gaji sementara yang ditawarkan oleh MAS ialah \$257 hingga \$827 sebulan dengan tambahan sebanyak \$35 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas.

Tanggagaji golongan C sekarang ialah \$415 hingga \$895 sebulan dengan tambahan sebanyak \$30 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas. Manakala tanggagaji yang dituntut oleh Kesatuan ialah \$560 hingga \$1,175 sebulan. Gaji sementara yang ditawarkan oleh MAS ialah \$440 hingga \$1,076 sebulan dengan tambahan \$30 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas.

Tanggagaji golongan D sekarang ialah \$615 hingga \$1,120 sebulan dengan tambahan sebanyak \$25 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas. Manakala tanggagaji yang dituntut

oleh Kesatuan ialah \$740 hingga \$1,425 sebulan. Gaji sementara yang ditawarkan oleh MAS ialah \$648 hingga \$1,159 sebulan dengan tambahan sebanyak \$25 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas.

Tanggagaji golongan E sekarang ialah \$850 hingga \$1,350 sebulan dengan tambahan sebanyak \$25 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas. Manakala tanggagaji yang dituntut oleh Kesatuan ialah \$1,000 hingga \$1,630 sebulan. Gaji sementara yang ditawarkan oleh MAS ialah \$900 hingga \$1,400 sebulan dengan tambahan sebanyak \$25 sebulan sebagai Elaun Bantuan Khas.

### PENCEROBOHAN CHINA KE ATAS VIETNAM

**32. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandangkan pencerobohan China ke atas Vietnam dan pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea pada masa ini, sama ada kita di Malaysia khususnya dan di ASEAN amnya bimbang iaitu pada suatu masa kelak pencerobohan seperti ini dilakukan oleh mereka ke atas kita.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj):** Kita bersama negara-negara ASEAN memang mengambil berat sekali terhadap kedua-dua perkembangan itu, dan sikap ini telahpun digambarkan dalam pendirian ASEAN yang telah dikeluarkan selepas mesyuarat Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN di Bangkok pada 13hb Januari, 1979 dan juga dalam kenyataan Menteri Luar Negeri Indonesia merangkap sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN di Bangkok pada 20hb Februari, 1979. Saya harap bahawa keadaan ketegangan di rantau itu akan berkurangan semula supaya membolehkan negara-negara rantau dapat menyambung semula hubungan rapat berasaskan kepada hormat kepada Kedaulatan, Kemerdekaan dan keutuhan Wilayah dan tidak mencampurtangan dalam hal-hal ehwal dalam negeri dan tanpa menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan pertikaian. Kita di Malaysia dan ASEAN akan meneruskan perhubungan baik dengan negara-negara di Indochina berasaskan prinsip-prinsip ini. Dalam pada itu juga, kita nescaya mestilah mengekalkan kewaspadaan kita untuk menjaga kemerdekaan dan kedaulatan terhadap sebarang musuh dan sebarang pencerobohan dari mana-mana pihak jua.

### KAPAL MINYAK L.N.G.

**33. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju dengan cadangan Negeri Jepun hendak menggunakan secara sementara 5 buah kapal minyak L.N.G. kita.

**Perdana Menteri:** Perbincangan dengan pihak tertentu di Negeri Jepun mengenai kemungkinan negara tersebut menyewa 5 buah kapal tangki gas cecair asli (L.N.G.) belum memberi apa-apa hasil setakat ini. Usaha mencari penyewa kapal tangki L.N.G. itu sedang giat dijalankan oleh MISC.

### PUSAT KESIHATAN KECIL DAN KLINIK

**34. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang hendak membina sebuah pusat kesihatan kecil dan klinik bidan di Kampung Aur, Mukim Keratong untuk mengganti rumah sementara yang sedia ada itu; jika ya, nyatakan bila projek itu akan dimulakan dan berapa banyakkah peruntukan yang ditetapkan baginya; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang hendak membina sebuah hospital yang lengkap bagi Daerah Rompin di bandar Rompin.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:**

- (a) Di Kampung Aur terdapat sejumlah 190 orang penduduk sahaja dan di 12 buah kampung yang lain dalam lingkungan 15 batu Kampung Aur terdapat seramai 1,981 orang penduduk. Dalam kawasan ini pula Kementerian ini mempunyai sebuah Rumah Bidan Kerajaan tetap dengan seorang Bidan Kerajaan, sebuah dispensari sementara dengan seorang Pembantu Hospital, sebuah Land Rover dengan seorang pemandu dan sebuah bot dengan seorang pemandu. Memandangkan jumlah penduduk yang kecil di kawasan ini Kementerian ini merasa kemudahan-kemudahan yang ada sekarang adalah mencukupi. Oleh yang demikian, Kementerian ini belum bercadang membina sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Kampung Aur Mukim Keratong Negeri Pahang buat masa ini.

(b) Jumlah penduduk di Daerah Rompin ialah seramai 33,480 orang termasuk 3,835 orang penduduk di Bandar Kuala Rompin di mana terdapat sebuah Pusat Kesihatan Besar dengan kemudahan-kemudahan katil untuk pesakit. Kehadiran pesakit-pesakit luar di Pusat Kesihatan Besar ini adalah 30 orang sehari sahaja semenjak tahun 1975. Kes-kes kecemasan biasanya dihantarkan ke Hospital Pekan.

Memandangkan bahawa kemudahan-kemudahan di Pusat Kesihatan Besar Kuala Rompin adalah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk-penduduk di Daerah Rompin maka Kementerian ini belum ada cadangan mengadakan sebuah hospital di Kuala Rompin buat sementara ini.

Walau bagaimanapun, keperluan untuk sebuah hospital Daerah Rompin akan Kementerian ini menimbangkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

#### VIETNAM DENGAN KAMPUCHEA— PERSENGKETAAN

35. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan kepada keimbangan yang timbul akibat persengketaan antara Vietnam dengan Kampuchea dan antara China dengan Vietnam;

- (a) sama ada ASEAN dapat memberi jaminan bahawa ianya tidak akan menjadi peralatan oleh pihak-pihak yang bersengketa;
- (b) sama ada peperangan tersebut akan merebak ke kawasan ASEAN; dan
- (c) sama ada konsep aman, bebas dan berkecuali bagi negara-negara ASEAN tidak akan terjejas.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:**

- (a) Ahli Yang Berhormat mungkin sedar bahawa negara-negara ASEAN berpegang teguh kepada semangat dan aspirasi yang terkandung dalam Deklarasi ASEAN di Bangkok pada tahun 1967. Juga selaras dengan pendirian tegas terhadap berusaha mencapai konsep ZOPFAN, ASEAN telah terus meneruskan mengekalkan pendirian berkecuali dan tidak campurtangan mereka terhadap pihak-pihak yang bersengketa

sebagai usaha mereka menyumbangkan untuk mendapat suasana aman dan stabil di rantau ini.

Pendirian ini telah dibayangkan dalam Kenyataan Bersama ASEAN pada 13hb Januari dan 20hb Februari tahun ini dan juga dalam penyertaan Perwakilan Tetap ASEAN dalam perbincangan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan sekali lagi bahawa Malaysia dan lain-lain negara ASEAN tidak akan menyebelahi mana-mana pihak dalam pertikaian-pertikaian di Indochina sekarang ini.

- (b) Malaysia memang sedar bahawa perkembangan di Indochina itu mungkin akan mendatangkan implikasi terhadap keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Oleh yang demikian Kerajaan sentiasa berwaspada untuk menghadapi sebarang kemungkinan.
- (c) Kelima-lima negara ASEAN memang bersungguh-sungguh ingin terus mengekalkan keamanan dan keselamatan di Asia Tenggara, oleh itu mereka dengan tegasnya menyokong konsep ZOPFAN. Perkembangan terbaharu di Indochina adalah menguatkan lagi hujjah mengapa objektif konsep ini mesti diamalkan bersama oleh negara-negara di Asia Tenggara dan negara luar demi keamanan dan kestabilan wilayah ini.

#### ORANG TUA DAN CACAT— BANTUAN KURANG

36. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bantuan \$20 sebulan kepada orang-orang tua dan orang-orang cacat tidak mencukupi; jika sedar, nyatakan sama ada beliau akan menambahkan kadar ini.

**Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Rancangan Penyaraan Orang-orang Tua yang dibiayai oleh Kementerian Kebajikan Am memberi bantuan sebanyak \$37 sebulan kepada orang-orang tua yang berkeperluan, bukan sebanyak \$20 sebulan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy. Pada tahun 1979 sebanyak

\$1,200,000 telah diperuntukkan sebagai bantuan kepada 2,700 orang-orang tua. Sekim ini sedang dikaji semula dengan tujuan untuk menambahkan bantuan yang diberikan sekarang.

Kementerian Kebajikan Am tidak mempunyai sekim bantuan am berasingan kepada orang-orang cacat, tetapi mempunyai satu rancangan khas iaitu Elaun kepada Pekerja-pekerja Cacat. Sekim ini memberi \$30 sebulan sebagai intensif kepada tiap-tiap pekerja cacat. Sebanyak \$300,000 telah disediakan untuk dibayar kepada 834 pekerja-pekerja cacat.

### KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN— PENUNTUT BUMIPUTRA

**37. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman merupakan satu usaha untuk merapatkan jurang perbezaan antara bilangan penuntut-penuntut bumiputra dan bukan bumiputra dalam institusi-institusi pelajaran tinggi.

**Dato' Musa bin Hitam:** Adalah menjadi kewajipan Kerajaan memberi pelajaran kepada rakyat tanpa mengira asal usulnya. Di samping itu walaupun Kerajaan bertanggungjawab memberi pertolongan dan bantuan istimewa kepada sesuatu golongan oleh sebab-sebab tertentu tidak ada sebabnya peluang pelajaran tinggi untuk golongan-golongan lain patut dihalang. Pelajaran adalah menguntungkan negara dan Kolej Tunku Abdul Rahman telah ditubuhkan untuk menampung kekurangan tenaga rakyat terutamanya di peringkat separa iktisas.

Kerajaan sedar bahawa pelajar-pelajar kaum bumiputra di Kolej Tunku Abdul Rahman merupakan golongan yang kecil. Dengan keadaan demikian, maka timbullah persoalan sama ada Kolej tersebut telah benar-benar memberi sumbangan kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan atau sebaliknya. Bagi memperbaiki keadaan ini, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk membolehkan lebih ramai penuntut bumiputra menuntut di Kolej Tunku Abdul Rahman. Salah satu langkah yang diambil ialah dengan memperuntukkan sejumlah wang untuk diberi sebagai biasiswa kepada para pelajar bumiputra untuk belajar di Kolej Tunku Abdul Rahman. Suka saya

tegaskan di sini bahawa salah satu sebab utama kekurangan pelajar bumiputra di Kolej Tunku Abdul Rahman ialah kerana mereka tidak mampu menanggung perbelanjaan yang tinggi di Kolej tersebut.

### PENDATANG HARAM VIETNAM— DASAR NEGARA KETIGA

**38. Puan Zawiah binti Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pendatang haram yang masuk ke negara kita sejak tahun 1975;
- (b) bilangan yang telah diterima oleh negara-negara ketiga dengan memberi angka berasingan untuk setiap negara itu; dan
- (c) dasar yang diamalkan oleh negara-negara tersebut semasa memilih pendatang-pendatang haram untuk penempatan semula.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Bilangan pendatang-pendatang haram Vietnam yang masuk ke negara ini sejak tahun 1975 hingga sekarang ialah 88,432.
- (b) Bilangan yang telah diterima oleh negara-negara ketiga ialah 30,069. Pecahan bilangan yang diterima oleh negara-negara ketiga berkenaan ialah seperti berikut—

(1) Australia	...	...	8,110
(2) Austria	...	...	104
(3) Belgium	...	...	87
(4) Canada	...	...	1,343
(5) Cammeron	...	...	3
(6) Denmark	...	...	42
(7) France	...	...	1,123
(8) Hong Kong	...	...	38
(9) Japan	...	...	1
(10) New Zealand	...	...	225
(11) Norway	...	...	2
(12) Netherland	...	...	35
(13) Switzerland	...	...	294
(14) Taiwan	...	...	2
(15) USA	...	...	18,487
(16) UK	...	...	7
(17) West Germany	...	...	166

Jumlah ... 30,069

(c) Dasar yang diamalkan oleh negara-negara ketiga semasa memilih pendatang-pendatang haram untuk penempatan semula di negara masing-masing adalah berbeza antara satu negara dan negara yang lain. Di samping itu dasar-dasar tersebut adalah satu-satunya maklumat yang tidak semestinya diberitahu kepada kita dengan jelas dan kita tidak pula berhak menuntut supaya diberitahu. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum tentang garis-garis kasar panduan yang biasa digunakan dalam proses pemilihan tersebut. Keutamaan biasanya diberi kepada—

- (1) Mereka yang mempunyai saudara-mara yang rapat di negara ketiga berkenaan.
- (2) Mereka yang pernah satu masa dulu bekerja dengan negara ketiga berkenaan.
- (3) Mereka yang berpangkat atau mempunyai kedudukan tinggi dalam tentera dan perkhidmatan awam.
- (4) Mereka yang mempunyai kelayakan profesionalisma.
- (5) Mereka yang tahu bercakap bahasa kebangsaan negara ketiga berkenaan.

Syarat-syarat dan garis-garis panduan yang digunakan dalam urusan pemilihan seperti dinyatakan tadi telah membawa erti bahawa pendatang-pendatang haram Vietnam adalah juga dianggapkan sebagai "immigrants" oleh negara-negara ketiga berkenaan dan bukannya sebagai orang pelarian. Inilah satu-satunya perkara yang menimbulkan kebimbangan kerajaan kita kerana dengan penggunaan syarat-syarat tersebut negara ini mungkin akan dibebankan dengan masalah saki-baki pendatang-pendatang haram itu kelak. Kerajaan telahpun menyuarakan kecurigaannya secara rasmi apabila wakil negara ini di mesyuarat perundingan di Geneva pada 11 dan 12hb Disember 1978 mencadangkan supaya negara-negara ketiga mengambil pendatang-pendatang haram Vietnam untuk penempatan semula tanpa syarat.

## SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL DI PERLIS

**39. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Kerajaan akan mendirikan sebuah lagi Sekolah Menengah Vokesyenal di Perlis, jika ya, bila.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kementerian saya bercadang mendirikan sebuah lagi Sekolah Menengah Vokesyenal di Perlis di bawah Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Tarikh pembinaan Sekolah Menengah Vokesyenal ini tidak boleh ditetapkan sekarang kerana kelulusan-kelulusan seperti tempat, tapak tanah belum diuruskan lagi.

## LALULINTAS BANDARAYA KUALA LUMPUR—KESESAKAN

**40. Datuk Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masalah lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur semakin sesak dan jika sedar, apakah tindakan jangka panjang dan jangka pendek beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

**Dato' Hussein Onn:** Kerajaan sedar tentang kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur akibat pertambahan bilangan kenderaan dan pembangunan yang pesat. Kerajaan sedang melaksanakan "Second Kuala Lumpur Urban Transport Project" atau Projek Pengangkutan Bandar Kuala Lumpur yang Kedua di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan bantuan kewangan dan teknikal dari Bank Dunia. Projek tersebut dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan Dewan Bandaraya dan mengandungi sekim-sekim seperti memperbaiki simpang-simpang, meluaskan jalan, membina jalan-jalan litar, membina jambat-jejam dan memperbaiki sistem pengangkutan awam. Kerja-kerja pembaikan yang sedang dilaksanakan sudah tentu mengganggu lalulintas. Walau bagaimanapun, kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur dijangka akan bertambah baik selepas Projek tersebut siap. Antara kerja-kerja jalan yang akan bertambah baik selepas Projek TDS I (Sekim menyeratakan trafik) Ipoh Interchange atau Ipoh Overpass dijangka siap November, 1978, TDS 2, membaiki Jalan Chan Sow Lin dan Jalan Sungai Besi dijangka siap Disember 1978, TDS Swettenham Parkway, Southern Middle Ring Road, membaiki Jalan Bangsar/

Jalan Travers dijangka siap November 1980 dan TDS 4, Southern Middle Ring Road dan Jalan Syed Putra dijangka siap November 1980. Di samping itu Kerajaan akan membina tujuh buah jambatan lintas di beberapa tempat dalam Kuala Lumpur sebagai tambahan kepada lapan yang sudah ada. Pihak Swasta juga telah dan akan membina jambatan-jambatan seperti ini.

Dalam jangka panjang, pertimbangan bagi mengadakan sistem monorail atau keretapi penumpang bawah tanah atau sistem lain akan bergantung kepada corak pembangunan atau sama ada jumlah serta penumpuan perumahan, pekerjaan dan perdagangan mewajarkan perbelanjaan modal yang lebih besar untuk sekim seumpama itu.

Adapun tanggungjawab bagi mengatasi kesesakan lalulintas ini bukanlah berupa tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Kerajaan boleh mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal dan peraturan-peraturan bagi mengawal lalulintas tetapi kerjasama orang awam dalam menggunakan kemudahan-kemudahan itu dan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat adalah penting. Umpamanya, pemandu-pemandu kereta mesti mengikut lorong-lorong atau lane yang betul dan jangan pintas-memintas dan orang awam mesti menggunakan jambatan-jambatan lintas yang disediakan dan tidak sebaliknya melintas jalan sesuka hati dengan tidak mengikut peraturan-peraturan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Pihak Polis Trafik dan Warden Trafik Bandaraya akan memperhebatkan enforcement atau penguatkuasa undang-undang dalam hal ini.

#### PENYAKIT TAUN—TINDAKAN

**41. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membasmu penyakit taun yang sedang merebak di beberapa buah tempat di negara ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Bagi tahun ini, wabak taun hanya melibatkan negeri Perak, Kedah dan Perlis. Wabak ini adalah disebabkan musim kemarau yang menyebabkan kekurangan air dan bekalan air yang tercemar. Sehingga 26-3-79, terdapat 7 kes di Perak, 86 kes di Kedah dengan 2 kematian, dan 258 kes di Perlis dengan 3 kematian.

Tindakan kawalan dan cegahan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan di semua negeri-negeri yang terlibat ialah termasuk mengesan dan menyiasat mereka yang disyaki pembawa kuman taun:

Bilangan ini ... ..	653
Mengambil contoh najis rectal	24,411
Mengambil dan memeriksa contoh-contoh makanan ... ..	329
Memberi rawatan dan kontek-kontek profylaktik ... ..	12,308
Membina tandas yang sanitary	2,907
Membubuh disinfektant di tandas-tandas ... ..	963
Membina telaga-telaga ...	94
Membubuh klorin dalam telaga dan air ... ..	1,861
Memberi suntikan cholera vaccine ... ..	58,890

Keadaan pada masa sekarang adalah sudah terkawal.

Menyusul wabak taun yang berlaku teruk di Semenanjung Malaysia pada tahun 1978. Kementerian Kesihatan telah mengkaji semula kedudukan penyakit taun dan langkah-langkah kawalan/cegahan dan telah membuat beberapa syor bagi perubahan dan pembaikan.

Oleh kerana taun ialah satu daripada penyakit-penyakit yang melibatkan orang di semua peringkat umur dan semua bangsa dari daerah-daerah yang sosio-ekonomi mereka tertindas dan kebersihan sekitar yang kurang baik maka bagi mencegah dan mengawalinya akan memerlukan kerjasama penuh dari semua agensi Kerajaan dan mereka yang terlibat dan masyarakat umum. Usaha-usaha daripada Kementerian ini sahaja tidaklah mencukupi. Maka itulah sebabnya kebersihan sekitar Luar Bandar, Bekalan Air Masyarakat dan Program Pelajaran Kesihatan Kementerian ini telah dipergiatkan lagi menerusi satu kempen yang dilancarkan pada 10-2-79 dengan kerjasama Bahagian Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Adalah diharapkan menerusi semangat Gerakan Pembaharuan kebersihan sekitar daerah-daerah yang mudah diserang taun boleh dibaiki dan seterusnya penyakit-penyakit yang dibawa oleh air dapat dicegah sama sekali.

## FELDA—MELUASKAN RANCANGAN

42. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau ada rancangan untuk menambahkan lagi sekim-sekim Felda; jika ada, nyatakan luas, tempat dan tarikh rancangan itu akan diadakan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir Yusof):** Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi pembukaan rancangan-rancangan Felda. Bagi tahun pembangunan 1978/79 Felda sedang mengusahakan pembukaan kawasan-kawasan yang berikut:

Pahang	...	...	...	55,000	ekar
Johor	...	...	...	21,000	,,
Negeri Sembilan	...	...	...	17,000	,,
Trengganu	...	...	...	8,000	,,
Kelantan	...	...	...	3,000	,,
Kedah	...	...	...	1,000	,,
				± 105,000 ekar	

Bagi tahun pembangunan 1979/80 diharapkan Felda akan dapat membuka ±100,000 ekar lagi. Kawasan yang berkenaan belum dapat ditetapkan kerana kelepasan daripada Jabatan Hutan mengenai kawasan-kawasan yang hendak dimajukan itu masih lagi ditunggu. Sungguhpun begitu, dijangka kebanyakan daripada kawasan yang dibuka adalah terletak dalam Negeri Pahang, Johor dan Negeri Sembilan.

Keluasan dan kawasan-kawasan yang hendak dibuka selepas tahun 1980 belum dapat ditetapkan kerana ianya bergantung kepada pengubalan dan penentuan Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan.

## BANDUAN ISLAM—KEMUDAHAN BERSEMBAHYANG

43. **Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk banduan Islam:

- (a) menunaikan sembahyang lima waktu berjemaah, dan
- (b) menunaikan sembahyang Jumaat.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti membekalkan tikar sembahyang, songkok, seluar panjang dan baju putih bagi membolehkan banduan-banduan Islam menunaikan sembahyang fardu bersendirian.
- (b) Soal banduan Islam termasuk juga mereka yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk bersembahyang Jumaat sudahpun dirujuk kepada Majlis Ugama Islam dan Kementerian ini belum lagi menerima jawapan.

## USUL-USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

4.30 *ptg.*

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan usul seperti berikut:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal Pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 13 Tahun 1979.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mengwujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah sempat mengkaji Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang mengandungi, antara

lain, butir-butir mengenai kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh 1976-78 dalam bidang pembangunan serta program-program dan projek-projek bagi tahun-tahun 1979-80. Saya tidak bercadang hendak menyentuh segala butir-butir tersebut tetapi akan hanya menjelaskan perkara-perkara yang dianggap penting sahaja.

Walaupun tahun-tahun 1976-78 merupakan tempoh yang singkat, namun demikian kemajuan yang telah dicapai dalam bidang ekonomi dan dalam usaha-usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menyusun semula masyarakat amatlah menggalakkan. Sesungguhnya kita harus berbangga bahawa pada keseluruhannya pertumbuhan ekonomi dalam tempoh tersebut adalah lebih tinggi dari yang dijangkakan. Kerajaan berazam untuk mengekalkan kemajuan ini supaya kita dapat mencapai dengan sepenuhnya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dalam masa kurang dari dua tahun dari sekarang, kita akan sampai ke tahun akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Kita akan pula menempuh tahun-tahun lapan puluhan di mana kemajuan-kemajuan yang lebih pesat diperlukan untuk memastikan pencapaian matlamat-matlamat yang telah dibuat bagi tahun 1990. Oleh itu, kita tidak harus berpuas hati dengan kemajuan yang telah dicapai; bahkan, kita hendaklah menganggap kemajuan yang dicapai itu sebagai satu asas untuk meluaskan lagi program-program dan projek-projek dan seterusnya berusaha dengan lebih gigih untuk memenuhi hasrat rakyat untuk mewujudkan satu masyarakat yang aman, makmur dan bersatupadu.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal telah mengambil kira keperluan untuk mengekalkan perkembangan ekonomi yang pesat serta mempercepatkan pelaksanaan program-program pembangunan negara ini. Ini ternyata dari tambahan yang banyak yang telah dibuat bagi peruntukan perbelanjaan pembangunan awam, iaitu dari \$18.6 ribu juta kepada \$32.1 ribu juta. Selain dari perkembangan sektor awam, Kajian tersebut juga menjangka pertumbuhan yang pesat bagi kegiatan-kegiatan sektor swasta. Saya yakin bahawa matlamat-matlamat untuk perkembangan sektor-sektor awam dan swasta

boleh dicapai memandangkan kepada prospek perkembangan ekspot yang cerah dan keupayaan negara untuk mengadakan sumber-sumber kewangan bagi membiayai pelaburan yang kian meningkat itu.

Rancangan-rancangan yang diatur di bawah Kajian Separuh Penggal memerlukan tekad yang kuat dan usaha-usaha yang gigih. Perbelanjaan yang besar bagi program-program sektor awam serta penekanan terhadap pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan merupakan cabaran utama kepada jentera perancangan dan pelaksanaan serta keupayaannya untuk mencapai kadar kemajuan yang lebih tinggi dari kadar yang dicapai dalam tiga tahun yang kebelakangan ini. Kerajaan sedar dengan sepenuhnya tentang Rancangan Pembangunannya yang besar ini dan akan membuat apa saja yang perlu untuk memastikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, kemajuan ekonomi negara dalam tempoh 1976-78 adalah membanggakan jika dibandingkan dengan kemajuan antarabangsa. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah berkembang sebanyak 8.7% setahun, berbanding dengan matlamat 8.4% setahun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kemajuan ini adalah menggalakkan memandangkan kepada kemajuan ekonomi dunia yang terus lembab di negara-negara perusahaan yang merupakan pasaran utama bagi barangan ekspot kita. Di samping itu, kita juga telah berjaya mengawal kadar inflasi pada paras kurang dari 5% setahun. Ekspot telah berkembang dengan kadar yang lebih tinggi dari yang dijangkakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan ianya telah menghasilkan lebihan yang besar dalam imbangan pembayaran serta tambahan yang banyak kepada sumber-sumber kewangan negara.

Kesemua ini bermakna bahawa paras pendapatan dan taraf hidup rakyat telah meningkat. Pendapatan per kapita dalam harga-harga semasa telah meningkat dari \$1,757 dalam tahun 1975 kepada \$2,603 dalam tahun 1978. Dengan adanya kadar inflasi yang rendah, penggunaan sebenar telah meningkat, dan membolehkan rakyat menikmati hasil dari kenaikan pendapatan. Penggunaan sektor-sektor swasta dan awam telah berkembang dengan pesatnya dan melebihi kadar perkembangan di tahun-tahun yang

lalu. Ini menunjukkan bahawa walaupun sumber-sumber kewangan yang diperlukan bagi pembangunan adalah besar, ini tidak menjejaskan paras penggunaan rakyat dan taraf hidup mereka. Di beberapa negara membangun yang lain, rakyat terpaksa mengorbankan keselesaan dan kemudahan-kemudahan hidup yang moden untuk mendapatkan sumber-sumber bagi membiayai pembangunan. Di Malaysia, Alhamdulillah, rakyat mempunyai kebebasan untuk membelanjakan tambahan dalam pendapatan mereka. Di samping itu Kerajaan sendiri telah menambahkan perbelanjaannya bagi perkhidmatan sosial untuk memperbaiki taraf hidup rakyat di kawasan luar dan juga dalam bandar. Ini telah membolehkan sebahagian besar masyarakat menikmati hasil dari perkembangan ekonomi dan mendapatkan sebahagian dari kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peranan pelaburan dan penggunaan sektor awam dalam tahun-tahun 1976-78 adalah penting. Perkembangan pesat dalam perbelanjaan pembangunan sektor awam telah dapat mengatasi kesan terhadap ekonomi dari kadar perkembangan yang berkurangan bagi pelaburan swasta dalam tahun 1976, dan ekspot dalam tahun 1977. Peranan sektor awam yang kian bertambah dalam perkembangan ekonomi telah merupakan satu ciri yang penting dalam usaha pembangunan dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Ini menunjukkan kadar pelaksanaan yang bertambah pesat semasa melaksanakan program-program dan projek-projek di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan-kegiatan awam dan kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi akan bertambah dalam tahun-tahun 1979-80 dengan adanya peruntukan-peruntukan yang besar bagi perbelanjaan pembangunan yang dibuat di bawah Kajian Separuh Penggal.

Kemajuan ekonomi negara seharusnya adalah lebih tinggi lagi jika tidak terdapat perkembangan yang lembab bagi pelaburan sektor swasta dalam tahun 1976. Walau bagaimanapun kadar perkembangan pelaburan sektor swasta telah meningkat dalam tahun 1977 dan semenjak itu telah mengekalkan kadar perkembangan yang sama. Walaupun kadar perkembangan pelaburan swasta kurang dari matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, pengeluaran dari sektor-sektor pembuatan dan pembinaan telah berkembang dengan kadar yang lebih tinggi dari yang dijangkakan. Dengan ini, sektor-sektor terse-

but telah meningkatkan bahagian mereka dalam jumlah pengeluaran dan pekerjaan. Ini menggambarkan perubahan-perubahan struktur yang telah berlaku di dalam ekonomi negara. Proses perindustrian akan diberi galakan-galakan yang lebih bagi mengubah struktur ekonomi yang berasaskan pertanian kepada ekonomi yang berasaskan perusahan, seperti yang dijangkakan dalam Rancangan Jangka Panjang, 1970-90.

Kerajaan telah mengadakan beberapa dasar untuk mempercepatkan perkembangan perusahan dan memastikan hasil-hasil dari perkembangan ini dapat dinikmati dengan lebih saksama oleh kesemua rakyat Malaysia. Dalam melaksanakan dasar-dasar ini serta peraturan-peraturan pentadbiran yang berkaitan dengannya, Kerajaan telah menerima teguran-teguran dari sektor swasta di dalam dan luar negeri. Separuh dari teguran ini adalah membina dan berguna bagi kita tetapi ada darinya dibuat dengan sengaja untuk mencemarkan imej ekonomi dan politik negara ini. Kerajaan berazam untuk menentukan bahawa cemaran-cemaran ini tidak akan menghalang usaha-usaha Kerajaan untuk menarik dengan lebih banyak pelaburan asing ke negara ini. Beberapa rombongan pelaburan dan perdagangan yang diketuai oleh saya sendiri telahpun diadakan dan pengalaman menunjukkan bahawa dengan cara memberi penjelasan mengenai dasar-dasar kita serta menemui pengusaha-pengusaha asing, bakal-bakal pelabur akan lebih memahami dasar-dasar yang dibuat oleh negara ini dan sebab-sebab ianya dibuat. Saya dapati pengusaha-pengusaha tersebut yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam perhubungan dengan berbagai-bagai Kerajaan, tidak sukar untuk menerima alasan-alasan yang menyebabkan dasar-dasar itu dibuat, serta jaminan-jaminan yang kita beri mengenai prospek perusahaan swasta di negara ini. Ini tidak menghairankan kerana walaupun terdapat dasar-dasar dan peraturan-peraturan ini, Malaysia mempunyai pendirian yang liberal dan sikap mudah-suai terhadap sektor swasta. Di samping itu, keteguhan ekonomi kita serta prospeknya yang cerah akan menjamin peluang-peluang yang cukup untuk pelabur-pelabur menikmati hasil dari pelaburan mereka di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, program-program dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah diperluaskan lagi di bawah Kajian Separuh Penggal untuk mempergiatkan usaha-usaha yang bertujuan untuk

seluruh rakyat Malaysia adalah kepentingan dan keutamaan tertinggi pada saat ini dan pada masa akan datang. Rakyat Malaysia harus sedita upaya menumpukan usaha-usaha menuju mencapai matlamat perpaduan rakyat yang sangat penting itu. Matlamat ini adalah matlamat utama Dasar Ekonomi Baru yang daripadanya Rancangan Malaysia Ketiga ini dirancang dan dilaksanakan. Kata satu pepatah, "Jikalau kapal perlindungan mengaram kesemua dalamnya akan binasa tenggelam".

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun faktor pengangkutan dan perhubungan yang kedua pentingnya selepas sektor pertanian dan peruntukan sebanyak 22% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga adalah diberi kepada faktor ini, apatah lagi peruntukan ini telah ditambah dan dipinda daripada \$200 juta kepada \$350 juta. Sementara itu dalam tempoh 1976-1978 Kementerian terus melaksanakan usaha-usaha untuk memperbaiki dan memodenkan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu.

Dukacita saya menyatakan di sini usaha-usaha itu kebanyakannya untuk Pantai Barat Semenanjung Malaysia sahaja. Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur daripada Tumpat, Kelantan ke Gemas masih lagi dilalaikan. Gerabak-gerabak penumpang Kelas 1, Kelas 2 dan Kelas 3 perjalanan di antara Singapura dan Kelantan tidak ada bekalan air. Di samping itu gerabak menjual makanan iaitu buffet car ditarik selepas stesyen Gemas. Tandas-tandas gerabak itu pun begitu kotor, tambahan pula landasan-landasan di Pantai Timur adalah berumur hampir 40 tahun. Ini telah mengakibatkan beberapa kali kegelinciran.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur benar-benar tidak memuaskan. Saya seorang Ahli Dewan yang mulia ini yang biasa menggunakan perkhidmatan itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri sendiri dapat membuat lawatan mengejut untuk melihat sendiri keadaannya yang ada sekarang di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan perkara ini untuk menarik perhatian Kementerian, didapati baki yang akan dibelanjakan dalam tempoh 1979 hingga 1980 ini untuk Keretapi adalah sebanyak \$248.91 juta. Tidak ada alasan Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur tidak mungkin diperbaiki dan diperkemaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, didapati dalam akhbar-akhbar adalah beberapa kali bantahan antara pihak Persatuan Pembalak-pembalak Ulu Kelantan dan jurucakap Keretapi Tanah Melayu. Sebenarnya pada hari ini kira-kira 70,000 tan kayu balak bernilai \$20 juta masih terbiar di sepanjang jalan keretapi dari Gua Musang ke Kuala Krai, Kelantan. Mengikut Persatuan Pembalak-pembalak di Kelantan dan dianggapkan benar, kayu-kayu balak yang hendak dihantar ke selatan melalui Kuala Lipis adalah terlantar di kawasan tersebut sejak dua bulan lalu disebabkan kekurangan pengangkutan Keretapi Tanah Melayu.

Ini telah mengakibatkan kekurangan royalti bagi Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak \$1.12 juta dan ini tidak termasuk premium tahunan. Kawasan Ulu Kelantan ada kira-kira 60 buah syarikat-syarikat pembalak dan pengeluaran harian ialah sebanyak 2,000 tan sehari. Pada masa sekarang pihak Keretapi hanya dapat mengangkut 500 hingga 700 tan kayu balak sehari sahaja. Para pembalak di situ hanya dapat bekerja sebanyak 240 hari dalam setahun. Ini bermakna kira-kira 1,300 tan kayu balak sehari akan dibiarkan pula dan berjumlah 312,000 setahun dengan kehilangan royalti hampir \$5 juta setahun. Di samping itu 70,000 tan kayu balak yang saya sebutkan tadi jikalau masalah kekurangan pengangkutan Keretapi tidak dapat diatasi dengan segera tambahan kerugian pula kayu-kayu balak ini akan menjadi rosak jikalau dibiarkan lagi di tepi jalan itu.

Pada waktu negara kita sedang menghadapi kekurangan kayu balak dan perlu diimport dari luar negeri, kejadian seperti ini patutlah dielakkan dengan segala daya upaya oleh pihak Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli dari negeri Kelantan, saya disuruh oleh pemborong-pemborong binaan bumiputra Kelantan supaya menarik perhatian Kementerian-kementerian berkenaan terhadap kekurangan dan meningkat harga bahan-bahan binaan seperti simen, besi bulat, bahan-bahan kayu dan sebagainya di negeri Kelantan sekarang, dan juga kekurangan pengangkutan untuk membawa barang-barang itu ke negeri Kelantan dari negeri lain. Ini telah menyebabkan kesulitan yang besar kepada semua pemborong-pemborong bumiputra binaan khasnya pemborong-pemborong di Kelantan itu yang banyaknya kerja-kerja terpaksa dihentikan sementara.

lalu. Ini menunjukkan bahawa walaupun sumber-sumber kewangan yang diperlukan bagi pembangunan adalah besar, ini tidak menjejaskan paras penggunaan rakyat dan taraf hidup mereka. Di beberapa negara membangun yang lain, rakyat terpaksa mengorbankan keselesaan dan kemudahan-kemudahan hidup yang moden untuk mendapatkan sumber-sumber luar bagi membiayai pembangunan. Di Malaysia, Alhamdulillah, rakyat mempunyai kebebasan untuk membelanjakan tambahan dalam pendapatan mereka. Di samping itu Kerajaan sendiri telah menambahkan perbelanjaannya bagi perkhidmatan sosial untuk memperbaiki taraf hidup rakyat di kawasan luar dan juga dalam bandar. Ini telah membolehkan sebahagian besar masyarakat menikmati hasil dari perkembangan ekonomi dan mendapatkan sebahagian dari kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peranan pelaburan dan penggunaan sektor awam dalam tahun-tahun 1976-78 adalah penting. Perkembangan pesat dalam perbelanjaan pembangunan sektor awam telah dapat mengatasi kesan terhadap ekonomi dari kadar perkembangan yang berkurangan bagi pelaburan swasta dalam tahun 1976, dan eksport dalam tahun 1977. Peranan sektor awam yang kian bertambah dalam perkembangan ekonomi telah merupakan satu ciri yang penting dalam usaha pembangunan dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Ini menunjukkan kadar pelaksanaan yang bertambah pesat semasa melaksanakan program-program dan projek-projek di bawah Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan-kegiatan awam dan kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi akan bertambah dalam tahun-tahun 1979-80 dengan adanya peruntukan-peruntukan yang besar bagi perbelanjaan pembangunan yang dibuat di bawah Kajian Separuh Penggal.

Kemajuan ekonomi negara seharusnya adalah lebih tinggi lagi jika tidak terdapat perkembangan yang lembab bagi pelaburan sektor swasta dalam tahun 1976. Walau bagaimanapun kadar perkembangan pelaburan sektor swasta telah meningkat dalam tahun 1977 dan semenjak itu telah mengekalkan kadar perkembangan yang sama. Walaupun kadar perkembangan pelaburan swasta kurang dari matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, pengeluaran dari sektor-sektor pembuatan dan pembinaan telah berkembang dengan kadar yang lebih tinggi dari yang dijangkakan. Dengan ini, sektor-sektor terse-

but telah meningkatkan bahagian mereka dalam jumlah pengeluaran dan pekerjaan. Ini menggambarkan perubahan-perubahan struktur yang telah berlaku di dalam ekonomi negara. Proses perindustrian akan diberi galakan-galakan yang lebih bagi mengubah struktur ekonomi yang berasaskan pertanian kepada ekonomi yang berasaskan perusahaan, seperti yang dijangkakan dalam Rancangan Jangka Panjang, 1970-90.

Kerajaan telah mengadakan beberapa dasar untuk mempercepatkan perkembangan perusahaan dan memastikan hasil-hasil dari perkembangan ini dapat dinikmati dengan lebih saksama oleh kesemua rakyat Malaysia. Dalam melaksanakan dasar-dasar ini serta peraturan-peraturan pentadbiran yang berkaitan dengannya, Kerajaan telah menerima teguran-teguran dari sektor swasta di dalam dan luar negeri. Separuh dari teguran ini adalah membina dan berguna bagi kita tetapi ada darinya dibuat dengan sengaja untuk mencemarkan imej ekonomi dan politik negara ini. Kerajaan berazam untuk menentukan bahawa cemaran-cemaran ini tidak akan menghalang usaha-usaha Kerajaan untuk menarik dengan lebih banyak pelaburan asing ke negara ini. Beberapa rombongan pelaburan dan perdagangan yang diketuai oleh saya sendiri telahpun diadakan dan pengalaman menunjukkan bahawa dengan cara memberi penjelasan mengenai dasar-dasar kita serta menemui pengusaha-pengusaha asing, bakal-bakal pelabur akan lebih memahami dasar-dasar yang dibuat oleh negara ini dan sebab-sebab ianya dibuat. Saya dapati pengusaha-pengusaha tersebut yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam perhubungan dengan berbagai-bagai Kerajaan, tidak sukar untuk menerima alasan-alasan yang menyebabkan dasar-dasar itu dibuat, serta jaminan-jaminan yang kita beri mengenai prospek perusahaan swasta di negara ini. Ini tidak menghairankan kerana walaupun terdapat dasar-dasar dan peraturan-peraturan ini, Malaysia mempunyai pendirian yang liberal dan sikap mudah-suai terhadap sektor swasta. Di samping itu, keteguhan ekonomi kita serta prospeknya yang cerah akan menjamin peluang-peluang yang cukup untuk pelabur-pelabur menikmati hasil dari pelaburan mereka di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, program-program dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah diperluaskan lagi di bawah Kajian Separuh Penggal untuk mempergiatkan usaha-usaha yang bertujuan untuk

penting dalam menambahkan pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan kewangan kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra lain dan memberi perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang cukup untuk menubuhkan usaha-usaha perniagaan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan ekonomi yang dicapai adalah mencukupi untuk menghasilkan sumber-sumber yang perlu untuk membiayai program-program pembangunan yang bertambah. Faktor utama yang menyebabkan kestabilan kewangan negara ialah perkembangan hasil Kerajaan yang pesat yang bukan sahaja cukup untuk membiayai perbelanjaan semasa yang kian meningkat, tetapi juga telah menghasilkan lebihan yang lebih tinggi dari yang dijangkakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini menggambarkan paras pendapatan yang tinggi di negara ini serta pengurusan kewangan Kerajaan yang bijaksana. Kesemua ini telah menghasilkan kestabilan ekonomi dan paras harga di negara ini, dan selanjutnya membolehkan Kerajaan menambahkan pinjaman-pinjaman dari dalam dan luar negeri, bagi membiayai projek-projek pembangunan.

Seperti di tahun-tahun yang lalu, sebahagian besar dari pembiayaan perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan adalah berpunca dari sumber-sumber dalam negeri. Ini menggambarkan paras tabungan negara yang tinggi serta adanya infrastruktur kewangan yang maju yang boleh menyalurkan sumber-sumber kewangan dalam negeri bagi keperluan pembangunan negara. Walaupun demikian, bantuan kewangan dan teknikal dari luar negeri akan terus memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan program-program pembangunan. Oleh itu, Kerajaan akan terus berusaha dengan sepenuhnya untuk menambahkan aliran masuk bantuan dan luar negeri untuk membantu sumber-sumber dalam negeri. Bantuan pinjaman dari sumber-sumber seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam akan dikekalkan, jika tidak ditingkatkan lagi, dengan cara menambahkan bilangan projek-projek yang viable, terutamanya bagi pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, jangkaan yang dibuat di bawah Kajian Separuh Penggal mengenai pertumbuhan ekonomi serta peruntukan yang bertambah untuk perbelanjaan pembangunan dan pelaburan di sektor-sektor awam dan swasta menggambarkan azam Kerajaan untuk membina satu negara yang

teguh di mana semua rakyat Malaysia boleh menikmati keamanan, kemakmuran dan keharmonian kaum. Negara ini bertuah kerana ianya mempunyai sumber dan peluang-peluang untuk mencapai matlamat-matlamat kemajuan ekonomi dan sosial seperti yang dirangka di bawah Dasar Ekonomi Baru. Matlamat-matlamat ini hanya boleh dicapai jika kita mengambil peluang-peluang ini dengan sepenuhnya bukan sahaja di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini tetapi di dalam Rancangan-rancangan Pembangunan yang akan datang. Rancangan Malaysia Keempat akan ditempuhi hanya dalam dua tahun lagi dari sekarang. Marilah kita bekerjasama dan berusaha teguh untuk menyempurnakan tugas-tugas yang kita harus lakukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini supaya kita akan bersedia untuk melaksanakan program pembangunan di dalam Rancangan-rancangan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan (*Tepuk*).

4.56 ptg.

**Datuk Dr Wee Khoo Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendahuluan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri mengatakan bahawa pada keseluruhannya kemajuan yang telah dicapai dalam jangka masa tersebut adalah memuaskan. Pertumbuhan ekonomi melebihi matlamat dan kesemua kemajuan ini telah dicapai sekalipun terdapat perkembangan yang lembab dalam ekonomi dunia. Ini membuktikan kekuatan dan ketahanan asas negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi pada garisan depan lebar (in the broad front) negara kita telah mencapai perkembangan dan kemajuan yang berkesan khususnya selepas Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan dan ini akan membuktikan dan membolehkan negara Malaysia menghadapi dengan lebih kepercayaan, cabaran dari keadaan ekonomi dunia yang mungkin akan merosot, dan situasi predict di rantau ini tidak tetap dan sangat membimbangkan. Perpaduan

seluruh rakyat Malaysia adalah kepentingan dan keutamaan tertinggi pada saat ini dan pada masa akan datang. Rakyat Malaysia harus sedaya upaya menumpukan usaha-usaha menuju mencapai matlamat perpaduan rakyat yang sangat penting itu. Matlamat ini adalah matlamat utama Dasar Ekonomi Baru yang daripadanya Rancangan Malaysia Ketiga ini dirancang dan dilaksanakan. Kata satu pepatah, "Jikalau kapal perlindungan mengaram kesemua dalamnya akan binasa tenggelam".

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun faktor pengangkutan dan perhubungan yang kedua pentingnya selepas sektor pertanian dan peruntukan sebanyak 22% daripada jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga adalah diberi kepada faktor ini, apatah lagi peruntukan ini telah ditambah dan dipinda daripada \$200 juta kepada \$350 juta. Sementara itu dalam tempoh 1976-1978 Kementerian terus melaksanakan usaha-usaha untuk memperbaiki dan memodenkan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu.

Dukacita saya menyatakan di sini usaha-usaha itu kebanyakannya untuk Pantai Barat Semenanjung Malaysia sahaja. Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur daripada Tumpat, Kelantan ke Gemas masih lagi dilalaikan. Gerabak-gerabak penumpang Kelas 1, Kelas 2 dan Kelas 3 perjalanan di antara Singapura dan Kelantan tidak ada bekalan air. Di samping itu gerabak menjual makanan iaitu buffet car ditarik selepas stesyen Gemas. Tandas-tandas gerabak itu pun begitu kotor, tambahan pula landasan-landasan di Pantai Timur adalah berumur hampir 40 tahun. Ini telah mengakibatkan beberapa kali kegelinciran.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur benar-benar tidak memuaskan. Saya seorang Ahli Dewan yang mulia ini yang biasa menggunakan perkhidmatan itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri sendiri dapat membuat lawatan mengejut untuk melihat sendiri keadaannya yang ada sekarang di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan perkara ini untuk menarik perhatian Kementerian, didapati baki yang akan dibelanjakan dalam tempoh 1979 hingga 1980 ini untuk Keretapi adalah sebanyak \$248.91 juta. Tidak ada alasan Perkhidmatan Keretapi Pantai Timur tidak mungkin diperbaiki dan diperkemaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, didapati dalam akhbar-akhbar adalah beberapa kali bantahan antara pihak Persatuan Pembalak-pembalak Ulu Kelantan dan jurucakap Keretapi Tanah Melayu. Sebenarnya pada hari ini kira-kira 70,000 tan kayu balak bernilai \$20 juta masih terbiar di sepanjang jalan keretapi dari Gua Musang ke Kuala Krai, Kelantan. Mengikut Persatuan Pembalak-pembalak di Kelantan dan dianggapkan benar, kayu-kayu balak yang hendak dihantar ke selatan melalui Kuala Lipis adalah terlantar di kawasan tersebut sejak dua bulan lalu disebabkan kekurangan pengangkutan Keretapi Tanah Melayu.

Ini telah mengakibatkan kekurangan royalti bagi Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak \$1.12 juta dan ini tidak termasuk premium tahunan. Kawasan Ulu Kelantan ada kira-kira 60 buah syarikat-syarikat pembalak dan pengeluaran harian ialah sebanyak 2,000 tan sehari. Pada masa sekarang pihak Keretapi hanya dapat mengangkut 500 hingga 700 tan kayu balak sehari sahaja. Para pembalak di situ hanya dapat bekerja sebanyak 240 hari dalam setahun. Ini bermakna kira-kira 1,300 tan kayu balak sehari akan dibiarkan pula dan berjumlah 312,000 setahun dengan kehilangan royalti hampir \$5 juta setahun. Di samping itu 70,000 tan kayu balak yang saya sebutkan tadi jikalau masalah kekurangan pengangkutan Keretapi tidak dapat diatasi dengan segera tambahan kerugian pula kayu-kayu balak ini akan menjadi rosak jikalau dibiarkan lagi di tepi jalan itu.

Pada waktu negara kita sedang menghadapi kekurangan kayu balak dan perlu diimport dari luar negeri, kejadian seperti ini patutlah dielakkan dengan segala daya upaya oleh pihak Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli dari negeri Kelantan, saya disuruh oleh pemborong-pemborong binaan bumiputra Kelantan supaya menarik perhatian Kementerian-kementerian berkenaan terhadap kekurangan dan meningkat harga bahan-bahan binaan seperti simen, besi bulat, bahan-bahan kayu dan sebagainya di negeri Kelantan sekarang, dan juga kekurangan pengangkutan untuk membawa barang-barang itu ke negeri Kelantan dari negeri lain. Ini telah menyebabkan kesulitan yang besar kepada semua pemborong-pemborong bumiputra binaan khasnya pemborong-pemborong di Kelantan itu yang banyaknya kerja-kerja terpaksa dihentikan sementara.

charge us more interest dan juga tiap-tiap kali permohonan kita, every time we apply we hope all those countries will give us support and give the necessary money.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Bab VII—Jentera Pentadbiran dan Pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab inilah yang saya fikir sangat-sangat mustahak. Kalau jentera pentadbiran tidak cukup, tidak baik maka apa sahaja Kerajaan hendak buat tidak akan terlaksana. Pada masa ini juga kita telah mendengar dari tiap-tiap negeri suara-suara projek-projek sangat banyak, wang cukup tetapi jentera tidak ada, iaitu kakitangan Kerajaan tidak cukup untuk melaksanakan projek-projek yang ada di tiap-tiap negeri itu. Maka saya ulang balik. I appeal again, dalam ucapan saya yang saya buat dalam Senate yang lepas saya telah meminta kepada Kerajaan mengambil 50,000 orang kakitangan. Itupun saya fikir tidak cukup kerana saya ambil contoh di Wilayah Persekutuan ini ada banyak projek-projek. In Wilayah Persekutuan there are plenty of projects, but we cannot do them because kakitangan Datuk Bandar tidak cukup. Saya kasihan benar Datuk Bandar sepatutnya bersara tidak boleh bersara sebab pelaksanaan tidak berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Bab XII—Pengangkutan dan Perhubungan. Saya rasa pengangkutan dalam Wilayah Persekutuan ini belum berjalan dengan baik lagi sebab kekurangan pengangkutan. Maka hari ini saya merayu pada Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan lagi 500 lesen teksi untuk 94 batu persegi Wilayah Persekutuan. I appeal to the Minister to give another 500 taxis for the Wilayah Persekutuan. Banyak saya perhatikan orang-orang luar negeri (tourists) datang ke Kuala Lumpur ini berjam-jam menanti teksi tetapi tidak dapat. Di Kuala Lumpur ini sahaja sekarang-kurangnya mahu lagi 250 teksi—at least 250 more taxis. Barulah perjalanan baik betapa pula pada sedikit masa lagi Kuala Lumpur tidak akan membenarkan private cars. In a short time no private cars will be allowed to come to Kuala Lumpur, sebab tanda-tanda saya tengok di Kuala Lumpur sudah ada. Saya perhatikan Mini Bas hendak membawa passenger dengan sepenuhnya tetapi ini tidak

dibenarkan. Tetapi teksi pun tidak cukup, dan saya cadangkan 250 taxi lagi untuk Kuala Lumpur. Ini ialah untuk penumpang-penumpang pergi ke Damasara Utama, Jinjang, Kepong, Batu Village, Jalan Ipoh, Sentul, Sentul Pasar, Selayang Lama membawa pekerja-pekerja ke Jalan Duta ke Kementerian Pelajaran, Kementerian Perdagangan, Kementerian Kebajikan Am, Kehakiman, Pejabat Ugama, Mahkamah-mahkamah dan berbagai-bagai pejabat ada di Jalan Duta sana.

Saya perhatikan banyak pekerja-pekerja itu terpaksa menumpang kereta kawan-kawan sebab tidak ada teksi. Kalau banyak teksi tambangnya pun murah dan semua orang puashati tidak payah membawa kereta lagi pergi bekerja. Cuma 250 itu saya minta bagi 50 untuk Kepong, 50 untuk Damasara, 50 untuk Kuala Lumpur Bandar, 50 untuk Setapak dan 50 untuk Sungai Besi. Negeri kita sudah makmur. We are rich now. Orang ramai suka naik teksi daripada bas dan Mini Bas. Bas-bas dan Mini Bas itu bolehlah kita hantar ke luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengangkutan juga Bab XII. Dahulu saya menyampaikan kepada Kerajaan khususnya Menteri Pengangkutan Malaysia iaitu penguji-penguji kereta (testers) telah diadakan oleh Kerajaan kita semenjak tahun 1951, tetapi Kerajaan telah lupa memasukkan mereka dalam kerja tetap (pensionable establishment). Daripada 1951, sudah 28 tahun, 105 orang tidak mendapat pencen tetapi pada masa ini cuma ada 93 orang lagi dan out of the 93 people, 95% ialah ahli-ahli saya iaitu ahli-ahli Bekas Perajurit Malaysia dan saya sebagai Naib Presiden Persatuan Bekas Perajurit Malaysia merayu kepada Kerajaan supaya mereka ini semuanya dimasukkan dalam pensionable establishment. Sampai sekarang, sudah 28 tahun, mereka masih lagi dalam temporary establishment.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pada bab perhubungan telefon. Banyak orang komplek pada saya susah mendapatnya sebab kekurangan line. Saya fikir kita sudah merdeka 22 tahun dan tidak patut lagi susah dapat telefon kerana orang-orang yang berniaga mesti menggunakan telefon, kalau tidak businessnya tidak akan maju khususnya orang berniaga getah, bijih, kelapa sawit dan juga barang-barang runcit. So I appeal to the Minister banyakkkan lagi telefon, kita malu.

18% sahaja tahun 1975 berbanding dengan bangsa asing: Cina 50.8%—tiga kali ganda ramainya dari orang-orang Melayu.

Saya merayulah kepada Kerajaan, I appeal to the Government supaya membanyakkan orang Melayu di bandar, buka lagi bandar-bandar yang mana kita tahu di Pahang akan membuka 32 bandar tetapi hari ini (today) cuma 3 bandar sahaja dibuka di Pahang, ada lagi 29 bandar belum dibuka lagi. Begitu juga di Johor, di Trengganu patut bandar-bandar baru dibuka untuk orang-orang Melayu berniaga, bersekolah tinggi supaya jangan Kerajaan kita dituduh apa Kerajaan sudah buat untuk menolong orang Melayu. Ini selalu saya dengar (I used to hear) cakap-cakap ini di kedai kopi, di surau-surau dan di masjid-masjid. Begitu juga jika ada permohonan orang Melayu hendak minta lombong bijih, hutan untuk membalak, membuka tanah untuk menanam kelapa sawit dan sebagainya beri peluang kepada orang Melayu.

Kerajaan-kerajaan Negeri patutlah dinasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang berkenaan supaya apa sahaja permohonan orang Melayu yang boleh mendatangkan kesenangan dan menaikkan taraf hidup orang Melayu mestilah digalakkan. Ini kebanyakannya apa-apa sahaja permohonan-permohonan orang Melayu di negeri-negeri semua ditolak, sampai bila pun tak akan merasa kesenangan di dunia ini walhal negeri ini dipunyai oleh orang-orang Melayu. Kita mesti tanya siapakah yang menuntut kemerdekaan negara ini? Orang Melayulah khasnya orang-orang yang duduk di kampung sana!

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada Pembangunan Wilayah, muka 81, para 190 yang berbunyi Selangor termasuk Wilayah Persekutuan mempunyai Keluaran Dalam Negeri (KDNK) per capita kira-kira 85% lebih tinggi daripada per capita negara dan yang merupakan tertinggi sekali. Kelantan, Kedah, Perlis dan Trengganu merupakan negeri yang sangat rendah pendapatan per capita. Sungguhpun saya seorang anak Selangor dan duduk di Wilayah berbesar hati mendengarkan Selangor dan Wilayah tinggi tarafnya tetapi sebagai seorang pejuang yang nationalist tentu saya berasa

sedih hati saudara saya yang ada di Kelantan, di Kedah, di Perlis dan Trengganu mendapat pendapatan yang sangat rendah.

Maka hari ini saya merayu kepada Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang saya kasihi, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad akan mencari jalan supaya negeri-negeri yang rendah pendapatan itu dipenuhi dengan industri-industri (all those poor States must be given a lot of industries) yang datang dari luar negeri. Tanah-tanah banyak, plenty of land in other States. Kalau negeri-negeri itu sudah banyak industri saya percaya segala pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi di negeri-negeri yang miskin itu tidak akan berhijrah ke Wilayah Persekutuan, Selangor dan juga negeri jiran kita seperti Singapura. Pada masa ini pekerja-pekerja kuli dari Singapura kebanyakan datangnya daripada pemuda Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, jika banyak industri-industri di tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini maka askar-askar yang akan bersara pada tiap-tiap tahun tidak kurang daripada 2,000 orang setahun (every year 2,000 servicemen retire from the Army) tidak lagi akan tinggal di Wilayah ini ataupun Selangor. Mereka akan balik ke kampungnya masing-masing sebab industri-industri telah ada di negerinya masing-masing. Pada masa ini tiap tahun 2,000 askar berhenti tidak mahu balik ke kampungnya sebab tak ada pekerjaan di negerinya, sebab tidak ada industri-industri walhal mereka sangat muda dan tegap lagi. Inilah rayuan saya kepada Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Dato' Seri Dr Mahathir supaya membawa banyak lagi pemodal-pemodal luar negeri dan hantar mereka membuat perusahaan-perusahaan di negeri-negeri yang belum ada perusahaan-perusahaan seperti negeri-negeri yang pendapat rakyatnya sangat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula pada bantuan luar negeri sama ada mata wang ringgit dan teknik di muka surat 102 dan 103, Jadual 6-1 dan 6-2. Kita patut mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada negeri-negeri yang ada di Jadual 6 itu kerana mereka menolong kita dan kita harap pada negeri-negeri itu tidak akan mengenakan faedah yang tinggi. We hope they don't

Kami menyambut baik akan perundingan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Thailand supaya membenarkan simen dari negeri Perlis dibawa ke Kelantan melalui jalanraya Thailand dan didapati bahan besi bulat akan dibawa dari Singapura tidak lama lagi. Sungguhpun begitu ini adalah salah satu jalan untuk mengatasi masalah ini sahaja. Penyelesaian seluruhnya jangka panjang perlu diusahakan.

Bagi pihak mereka itu pula, saya ingin menyeru Kerajaan Pusat atas tiga perkara :

- (1) Harga-harga balak di Kelantan sedang meningkat sehari-hari disebabkan kebanyakannya adalah dieksport ke Thailand. Perlulah Kerajaan mengawal dan menghadkan eksport barang-barang itu daripada Kelantan.
- (2) Masalah pengangkutan disebabkan kekurangan lori-lori dan wagon Keretapi di Kelantan perlulah dikaji dan diatasi.
- (3) Lebih banyak lagi kontrek-kontrek Kerajaan patut diberikan kepada anak-anak Kelantan iaitu pemborong-pemborong tempatan di Kelantan itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia bukan bumiputra tentulah menyokong dengan penuhnya terhadap dasar dan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu dengan tujuan mengelakkan berlakunya penjualan tanah-tanah kepunyaan Melayu ke tangan orang lain. Oleh sebab peruntukan bagi negeri Kelantan untuk Rancangan Malaysia Ketiga yang begitu melimpah ruah dengan peruntukan asal berjumlah \$1,018.82 juta tambah pula \$725.2 juta untuk Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini. Jumlah peruntukan akhir Rancangan Malaysia Ketiga bagi Kelantan telah sampai \$1,744.07 juta. Dengan wang ini dan satu Kerajaan Negeri mempunyai hasrat dan tekad yang kuat, negeri Kelantan telah mulai menghasilkan pembangunan dan kemajuan yang begitu pesat. Dengan perkembangan yang begitu pesat pengambilan tanah rakyat untuk kemajuan secara awam tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat bukan bumiputra negeri Kelantan tidak mudah mendapati atau membeli tanah sebab dihadkan undang-undang tanah di negeri Kelantan itu. Oleh sebab inilah kesihan benar rakyat bukan bumiputra khasnya orang-orang atau orang kampung apabila tanahnya diambilalih oleh Kerajaan untuk maksud-maksud awam. Kebanyakan orang-orang biasa ini

telah mempunyai tanahnya banyak generasi dengan rumah kediamannya atau kebun untuk kehidupan sanak saudaranya atas tanah itu. Kehilangan tanah mereka itu sentiasa mengakibatkan kerumitan teruk yang mereka tidak mampu mengatasi. Wang penggantian dibayar oleh Kerajaan tidak akan menolong mereka yang hilang kampung halaman asalnya. Kepada Kerajaan Negeri, kepada pegawai-pegawai kanan tempatan itu dan kepada Kerajaan Pusat, saya menyeru dengan tulus ikhlasnya supaya memberi pertimbangan rasa dengan sikap berperikemanusiaan jikalau kes-kes seperti ini berlaku.

Sekianlah sahaja dan saya sekali lagi menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.

*5.09 ptg.*

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kuat usul yang dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri yang kita kasihi sebentar tadi. Saya juga mengucapkan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sekarang selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.10 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.30 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam ini.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam ini.

*Perbahasan disambung semula.*

5.31 ptg.

**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyambung ucapan saya tadi dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat mengeluarkan Buku Hijau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga Tahun 1976 hingga 1980. Saya telah membacanya dari muka ke muka hingga habis buku ini dan saya suka mengambil perbahasan dalam perkara ini.

Dalam pembasmian kemiskinan, Jadual 2-2, muka 31, pendapatan bulanan orang-orang Melayu tertinggal ke belakang dari bangsa-bangsa asing; cuma \$100.20 sebulan bagi tahun 1976. Saya percaya pada tahun 1978 lebih kurang \$120 sahaja sebulan pukul rata. Dengan pendapatan yang begitu kecil pendapatan orang Melayu maka saya merayu-lah kepada Kerajaan. I appeal to the Government, agar mengambil langkah yang positif supaya pendapatan orang-orang Melayu akan lebih dari bangsa-bangsa asing kerana ini negeri Melayu, bangsa asing ini bangsa mendatang. Mengapa pula bangsa-bangsa yang mendatang ini lebih pendapatan dari orang-orang Melayu? Bagi saya supaya pendapatan orang-orang Melayu boleh lebih dari bangsa-bangsa asing, orang-orang Melayu mesti diberi pelajaran, Malays must be given education yang cukup. Anak-anak Melayu mesti diberi keutamaan di sekolah-sekolah tinggi iaitu di universiti-universiti sama ada Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, Universiti Pertanian dan apa-apa juga sekolah tinggi, sains dan sebagainya dan inilah satu-satu alasan kita kepada bangsa-bangsa asing yang kita orang-orang Melayu tidak benarkan orang-orang Cina membuat Universiti Merdeka sebab pendapatan orang-orang Melayu masih rendah. Buktinya muka 31, Jadual 2-2, \$100.20 sebulan sahaja pada tahun 1976.

Pada masa ini orang-orang bangsa asing lebih kurang 60,000 atau 65,000 anak-anak mereka berada di luar negeri, di Amerika, di Kanada, di Hongkong, di Taiwan, di Singapura dan lain-lain lagi mengambil bermacam-macam bidang pelajaran di luar negeri, mengambil doktor, engineer, draftsman, architect dan bermacam-macam pelajaran. Mereka ini akan balik, they are coming back ke negara kita dan akan bekerja dengan Kerajaan kita atau swasta. Anak-anak siapa yang pandai? Anak-anak bangsa asing. Anak Melayu tertinggal rendah, pendapatan orang-orang Melayu sangat rendah. Sudahlah itu, penghidupan tak sempurna sebab pelajaran kurang.

Saya merayu kepada Kerajaan kelas-kelas bimbingan di tiap-tiap sekolah kepada anak-anak Melayu mesti digalakkan dari sekarang juga. Kuota-kuota universiti di dalam segala matapelajaran mesti dilebihkan, asrama-asrama mesti dibanyakkan supaya anak-anak Melayu yang miskin yang bagus otaknya diberikan kemudahan tinggal di asrama-asrama, sekolah-sekolah sains, sekolah-sekolah vokasi untuk anak-anak Melayu akan banyak dibuka. Kita malu anak-anak Melayu masih tercicir dalam segala bidang pelajaran, sebab itulah pendapatan orang Melayu sangat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula dalam penyusunan semula masyarakat, muka 47, Jadual 3-2. Pengangguran tahun 1978: orang Melayu 52.3%, orang Cina 34.5% orang India 12.6%. Di sini kita nampak Melayu juga yang banyak menganggur. Sebab apa? Pelajaran tak cukup. Saya haraplah kepada Kerajaan tolonglah ambil tindakan. Penduduk-penduduk juga tidak seimbang. Saya beri contoh di Jinjang dan di Kepong, 200,000 orang Cina, Melayu tak sampai 20,000, orang-orang India 5,000, tempat tinggal pun tak sama. Selagi kita tidak seimbang, selagi itulah ada cemburu, iri hati antara Melayu dan bukan Melayu walhal we are Malaysians.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok pula muka 63, Jadual 4-2, penduduk luar bandar dan dalam bandar. Luar bandar Melayu yang ramai tahun 1975 63.9% berbanding dengan bangsa lain, Cina hanya 25.8% sahaja dan India 9.7% sahaja. Macam manakah orang-orang Melayu hendak kaya kerana di luar bandar penghidupan semata-mata menoreh getah, menangkap ikan dan bertani. Di bandar, Melayu cuma

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk Bab XIII—Kemudahan-kemudahan Awam. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah pada Kerajaan kerana baru-baru ini dalam pertemuan Ketua-ketua Bahagian di Wilayah Persekutuan dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, beliau telah memberitahu kami iaitu every setinggan yang tidak akan dirobokkan segera akan diberi kemudahan-kemudahan seperti jalan, longkang, stand pipe, lampu elektrik, telefon, dewan, surau, kelinik dan jamban curah. Kalau boleh bas pun hendak dibagi untuk anak-anak mereka ke sekolah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kalau Wilayah Persekutuan boleh diberi, saya berharap pada Kerajaan seboleh-bolehnya di mana-mana sahaja kampung-kampung Melayu, tiap-tiap kampung Melayu yang ada di tempat-tempat lain itu akan mendapat kemudahan serba-serbinya tetapi yang mustahaknya ialah jalan kampung yang baik supaya senang orang-orang kampung membawa barang-barang tanamannya untuk dijual ke bandar. Pada masa ini banyak lagi kampung-kampung Melayu tidak ada jalanraya, tidak ada air paip, tidak ada lampu elektrik, tidak ada surau, tidak ada masjid, tidak ada dewan, tidak ada padang permainan after 22 years of independence, dan juga jamban curah.

Saya perhatikan dalam Jadual 13-2, muka surat 199 Wilayah Persekutuan cuma dapat 1.0% air, Wilayah Persekutuan yang luasnya 94 square miles dapat air 1.0%. Mana ada cukup?

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk ke Bab XIV—Pelajaran dan Latihan. Ini juga sangat-sangat penting kerana orang-orang Melayu dan bumiputra tercicir dalam segala lapangan pelajaran dan juga latihan-latihan yang lain. Oleh sebab banyak murid-murid Melayu di sekolah sangat lemah dalam mata pelajaran khususnya Ilmu Hisab dan Sains maka Kerajaan patutlah menambah guru-guru yang mahir dalam bidang Sains dan Ilmu Hisab. Kita tahu yang kurang anak-anak Melayu ialah dalam bidang kedoktoran, engineer, perumahan dan pembinaan. Tidak ada anak Melayu. Saya merayu kepada Kerajaan supaya anak-anak Melayu dihantar keluar negeri. Send them to foreign countries bukan sahaja mengambil kedoktoran, not only to take medicine tetapi all subjects. Cuba kita tengok siapa yang buat jalan. Now we can see roads. Siapa buat jalan di negara

kita? In our country, engineers dari Jepun dan Korea. Mana ada anak negara kita? Mereka tidak digalakkan belajar membuat jalan, membuat jambatan yang besar dan panjang seperti yang akan dibuat di Pulau Pinang siapa akan membuatnya, bukan anak kita tetapi boleh jadi orang Jerman. Begitu juga binaan untuk Tentera Laut yang kita bina. The big Naval Base at Lumut siapa yang akan membuatnya ialah orang Jepun. Bukankah kita malu? Segala kontrek yang besar semua orang luar belaka kerana kita tidak ada orang yang mahir membuat itu dan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan, I appeal to the Government memberi latihan semua bidang mata pelajaran untuk anak-anak Melayu dan bukan Melayu seperti musik, artis, juru gambar, penyunting, penyelidikan alam dan bermacam pelajaran lagi. Kalau tidak ada guru jemput daripada luar negeri. Begitu juga bahasa segala bangsa. All the languages we must teach our people in this country. Pada masa ini Bahasa Melayu, bahasa Arab sahaja. Jadi kalau kita hendak hantar jadi duta ke Cina, ke Jepun macam mana? Tidak ada belajar bahasa!

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka bercakap secara umum, in general, tetapi tidak keluar daripada Buku Hijau ini. Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat kita yang ada di negara kita ini sama ada makan gaji atau mempunyai pekerjaan sendiri, kita mahu cuma tiga sahaja. Everybody wants only three things:

- (1) makanan untuk hidup;
- (2) pakaian untuk menutup aurat; dan
- (3) rumah tempat berteduh.

Sudahkah kita kaji iaitu tiap-tiap rakyat kita sudah ada rumah ketika ini? Sudahkah rakyat kita mendapat makanan yang cukup? Saya rasa belum lagi. Macam mana hendak mendapatkan makanan yang berzat (power vitamins). Sebab saya kata belum, harga barang-barang makanan pada masa ini terlampau mahal, termasuk barang-barang yang ada di negara kita sendiri seperti sayur-sayur. Sayur-sayur kita dahulu boleh dapat 20 sen sekati tetapi sekarang tak dapat iaitu 80 sen; kelapa dahulu 20 sen sebiji sekarang 50 sen; cili dahulu 10 sen sekati sekarang \$1.50 sen; walhal barang-barang ini kita tanam di negara kita. Ikan hidup tak kurang daripada \$1.60 sen sekati, daging \$4.80 sen sekati, minyak kelapa \$33.00 satu tin walhal dahulu cuma \$29.00 sahaja. Semua barang makanan

sudah melambung tinggi, orang-orang yang bergaji kecil sekarang sangat susah penghidupannya. Itu sebab pekerja-pekerja MAS minta naik gaji. Saya sokong dengan sepenuh hati, tetapi saya tak sangka perkara ini akan melarat besar. Pekerja-pekerja MAS yang bergaji kecil tak cukup gajinya, barang-barang makanan mahal, pakaian untuk anak-anak sekolah sudah mahal, tinggal pula di rumah sewa, rumah sewa pun mahal.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayulah kepada Kerajaan kalau rakyat kita mahu hidup sempurna cubalah cari ikhtiar supaya harga barang makanan dan pakaian diturunkan harganya. Jika harga makanan dan pakaian dapat diturunkan harganya rakyat berpendapatan rendah boleh hidup dengan senang sedikit, they get pleasure in this independent country. Begitu juga rumah murah untuk rakyat yang berpendapatan rendah sudah patut kita buat sama ada rumah pangsa, rumah panjang dan sebagainya tetapi insya Allah di negeri-negeri lain bila kita berjalan sudah ada, khasnya di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya di dalam perbincangan Buku Hijau ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris:

*(Dengan izin)* Let us be united and support the Barisan Nasional Government and stand firm behind our leaders led by His Excellency the Prime Minister of Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn.

Sekian, amin ya Rabbal 'alamin.

5.53 ptg.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:**

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama membincangkan di atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar bagaimana ucapan-ucapan yang telah dihamburkan oleh parti-parti Pembangkang terutama sekali DAP di Dewan Rakyat. Walau apa Kerajaan buat sekali pun di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga, parti Pembangkang seperti DAP tidak puas-puas hati; apa yang kita kata hitam dia mesti kata putih, kita kata putih dia mesti kata hitam. Itulah dasar

pihak Pembangkang DAP. Tuan Yang di-Pertua tahulah bahawa DAP inilah yang telah menjahanamkan negeri kita ini, yang telah membuat huruhara di negeri kita ini dan kita ingat, sebelum 13 Mei tahun 1969 yang lalu Parti inilah yang menghuruharkan dan terjadilah Peristiwa 13 Mei, 1969 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau parti-parti Pembangkang serupa ini adalah untuk membina negara ini, pihak parti Pembangkang boleh memikirkan iaitu negara ini adalah negara kita bersama, kepentingan bersama. Sekiranya Kerajaan menjalankan tugas-tugas bagi menjayakan Rancangan Malaysia pada hari ini, kalau betul-betul DAP jujur maka DAP bersama-sama menegur secara membina bukan menegur secara menjahanamkan Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita berjalan di luar negeri bawa DAP ini ke luar negeri, bawa parti Pembangkang ini ke luar negeri, cuba mereka tengok, meninjau tak usah jauh. Ini bukan saya katakan keadaan negeri orang lain seperti di India, Pakistan, negeri yang kaya macam Iran dan Saudi Arabia yang kaya dengan minyak, dan negeri China yang dikatakan makmur, sudah makmur setelah menjadi komunis, di Vietnam, Laos dan Cambodia; saya ingat negeri kita jauh baiknya, baik pun di dalam pemerintahannya, pembangunannya dan masyarakatnya. Tetapi pihak Pembangkang seperti DAP ini tak pernah sekali mengatakan betul. Sungguhpun saya selalu juga menegur di atas perjalanan Kerajaan, sebab saya disuruh tegur oleh kerana saya berdiri di sini untuk menegur apa juga perjalanan Kerajaan tetapi kalau Kerajaan membuat sesuatu perkara yang benar untuk membasmi kemiskinan seperti beberapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin kita telah mengatakan iaitu kita membasmi kemiskinan bukan peduli kemiskinan ini untuk orang Melayu, India atau Cina sahaja tetapi kemiskinan ini mestilah dibasmi dengan erti kata yang sebenar-benarnya. Sebab kemiskinan inilah akan membuat huruhara dalam negeri ini seperti yang terjadi di Iran, seperti yang terjadi di negeri China dahulu, di Cambodia, Laos dan lain-lain negeri.

Jika rakyat dalam negeri ini, apa juga bangsanya telah menjadi senang dalam rancangan-rancangan yang kita buat pada masa akan datang, maka tidak guna kita ada askar dalam negeri mengawal rakyat dan

juga tidak guna lagi polis macam negeri-negeri yang makmur tak payah dijaga dengan pistol sebab rakyat sudah ada rumah, ada radio ada televisyen dan sebagainya. Tak siapa hendak mencuri lagi. Dengan sebab itu saya bersama-sama menyokong rancangan Kerajaan ini dengan hati yang bersih. Sungguhpun begitu teguran-teguran mestilah saya hamburkan kerana banyak yang membuat rancangan ini, walau dia jadi Menteri apa sekali pun Menteri-menteri bukan Tuhan di atas dunia ini. Kesilapan-kesilapan mesti dibuat oleh manusia, walau apa pangkatnya sekali pun. Dengan sebab itulah maka kita ada Parlimen ini, dengan sebab itu kita ada sebuah negara demokrasi yang boleh kita tegur secara sihat seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah berlegar ke seluruh dunia—berlegar ke Jepun, ke Amerika, tak lama lagi hendak pergi ke Eropah untuk mengatakan kepada seluruh dunia: Tanamlah modal di Malaysia bagi membanyakkan lagi industri-industri di Malaysia.

Ini memang bagus dan kita sokong bersama-sama, tetapi bolehkah negeri ini menampung lagi industri ini dan sudah siap sediakah kita memberi tempat, sudah sedikah kita memberi segala kemudahan sebab kemudahan yang ada ini tidak cukup? Kita baca dalam suratkhbar mengatakan tenaga letrik tidak ada, beberapa buah kilang telah ditutup beberapa hari, adakah Kerajaan bertanggungjawab di atas kerugian industri-industri ini? Bolehkah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan pihak Kerajaan kita mempersoalkan di atas perkara ini dan membayar gantirugi di atas industri-industri yang rugi dua tiga hari dengan tidak diberi notis? Saya percaya dia tidak boleh memberi gantirugi di atas perkara ini. Tidak ada air tetapi industri-industri ini berkehendakkan air. Kalau air tidak ada bagaimana sebab ini perkara yang penting sekali. Saya suka baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, baik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan segala Menteri pergilah keluar negeri, carilah orang-orang yang ada modal bawa ke negeri ini, sebab saya tahu tujuannya supaya orang-orang kita dapat kerja dan mengkayakan negeri kita ini lagi. Tetapi apabila mereka itu datang ke mari buka kilang kemudian tutup kilang dan mereka balik ini lebih menjahanamkan kita. Apa sebabnya? Sebabnya ialah pegawai-pegawai kurang foresight; ini

bukan semua pegawai-pegawai kita. Rancangan-rancangan yang dibuat, foresightnya tidak jauh. Cuba kita tengok jalanraya daripada Petaling Jaya ke Lapanganterbang Subang foresightnya cuma untuk tiga, empat tahun, tetapi pada hari ini dibuat 8 baris.

Begitu juga tenaga letrik yang dikehendaki. Kita tidak fikirkan rakyat berkehendakkan lebih banyak rumah lagi. Kita tidak fikirkan rakyat berkehendakkan serba-serbi lagi, cuma difikirkan untuk dua tahun. Ada setengah-setengah pihak mengatakan tidak cukup air. Apa sebab tidak cukup air, dikatakan tidak ada hujan. Kalau dikatakan tidak ada hujan, negeri kita ini adalah sebuah negeri yang penuh dengan hujan. Hari-hari hujan, tiap-tiap petang hujan. Kalau siapa mengatakan negeri ini tidak ada berair, orang itu sudah jadi gila, boleh dihantarkan ke Hospital Gila. Kalau dikatakan di Saudi Arabia, di Iran, di India tidak berair boleh, sebab di India kalau musim hujan, melimpah-limpah air dan kalau sudah musim kering, habis kering langsung, tetapi di tanah air kita ini boleh dikatakan sentiasa hujan. Bagaimana hendak menampung air hujan ini, itu yang penting sekali. Kita tahu pakar-pakar yang kita cari itu, kata mereka takung air di Kelang Gate misalnya, letakkan lapanganterbang di Subang. Pada hari ini pakar United Nations mengatakan itu tidak betul pula, takung air di Kelang Gate sana tidak betul, lapanganterbang itu tidak betul dan tidak lama lagi bagaimana keadaannya. Jadi, kita mencari pakar-pakar yang benar-benar. Kita cari pakar-pakar daripada Jerman, Australia dan Amerika tetapi pakar-pakar ini tidak tahu keadaan negeri ini.

Saya memberikan misalan, Tuan Yang di-Pertua, pendapat orang-orang kampung. Semasa saya menjadi Pegawai Daerah dahulu, orang kampung mengatakan kepada Pegawai Parit dan Taliair tempat ini patut dibuat empangan, tetapi Jurutera Parit dan Taliair mengatakan itu tidak betul buat di situ. Orang kampung kata, baiklah cuba tengok, akhirnya sawah tidak berair. Sebab orang kampung ini lebih tahu lagi tempat di mana ada air. Jadi begitu juga pakar daripada Australia, Jerman mana mereka tahu melainkan pakar-pakar yang ada di dalam negeri ini tahu keadaan tempatan. Ini satu daripada sebabnya.

Keduanya berkenaan dengan tenaga letrik. Perkara letrik ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bincangkan ini kerana penting, sebab

kita hendak panggil orang-orang luar negeri datang, sebab itu saya akan bercakap dalam perkara ini lebih lama sedikit kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan. Kalau kita bercakap benar, tidak mengapa. Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang dahulu itu memang orangnya jujur dan baik, tetapi pegawainya itu boleh mengelirukan. Kalau kita tanya di dalam Dewan ini, pegawai itu memberitahu: katakan sahaja tidak ada hujan. Katakan tenaga letrik di Port Dickson rosak. Sekali dua bolehlah dikatakan begitu, tetapi kalau tiap-tiap hari kata tidak ada hujan, tidak ada air, apa sebabnya pada masa membuat dahulu mengatakan kita boleh dapat beribu-ribu kilowatt tenaga letrik di sana sekarang tiba-tiba tidak ada, sebab tidak berair macam mana pakar-pakar ini membuat projek ini dahulu. Mengapa tidak menampung air sebab hujan begitu banyak. Yang sebenarnya ialah rosak, selalu rosak. Tengok sahajalah Televisyen kita selalu rosak. Tidak ada Televisyen di negeri-negeri lain tiap-tiap kali ada gambar orang menunjukkan televisyen itu rosak. Tidak pernah negeri-negeri lain menunjukkan gambar nanti sekejap kerana gambar rosak. Sebab apa ialah maintainancenya barangkali tidak betul. Jadi, Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab terpaksa tengok atas perkara ini jika kita hendakkan banyak lagi orang-orang hendak datang ke negeri kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai tenaga air. Begitu juga apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kelantan iaitu berkenaan dengan transportation atau perkhidmatan pengangkutan. Pada hari ini hendak mengangkut simen daripada Perlis ke Kuala Lumpur tidak boleh dapat, bukan bumiputra sahaja tetapi yang tidak bumiputra pun tidak dapat simen juga. Ini disebabkan transportation seperti perkhidmatan keretapinya tidak cukup. Dalam surat-khabar bukan main lagi kata segala-galanya dikatakan bagus tetapi banyak kali keretapi tergelincir (*Ketawa*). Ini saya katakan perkara yang benar. Mana satu negeri dalam dunia tiap-tiap bulan dua tiga kali gerabak keretapi tergelincir dan sudah ada orang yang mati. Inikah yang dikatakan bagus? Terak-terak mengangkut simen kurang sangat. Simen di Perlis bertimbun-timbun, balak di Kelantan bertimbun. Bolehkah Jabatan Keretapi Tanah Melayu menafikan di atas perkara ini? Kalau transportation kurang bagaimana? Kalau hendak industri transportation mesti ada. Transportation mesti bergerak selalu sebab

kita mengeluarkan barang dan barang-barang itu mesti diangkut baik getah baik bijeh timah dan segala-galanya. Kalau transportation tidak betul, asyik tergelincir sahaja dari landasan dan gerabak yang sudah 30 tahun, landasan keretapi tidak dibina, begitu sahaja selama-lamanya, bagaimana? Jalanraya-jalanraya kita sudah besarkan, tetapi keretapi begitu juga keadaannya, tetapi kita memberitahu rakyat semuanya bagus.

Tuan Yang di-Pertua, apabila besok kejadian-kejadian seperti ini terjadi dan lebih ramai lagi rakyat mati, Yang Berhormat Menteri itu akan bertanggungjawab di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan juga adalah penting. Kerajaan buat pelabuhan, ini lagi di atas perkara pakar. Pada satu masa yang lalu di sidang dahulu saya telah bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab sama ada betul atau tidak pelabuhan Kuantan yang baru ini telah belah (*crack*), retak. Menteri telah menjawab, "Ya, betul retak". Bukan sahaja di Kuantan katanya di pelabuhan Port Kelang pun retak, di Johor pun retak, di tempat lain pun retak juga. Maknanya lebih jahanam. Kalau Pelabuhan Kuantan sahaja retak tidak jadi hal. Maknanya semua pakar-pakar yang dibawa dari luar negeri tidak berguna, tidak boleh dibayar. Tuan Yang di-Pertua ada di situ bila saya bertanya dahulu bukankah begitu? Jadi berapa rugi itu. Kalau misalnya retak itu boleh ditampal-tampal. Tetapi yang ditampal tidaklah serupa dengan yang tidak retak. Ditampal, diketuk-ketuk, disimen balik tidak nampak retaknya. Pada satu hari, satu masa yang akan datang pelabuhan itu jahanam, bagaimana? Bukan satu tempat, di lain-lain tempat juga begitu mengikut kata Menteri yang bertanggungjawab. Ini juga mesti ditengokkan. Kita bukan sahaja hendak pelabuhan tetapi juga facilities di pelabuhan-pelabuhan ini untuk menampung barang yang masuk dan keluar daripada negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Lapanganterbang. Tengoklah Lapanganterbang kita dikatakan elok, molek, ini kita mengatakan kepada dunia, memang bagus ada lapanganterbang, bukan tidak ada. Tetapi kita kata melampau-lampau, dahulu kita bercakap di Parlimen tempat duduknya pun koyak, tempat duduknya batu misalnya, tengoklah conveyor belt-nya satu sahaja.

Misalnya, pukul 7, pukul 8, orang daripada luar negeri, kapal terbang dari luar negeri datang, conveyor belt satu, menunggu sampai satu jam lebih. Kadang-kadang rosak, tiada siapa hendak membaikinya. Orang yang hendak menjadi moden, progresif dan sebagainya kalau apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri hendak menjadi satu negeri yang moden dan progresif, kita mesti tengokkan segala-galanya. Perjalanan-perjalanan kita mesti kita tengokkan supaya jangan orang dari luar negeri datang tengok conveyor beltnya satu, menunggu berjam-jam. Kedai kopi di bahagian atas bangunan Lapangan terbang itu, tengok bagaimana. Ini semua mesti ditengok sebab kita hendak mengadakan attraction kepada tourists yang datang ke negeri kita. Ini juga kita terpaksa-lah memperbaiki.

Selain daripada itu mengenai hutan-hutan, kebun-kebun yang ada dalam rancangan ini, ada industri-industri yang banyak, pekerja-pekerja kita dapat, begitu juga pekebun-pekebun, pekerjaan-pekerjaan. Jikalau kita ada segala-galanya, negeri kita akan jadi mewah.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Kerajaan mempunyai Perbadanan-perbadanan. Macam MISC (Malaysian International Shipping Corporation) ini mesti Kerajaan tengok betul-betul oleh kerana Kerajaan mempunyai saham yang banyak di sana. Jangan orang-orang luar yang mempunyai saham yang kecil mendapat keuntungan yang besar di atas syarikat perkapalan negara. Orang-orang ini telah bertanya kepada saya, terutama pekerja-pekerja bumiputrapunya, bukan cemburu kepada bukan bumiputra. Apa pekerjaan tempat bumiputra yang diletakkan di sana, yang bukan warganegara, yang bukan bumiputra diletak di tempat-tempat yang penting di mana mereka ada peluang-peluang. Ini mesti kita tengokkan, dan bagaimana Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mempertahankan, membeli lima kapal gas cecair, belum siap apa lagi telah dibeli lima buah. Dua tahun tiga tahun kita tidak tahu, ini baru kita hendak panggil tender untuk Bintulu kita telah siap lima kapal. Tentulah beratus-ratus juta ringgit wang Kerajaan dalam Malaysian International Shipping Corporation ini. Tentu ada pakar-pakar yang dikatakan pakar-pakar daripada Hong Kong sebab orang-orang Hong Kong pandai kononnya sebab itu dimasukkan dia mempunyai saham. Orang-orang ini boleh menjadi agen-agen untuk membeli kapal-kapal dengan mendapat

komisen-komisen. Berapa million harga kapal, belum apa-apa lagi siap, Bintulu belum apa-apa lagi telah membeli kapal ini dan untuk satu-satu kapal satu bulan, saya baca dalam akhbar untuk maintenance sahaja terpaksa berbelanja \$700,000 kalau saya tidak silap, kalau silap, boleh tegur saya. Itu perbelanjaan untuk satu kapal. Kalau lima kapal \$3,500,000 sebulan; setahun 12 kali 3, tak usah banyak \$40 juta kerugiannya. Kalau dua tahun berapa banyak Kerajaan rugi.

Saya bercakap bukan kerana ada keuntungan kepada saya, saya cuma menegur secara ikhlas supaya kita jangan dapat dipermainkan oleh orang luar. Kalau ada corruption di atas perkara ini pihak anti corruption mesti tengok supaya sesiapa yang membuat begini mesti dihukum betul-betul. Itu yang saya hendak.

Tuan Yang di-Pertua, UDA juga. Dalam buku ini ada berkenaan dengan UDA sebab itu saya masukkan UDA. Tidak lama dahulu saya baca dalam akhbar, saya baca dalam *Far Eastern Economic Review*, ada orang yang telah menjadi warganegara negeri ini yang kononnya menjadi pemimpin segelintir rakyat dalam negeri ini yang menuduh iaitu dia adalah second class citizen. Hak-hak istimewa diberi kepada orang Melayu dan bumiputra, apa dapat kepada second class citizen. Dan saya baca dalam akhbar yang Perdana Menteri kita menyatakan lebih baik jadi second class citizen. Jikalau second class citizen ini mempunyai harta yang begitu banyak, senang lenang, memang apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya sokong sepenuhnya-penuhnya, lebih baik saya jadi second class citizen yang ada berjuta-juta ringgit, segala industri-industri negeri ini saya control, lebih baik saya menjadi warganegara yang kedua. Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri memang saya menyokong seratus peratus. Tahukah Tuan Yang di-Pertua, UDA dengan Eng Lian ada joint venture membuat perumahan, sebab sudah ada duit, orang ini yang complaint. Buka beribu ekar di Pahang—12,000 joint venture dengan Kerajaan Pahang beribu-ribu ekar ditanam kelapa sawit dan getah, saya dapat tahu. Orang ini, dengan UDA begini. Kalau misalnya Bumiputra, saya bukan anti orang lain, tidak berguna anti orang, tetapi ini perkara yang sebenar.

Kalau bumiputra hendak membuat satu rancangan untuk conversion, memakan masa yang lama. Baik saya "Kudakan" melalui UDA kalau saya ada duit. Inilah kalau UDA jadi "kuda"—barangkali sekarang sudah tidak ada lagi—dulu jadi kuda betul; boleh meminjam duit dengan nama UDA, dapat 30% sahaja saham. Kita kena kuda, bukanlah ini bodoh?

Pada hari akan datang kita mesti belajar sedikit sebanyak mengenai business ini, jangan kita selalu dijadikan perkakas. Ini telah dikatakan oleh seorang Menteri: jangan gunakan cap bumiputra, jangan gambar-gembur pakai cap bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan Malaysia, Fasal 153 ada mengatakan hak-hak istimewa orang Melayu, tetapi adakah kita gunakan? Kita tidak gunakan itu sampai 13hb Mei, 1969 sebab kita ingatkan kita bertolak ansur. Saya sebagai orang Melayu memang suka hendak bertolak ansur, bukan saya puji sebab saya orang Melayu—tidak, ini perkara yang benar, tetapi orang lain juga mesti bertolak ansur kepada kita. Ini yang kita kehendaki.

Di kilang-kilang, orang-orang Melayu mendapat gaji \$135 sebulan, orang lain mendapat \$300 sebulan. Bagaimanakah berlakunya keadaan begini? Kita dijadikan perkakas, ini yang saya katakan tadi tidak boleh dibuat begini. Orang-orang lain mesti berfikir di atas perkara ini, tidak boleh digunakan kita jadi perkakas dan orang Melayu sendiri jangan mahu digunakan oleh orang lain sebagai perkakas. Itu yang penting sekali.

UDA sendiri pun, bukan orang lain individu; kita tahu UDA ada kompleks, panggung-panggung wayang. Kepada siapa diberi panggung-panggung wayang itu—panggung wayang yang ada di dalam sebuah kompleks di hadapan Regent. Tidak boleh bersuara, cuma 30% saham, macam mana hendak bersuara. Ini macam Kabinet juga, di dalam satu syarikat begitu juga, kalau kita mempunyai banyak saham, kita boleh bersuara; kalau tidak—jangan cakap. Biar pun kita dilantik menjadi Pengerusi, apa kita hendak cakap, kalau individu orang Melayu lebih lagi.

Selain daripada itu berkenaan dengan MAS. Saya ingat satu masa dahulu ketua Union telah mengecam kita. Katanya Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini tidak berguna, macam anjing menyalak. Ini saya ingat dan kita telah membincangkan di atas

perkara ini, buat satu usul dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah cukup marah. Apa sebabnya dipanggil Dewan Negara ini dan Ahli-ahli di dalam Dewan Negara ini macam anjing menyalak? Parlimen kita adalah tiga komponen: Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Yang di-Pertuan Agong. Kalau dia mencerca Dewan Negara, salah juga, maknanya dia mencerca Yang di-Pertuan Agong. Itu sebabnya pada masa akan datang jangan dicaci.

Workers' Union pada saya tidak menjadi hal, kalau tidak ada pun tidak boleh, majikan boleh buat apa sahaja kepada pekerja. Tetapi jangan satu-satu kaum sahaja yang kontrol, yang lain jadi perkakas, apa dia suruh, kita buat. Ini tidak boleh terutama sekali dalam negeri ini dan mestilah bertanggungjawab. Tetapi sungguhpun begitu di dalam administration, saya sokong apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, tetapi kita juga mesti menyasiat apa perjalanan MAS ini yang sebenarnya, bagaimana administrationnya, bagaimana perjalanannya, kenapa orang-orang ini strike begini, kenapa tidak habis-habis, disiasat betul-betul. Tentulah bukan sahaja kita mendiamkan kepada workers untuk strike begitu sahaja.

Kita ada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, ada Personnel Manager, ia mestilah betul-betul rapat kepada pekerja. Ini dia cuma pentingkan pangkat dia sahaja, dia tidak rapat kepada pekerja-pekerja. Jadi bagaimana pekerja hendak rapat kepada dia? Begitu juga Managing Directornya dan lain-lain yang bertanggungjawab kepada pekerja.

Ini mesti kita tengokkan betul-betul, jangan selalu disalahkan kepada pekerja sahaja, tetapi kita juga salahkan kepada administration di dalam MAS sendiri. Cuba tengok bagaimana keadaannya, siapa akan bertanggungjawab? Kita telah buat agreement kononnya dengan Korea Selatan. Agreement telah disain—di mana sains tidak tahulah saya, sama ada di Kuala Lumpur atau di Seoul, sudah disain, tetapi apabila kita terbang dari Kuala Lumpur ke Taipei, Taipei ke Seoul, kapal terbang kita telah ditahan oleh Kerajaan Korea Selatan selama 21 jam dan orang-orang yang di dalam kapal terbang tidak boleh balik dengan kapal terbang itu ke mari. Bagaimana pengertian agreement ini? Bagaimana MASnya, bagaimana Kementerian ini? Kita malu betul, prestige Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Prestige negeri, MAS

yang besar di dunia ini terpaksa mengadakan Revolusi Kebudayaan China mulai tahun 1956, Revolusi Penghijauan di India kena dibuat, Revolusi Tanah di Kampuchea kena dibuat, Revolusi Sosial Indonesia kena dibuat, Revolusi Kaum Tani di Ceylon dibuat berpunca dari asas ekonomi yang tidak seimbang. Jadi rakyatnya sendiri membuat revolusi, begitulah juga titik permulaan yang dibuat oleh rakyat kita, Revolusi 13hb Mei. Ini berpunca dari kadar ekonomi yang tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari masalah ini sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya gemar membuat satu cabaran kepada Kerajaan. Kerajaan jangan hanya dapat menuduh golongan-golongan yang mensabotajkan Dasar Ekonomi Baru dan juga mengatakan rakyat itu rakyat kelas tiga. Jadi Kerajaan hendaklah tegas menghadapi manusia ini dan perlu diberikan satu tindakan supaya kejadian ini tidak berleluasa, tidak berpanjangan dan dasar yang kita hendak jalan dapat dijalankan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, manusia ini sebagaimana kita juga sedia maklum, tetapi kerana hendak menguatkan hujah saya ini biar saya katakan lagi, mereka ini sungguh menerima hak kerakyatan, hak kebebasan kekayaan dalam negara ini. Tetapi mereka tidak tergamak hendak bertanggungjawab, berkorban kepada negara ini bahkan apabila mereka silap sahaja hajatnya tidak sampai, mereka mencaci, mencerca Kerajaan dan mereka sanggup membuat bermacam-macam tuduhan kepada Kerajaan dan kepada Kabinet kita. Walhal kita telah beri mereka ini kerakyatan, dia telah jadi rakyat negeri ini. Apa yang harus diperhatikan oleh Kerajaan, golongan ini tidak pernah membuktikan semangat kewarganegaraannya, sekiranya dikehendaki berkorban sedikit untuk negara atau berlaku kejadian huru-hara, manusia-manusia ini cabut lari. Contohnya, peristiwa 13hb Mei, baru satu minggu berlaku, berapa banyak golongan-golongan ini telah terbang hendak membawa hartanya, membawa nyawanya dan membawa keluarganya. Saya berpendapat golongan ini juga dikatakan yang tidak membuktikan taat setia kepada negara ini.

Sebagai contohnya, saya tunjukkan mereka telah menubuhkan Majlis Sementara Universiti Merdeka dengan tidak ada kelulusan Kerajaan, dipungut derma, kemudian diugut

pula mana-mana syarikat swasta dan kilang-kilang yang tidak mahu memberi derma, diseru orang ramai jangan menggunakan barang-barang pengeluaran kilang itu. Inilah golongan rakyat Malaysia yang kita fikir mereka bertanggungjawab kepada negara ini? Selain daripada itu golongan ini bercadang pada satu masa kelak kalau Kerajaan kurang awas, mereka akan mengadakan satu hartal sebagai membantah Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang. Hartal ini kita tidak hairan, pernah dahulu pada waktu kita hendak mendapatkan kemerdekaan satu hartal telah diterima oleh negara kita. Oleh itu, saya harap Kerajaan hendaklah mencabut akar umbi golongan ini, seperti duri dalam daging sekiranya dibiarkan, akan merosakkan negara.

Langkah yang berkesan ialah mengambil tindakan menarik balik taraf kerakyatan ke atas golongan ini. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak diamalkan dalam negara kita ini, Kerajaan lain pernah mengamalkan perkara ini. Tetapi kenapa, kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia belum amalkan kenapa tidak diamalkan? Selagi kita tidak amalkan dan memberi satu dua bukti, selama itulah golongan ini akan membuat berbagai-bagai helah untuk menggagalkan, untuk mensabotajkan rancangan-rancangan ekonomi nasional yang saya cakapkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bercakap ini dengan tujuan ikhlas supaya keadaan negara kita ini terus tidak terganggu dan semua rakyat hidup dalam suasana harmoni, muhibbah dan penuh perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah mengatakan bahawa ekonomi kita akan tumbuh dengan kita mendapatkan bantuan asing. Bantuan pelaburan asing itu adalah mustahak dan bukan mudah sebuah negara itu dapat pelaburan asing tetapi apa yang didapati oleh Malaysia ini memang kita bergantung punca bantuan asing bagi menjalankan matlamat Dasar Ekonomi Baru kita. Keperluan kepada bantuan luar ini terutama atas tujuan membiayai perbelanjaan awam di mana pemerintah telah mengalami kekurangan dalam sumber kewangan. Punca bantuan ini Malaysia memperolehinya daripada negeri asing walaupun kita ada mempunyai kewangan sendiri dalam negeri ini. Kita mempunyai 2 hala. Satu hala punca pelbagai bantuan.

Yang kedua, bantuan dua hala kebanyakan datang daripada Amerika, Jepun, Australia, Britain, Kanada dan New Zealand. Sementara institusi kewangan sumbangan dari Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, daripada Arab Saudi—Bank Pembangunan Islam walaupun Malaysia memerlukan kira-kira \$1.5 billion daripada Bank Dunia untuk membiayai pelaburan, maka ini belum diperolehi lagi. Jadi kita jangan bangga dengan Buku Hijau kita. Kita telah dapat pelaburan tetapi belum penuh apa yang kita minta. Selagi belum penuh bantuan yang kita perlukan selama itu rancangan ini akan tersangkut, akan tidak dapat ditunjukkan kepada matlamat yang menjadi tujuan. Dan wang ini kita gunakan banyak dalam projek pembangunan luar bandar, wilayah-wilayah negeri yang mundur termasuklah sebagaimana kata Timbalan Perdana Menteri tadi hanya beberapa peratus sahaja yang kita perolehi daripada apa yang dijangkakan.

Selain daripada itu kita mengharapkan sumber pelbagai dua hala. Malaysia mengharapkan juga bantuan daripada punca dua hala, setakat ini kita dapat dari Jepun untuk meluluskan Kredit Yen Jepun kiri-kira \$800 juta walhal keperluan yang kita minta \$18,000 juta. Jenis bantuan yang diminta oleh Malaysia berbagai jenis bantuan wang, yakni tidak sahaja berupa bantuan modal, kita minta bantuan kewangan iaitu bantuan pinjaman (loan) dan pemberian, yakni gran. Selain daripada bantuan teknik, bantuan projek, bantuan program, bantuan pertahanan, bantuan barangan. Dari segi bantuan program, Malaysia banyak sekali menerima bantuan kepakaran daripada Amerika.

Tadi telah dicakapkan oleh rakan sejawat saya mungkin juga dengan banyaknya kepakaran ini beberapa projek pembangunan kita yang berjalan berbagai-bagai masalah yang kita terima. Ini patut kita selidiki dan awasi. Kita dapat bantuan kepakaran daripada Jepun, Australia, New Zealand, United Kingdom dan pasukan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia pula minta bentuk bantuan alat-alat peperangan daripada kumpulan SEATO. Tidakkah boleh kita kaji semua supaya didapati daripada negeri besar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah menerima bantuan asing ini patut kita kaji pada tiap-tiap rancangan kita sama ada bantuan itu menguntungkan atau merugikan negara ini.

Memandangkan kepada sumbangan yang di-datangkan bantuan asing dalam usaha pembangunan dan mempercepatkan ekonomi negara kita, bantuan asing ini banyak kesan yang baik, ada juga kesan yang tak baik. Jadi ketika itu kita kena kaji dengan mendalam, sebaliknya pula banyak kesan yang buruk yang dialami oleh negara kita. Di antaranya saya contohkan, iaitu bantuan dua hala yang kita dapat daripada negeri-negeri asing ini selalu menghadkan Malaysia dalam memilih projek dan membelanjakan sumber bantuan yang diberikan. Misalnya dilarang kita untuk menggunakan pinjaman-pinjaman untuk tujuan pelaburan dalam sektor yang menjejaskan eksport negara peminjam yang berkenan ke Malaysia. Kedua, mensyaratkan pula Malaysia supaya memberhentikan hubungan dagang dengan negara tertentu, misalnya Amerika hingga menggesa Malaysia jangan mengimpot barang-barang daripada China. Selain daripada itu minta Malaysia menggunakan pakarnya untuk mengimpot barang-barangnya atau mengusahakan projek-projek dengan bantuan wang yang diberikan itu. Selalunya syarat ketat yang dikenakan ini seolah-olah kita ini seperti alat dalam menjamin pasaran keluaran industrinya atau hanya terbatas mengambil pakar-pakar daripada negeri mereka. Kesimpulannya, banyak kesan buruk yang di-datangkan oleh bantuan luar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah mengatasi kemiskinan sektor awam, sektor pertanian kita telah membelanjakan wang yang begitu banyak dan yang melibatkan dalam bidang pertanian ini ialah penduduk luar bandar. Satu perkara yang patut diperhatikan oleh Kerajaan kalau membuat parit dan taliair umpamanya di Kelantan, di Kedah atau di Perlis itu satu projek yang memakan belanja bermilion-melion ringgit tetapi penanaman padi di kawasan itu selalu terganggu, tergugat. Katalah, kononnya dengan sebab kemarau—itu kejadian alam, kejadian Tuhan kita tak boleh elak, tetapi menurut hemah saya kecuaiannya ini ialah daripada segi tekniknya tidak begitu mengawasi, tidak begitu mendalam projek-projek yang hendak dijalankan walhal bermilion-melion ringgit. Kita boleh contohkan negeri-negeri yang maju dalam pertanian maka nyawa petani menanam padi ini ialah parit dan taliair. Kalau parit dan taliair tidak dijaga dengan begitu sempurna maka kemajuan petani itu tak dapat dihasilkan.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, kita banyak buat parit dan taliair. Seluruh negara di sini buat parit dengan bermelion-melion, beratus-ratus ribu ringgit tetapi bila hendak tanam padi tak boleh kerana tempat itu kering. Ini salah kepakaran tekniknya, dia tahu buang air, dia tahu hendak mengambil takungan air tetapi bila petani kita hendak laksanakan, tak boleh tanam padi lagi. Berapa jumlah tanah sawah yang sekarang sudah dibuat parit dan taliair tak boleh ditanam padi. Ini bukan silap petani, ini silap kepakaran untuk mengkaji masalah ini.

Saya mengharapkan satu ketika Kerajaan akan buat kajian balik. Parit dan taliair yang sudah kita buat beratus-ratus tempat, bermelion-melion ringgit dikaji balik macam mana pengaliran air itu boleh masuk dalam kawasan ini dan tanah itu boleh petani usahakan. Kalau kita dalam bandar, kemudahan asas jalanraya kita jaga dengan begitu sempurna, dengan begitu baik, ada penyelia-nya setiap masa. Kenapa parit dan taliair yang hendak diberi kepada petani ini, siap sahaja parit dan taliair, air tidak boleh masuk ke sawah dan kita tinggalkan. Buat satu cadangan dengan Kerajaan tempat ini orang-orangnya tak mahu tanam padi. Ini satu perkara yang saya fikir membazirkan wang negara, macam mana petani kita hendak maju dalam masalah ini. Itu satu contoh yang saya nampak.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ekonomi orang Melayu sekarang sudah baik sedikit, pekebun kecil dan orang kampung sudah baik sedikit. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan dia buat laporan Buku Hijau mengambil analisa kutipan daripada mana. Kita kata sekarang bila dibaca Buku Hijau ini diisytiharkan kepada rakyat sangat baik, pertumbuhan ekonomi baik, ekonomi orang Melayu baik, pekebun kecil baik, nelayan baik tetapi pada pelaksanaan pada keseluruhannya tidak begitu tepat. Buku ini tidak begitu tepat.

Satu contoh, dia kata mengurangkan inflasi. Inflasi sekarang boleh ditahan dan rendah tetapi sekarang inflasi sudah naik. Daging tadi kata \$3.40 sekati. Siapa yang hendak beli daging. Orang Melayu miskin. Minyak naik, bawang naik, roti naik. Itu rupanya kata inflasi turun tetapi pada orang kampung inflasi sudah naik kata mereka. Betapa tidak tepatnya analisa daripada Buku Hijau ini.

Satu perkara lagi, saya bukan ahli akademik, bukan ahli ekonomi tetapi apa yang dirasai oleh rakyat. Kita megah-megahkan kita ada FELDA, kita ada FELCRA, ada RISDA. Berapa ekar, berapa ramai rakyat yang boleh ditampung tetapi rakyat yang miskin, 60% rakyat miskin luar bandar ini keadaannya lebih terok lagi. Ertinya bila barang-barangnya mahal—inflasi, keadaan hidupnya lebih terok lagi. Dengan sebab itu dalam kajian ini walaupun banyak peruntukan yang diberi Kerajaan kena jaga baik-baik. Macam buat kebun FELCRA hendak bagi belia, berapa ekar dalam buku ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak salah dalam ingatan saya dalam 10,000 ekar. Itu yang dipegang oleh Kerajaan, pada hal belia-belia kita yang menganggur beratus-ratus ribu itu kenapa tidak dibentuk dibuat satu rancangan belia yang begitu luas.

Di Pahang banyak tanah, di Kelantan luas tanah, dimasukkan belia dan belia-wanis kita. Kita banggakan dengan 10,000 ekar yang kita buat. Ini satu benda yang saya fikir tidak begitu tepat. Bukan saya menyalahkan tetapi tidak tepat. Jadi rakyat kata terasa sangat. Apalah saya sudah minta masuk FELCRA ini daripada anak saya dua, sekarang anak saya sudah tujuh tidak dapat juga. Keadaan ini dirasai oleh petani-petani kita. Jadi masalah ini patut difikirkan. Jika masalah tanah yang sudah jadi, masalah rakyat yang menganggur patut difikirkan dan rancangan-rancangan Kerajaan yang baik ini macam-macam masalah timbul pula. Ada masalah kalau kurang awas hasilnya habis sebab segala benda yang sudah ditanam ini semua ada hasilnya. Getah ada hasil, kelapa sawit ada hasil, orang curi pula. Bila kena penyelewengan yang seperti ini maka rancangan Kerajaan yang meminjam wang luar negeri ini hendak membayar balik saya khuatir nanti dengan sebab kehilangan hasil-hasil ini wang tidak dapat dibayar. Bila tidak dapat bayar wang ini, kita hendak buat rancangan yang luas lagi, kita tidak akan dapat wang. Masalah yang seperti ini kita mesti tegas. Hasil yang telah dikeluarkan itu kita jaga betul-betul, pegawainya kita minta bekerja dengan ikhlas dan orang yang salah, membuat silap itu kita ambil tindakan. Kita buang dia seorang demi keselamatan keseluruhan rakyat dan juga keseluruhan rancangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah memperkatakan orang yang menganggur, orang yang miskin baru sedikit sahaja yang

kita dapat. Kita tidak nafikan bahawa Kerajaan telah berusaha mengatasi kemiskinan. Ini memang betul tetapi masih banyak lagi terutama sekali rakyat di luar bandar, terutama daripada bumiputra.

Satu perkara yang terjadi dan tadi telah disebut oleh rakan sejawat saya berhubung dengan perkembangan kemajuan negeri ini baik tetapi rupanya bila disemak saat-saat yang akhir ini tanah yang patut dipunyai oleh orang Melayu (bumiputra)—ini saya hendak cerita tanah kawasan Melayu walaupun bukan kuasa Kerajaan Pusat tetapi kita ada satu badan Tanah Negara namanya. Bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh orang Melayu gelojoh, hendakkan duit jual tanah, bukan sahaja tanah orang Melayu dalam bandar di mana juga tanah orang Melayu yang boleh dijual kepada orang bukan Melayu sekarang banyak—saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sebab manusia ini pusingan wang dalam tangannya ada dan wang inipun menurut satu sumber yang saya dengar tidak boleh Kerajaan percayai bahawa ada satu agensi daripada luar negeri menanamkan modal kepada manusia ini.

Kamu ambillah wang ini, belilah tanah-tanah orang Melayu sama ada dalam bandar atau luar bandar, berapa harga tidak kira. Jadi, keadaan ini terjadilah wang panas di Johor Bahru. Dengan keberaniannya tanah yang kawasan Melayu mereka berani beli pada hal tanah kawasan Melayu yang di-untukkan oleh Kerajaan bukan banyak cuma 4% daripada seluruhnya. 4% itu dibuat di tanah itu dijadikan hak istimewa orang Melayu, kawasan orang Melayu. Tanah kawasan orang Melayu ini juga dapat dibeli oleh orang-orang ini dengan macam-macam cara, macam-macam helah, walaupun di segi undang-undang bukannya boleh, dia boleh pajak walaupun dia hendak itu dengan bermacam-macam cara tetapi saya besar hati mendengar Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat hendak membuat satu laporan supaya berapa luas tanah kawasan Melayu ini yang telah dijual kepada orang bukan Melayu dan berapa luas tanah orang Melayu yang telah terlepas juga ke tangan yang bukan Melayu. Kita mesti memahamkan maksud asal—bukan saya bercakap ini sentimen—saya marah kepada orang yang bukan Melayu ini beli tanah orang Melayu, tidak, semata-mata kita menuju pada masa akan datang.

Kalau orang Melayu ini sudah tidak ada mempunyai tanah di kampung-kampung sendiri, orang Melayu ini akan menjadi miskin bertambah miskin, mereka akan pergi ke laut, ke hutan, ke sungai dan ke mana-mana, maka orang-orang bukan Melayu yang kaya-kaya ini dia pun tidak boleh duduk dengan aman. Dengan sebab itu tanah yang diberikan kepada orang Melayu itu tidak usahlah dibeli dan tidak usahlah dijual, tidak usahlah orang Melayu ini jual, tidak usahlah kecek.

Ada pula kakinya, sindiket daripada orang Melayu sendiri untuk menjual tanah-tanah ini kepada orang yang bukan Melayu. Ini terjadi bukan di sini, di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Oleh itu untuk mengatasi masalah ini saya mengesyorkan kepada Kerajaan hendaklah mengadakan Jawatankuasa Kabinet Tanah kawasan Melayu dan Bumiputra. Dengan adanya jawatankuasa ini dapat mengkaji dari semasa ke semasa dan dapat mengambil tindakan pada menebus balik pada tanah-tanah orang Melayu yang telah terjual, tergadai itu. Kalau Kerajaan boleh adakan Jawatankuasa Kabinet Pertanian, Jawatankuasa Kabinet Perindustrian dan lain-lain, kenapa Kerajaan tidak boleh mengadakan Jawatankuasa Kabinet sebagaimana yang telah saya katakan tadi. Ini demi hendak mengekalkan hak tanah itu kepada orang Melayu, kepada orang Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi satu perkara dalam Buku Hijau ini berhubung dengan pemilihan saham bumiputra. Kita sangat berpuas hati atas apa yang ditunjukkan oleh Kerajaan iaitu Kerajaan mengusahakan supaya saham-saham itu dapat dipunyai dan dimiliki oleh bumiputra dan juga Kerajaan mengadakan badan-badan berkanun iaitu sektor awam. Kita sangat berpuas hati atas rancangan Kerajaan ini dan sedikit sebanyak telah dapat dinikmati oleh orang Melayu dengan bantuan dan pertolongan Kerajaan, tetapi saya minta Kerajaan supaya menyemak dan meneliti bahawa dalam pemberian saham itu banyak yang kena sabotaj, banyak yang kena seleweng, pada lahirnya sahaja nampak saham itu dipunyai oleh bumiputra tetapi pada hakikatnya telah diselewengkan. Maka dengan sebab itu, Dasar Ekonomi Baru yang kita hendak tuju itu tidak akan sempurna; tujuan hendak menjadikan bumiputra mendapat hak dalam ekonomi 30% itu saya khuatir kalau dari sekarang Kerajaan tidak awasi dan tidak tengok akan kosong. Ertinya macam rumah

kita dirikan tiangnya bagus, rumah bagus tetapi di dalam tiang itu ada anai-anai. Anai-anai inilah yang kita khuatir bukan sahaja tiang akan runtuh, rumah itu akan runtuh. Itu tujuan hasrat kita menolong rakyat yang hendak menengok rakyat bumiputra dalam negeri ini hidup dengan mewah mendapat rezeki yang adil, kita khuatir kalau tak diawasi dari sekarang kita tidak akan capai.

Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, beri peluang kepada saya bercakap di sini mengenai satu perkara yang ada kaitan dengan Dasar Ekonomi Baru kita berhubung dengan perhubungan yang tadi kawan saya telah bercakap iaitu Kerajaan hendak mengadakan satu perundingan dengan Kerajaan Singapura dalam perkhidmatan bas, motokar, keretapi dan lori. Kalau perjalanan keretapi kita tak usah lagi dari Alor Star sampai ke Singapura, tetapi sampai Johor Bahru sahaja. Sebab Singapura bukanlah Malaysia. Cukup perkhidmatan kita hanya setakat di Johor Bahru sahaja dan orang yang hendak pergi dari Singapura hendak naik keretapi pergi ke utara dia boleh naik bas dan motokar ke Stesen Johor Bahru. Ini hak kita. Perundingan ini patut dikaji balik sebab banyak kerugian kepada Malaysia, termasuklah, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan bas, motokar dan lori. Motokar dan bas daripada Singapura boleh masuk ke Johor Bahru dan motokar ini boleh mengambil penumpang balik ke Singapura, tetapi motokar daripada Johor Bahru, daripada Malaysia pergi ke Singapura balik kosong. Jadi tidak adil. Hal ini sudah berjalan lama. Kita sebagai sebuah negara yang berjiran dalam ASEAN kita kena buat perundingan supaya keadaan ini boleh seimbang dari segi pengangkutan antara dua buah Kerajaan.

Saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa dengan Thailand pun kita hendak benarkan lori-lori Thailand itu datang ke Singapura melalui jalanraya kita hendak mengangkut barang-barang. Itu baik tetapi kalau kita kekalkan dengan amalan-amalan ini semua pemandu teksi daripada Malaysia sangat tak puas hati atas amalan yang dibuat oleh kereta dan bas dari Singapura. Jadi dengan keadaan ini, saya fikir patut kita kaji semula kerana mudaratnya, lori daripada Malaysia ini membawa barang ke Singapura terus ke Pelabuhan Singapura dan mengeneipkan Pelabuhan Klang dan Pasir Gudang. Sebab itu adalah hendak pembeli-pembeli daripada Singapura yang mahukan barang-barang itu sampai ke Singapura. Jadi kalau kita tak kaji hal ini

banyak kerugian kita terima, macam penye-ludupan begitu juga, Tuan Yang di-Pertua kita tak boleh kawal. Banyak bijih daripada Malaysia ini dilarikan dengan keretapi dan lori semua sekali oleh sebab pentadbiran kita kurang licin dan cekap. Jadi sistem pengangkutan iaitu motokar dan lori yang ada sekarang di Johor Bahru dan Singapura ini adalah menggunakan sistem masa penjajahan British dahulu. Motokar Malaysia boleh ke Singapura, tetapi tidak boleh membawa penumpang masuk, walhal bas dari Singapura terus masuk ke Malaysia dan boleh mengambil penumpang dari Malaysia dibawa balik ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan iaitu dari hasil-hasil negara kita dalam bidang pertanian, tadi saya telah sebutkan padi. Ini satu perkara yang dihadapi oleh perusahaan nenas, walaupun kita ada Lembaga Menganam Nenas Semula yang kita ada dua kilang di Pontian, malangnya satu kilang itu, Tuan Yang di-Pertua, tak berjalan. Ini dengan sebab bukan salah petani tetapi dengan sebab pentadbiran dan pengawasan hendak mendirikan kilang itu patut dijangka dibuat perincian, dibuat perhitungan dan dibuat perkiraan. Cukupkah atau tidak bahan mentah nenas itu untuk diproses di kilang itu? Sekarang satu kilang berhenti, dengan sebab tak ada bahan mentah. Bahan mentah ini ada dengan sebab tak dikawal, orang yang hendak mensabotaj, kilang ini dia beli nenas itu dengan harga mahal dan dia boleh edarkan ke seluruh negara. Jadi bahan itu habis. Jadi masalah ini juga, Tuan Yang di-Pertua, kita patut perhatikan dan kualiti nenas tin kita itu pun patut diperhatikan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kerana tak sama mutunya dengan nenas yang keluar daripada Hawaii dan tak sama mutunya dengan nenas yang keluar daripada Filipina. Orang Arab suka beli nenas daripada Malaysia, tetapi nenas Malaysia ini sama mutunya dengan nenas daripada Hawaii, Filipina dan lain-lain lagi. Jadi kenapakah kita tak boleh buat sedangkan kita ada MARDI dan berbagai pusat penyelidikan? Kenapakah kilang-kilang kita tak boleh mengeluarkan nenas yang sama mutu dengan negeri-negeri lain? Dan kilang yang hendak tutup itu kenapakah Kerajaan tak boleh ambil alih dan keadaan tanah kawasan nenas pun tak cukup.

Sepatutnya Kerajaan buat satu ladang, nenas yang boleh menampung bahan-bahan kilang Kerajaan itu. Kita jangan harap

nenas itu daripada pekebun kecil kerana pekebun kecil ini adalah manusia biasa, apabila harga tinggi dijuallah kerana tak ada satu ikatan.

Jadi kalau ada ladang Kerajaan sendiri untuk menampung kekurangan untuk dijadikan bahan-bahan kilang, saya fikir ini satu perkara yang boleh menguntungkan negara ini dan juga menguntungkan rakyat dalam bidang perusahaan nenas.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai masalah alam sekitar. Dalam masalah ini Kementerian berkenaan nampaknya betul-betul bersungguh-sungguh dan bekerja dan dia cuba hendak mencegah pencemaran sungai, pencemaran udara dan pencemaran yang lain-lain tetapi dalam tanggungjawab Kementerian ini tak dapat mencegah dengan sempurna manusia-manusia yang memusnahkan dan memusnahkan bahan kekayaan alam sekitar kita iaitu hidupan liar. Mereka buru dan mereka bunuh di luar musim. Kalau dibiarkan dan tak dikawal dengan sepenuhnya, Tuan Yang di-Pertua, hidupan liar dalam hutan kita akan pupus sama ada binatang-binatang itu boleh dimakan atau tidak. Orang-orang yang pergi memburu itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang kampung susah hendak kawal, sebab yang datang itu orang berpangkat-pangkat semuanya. Mereka datang dua-tiga motokar dan dapat binatang seperti rusa, pelandok, kijang dan sebagainya. Mereka orang yang ternama, orang kampung seganlah. Akhirnya binatang-binatang hutan kita akan berkurangan. Tindakan pihak yang berkuasa patut bertindak, saya tak tahu sama ada di bawah Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Pegawai Mergastua ini patut mengambil tindakan yang cergas tidak ada mengeluarkan lesen menembak pada musim-musimnya dan orang-orang yang menyalahi peraturan ini patutlah diambil tindakan demi hendak menjaga khazanah-khazanah hutan iaitu binatang-binatang.

Selain daripada itu, Kementerian ini membuat kajian hendaklah diadakan tiap-tiap negeri itu kawasan zoo atau kawasan ternakan binatang hutan sebagaimana yang telah ada sekarang patut dibaiki dan peruntukan patut diberi penambahan kerana pembiakan binatang-binatang ini sebab hutan-hutan yang mereka itu diam, Tuan Yang di-Pertua, sudah tidak boleh diam lagi kerana pembangunan. Saya beri contoh di Johor kita

tanam kelapa sawit dan getah telah dimusnahkan oleh gajah. Di Trengganu dan Kelantan juga telah dimusnahkan oleh gajah kerana binatang liar ini tidak dapat ditempatkan pada satu tempat yang tertentu bagi mereka. Jadi, bukan sahaja binatang liar ini akan musnah, tetapi harta pembangunan kita; di negeri Johor itu \$10 juta rugi kerana kelapa sawit dimusnahkan oleh gajah, dan di Kelantan dan Negeri Sembilan begitu juga sebab Kementerian ini tidak membuat satu kajian. Dia kata dia hendak jinakkan gajah-gajah itu. Macam mana boleh jinakkan sebab susah hendak jinakkan gajah. Cuba atur dan panggil pakar-pakar daripada Amerika buat satu zoo yang luas dan binatang-binatang ini kita kumpulkan dalam kawasan-kawasan yang tertentu.

Saya sudah bercakap panjang tetapi saya ada satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas iaitu bekalan elektrik, bekalan air yang Kerajaan hendak beri kepada penduduk-penduduk luar bandar. Air ini satu perkara yang sangat menyulitkan rakyat walaupun kita ada membuat rancangan besar-besaran, tetapi di kampung termasuklah di Selangor ini juga selalu keputusan air. Kajian patut dibuat dengan begitu mendalam. Rakyat di kampung-kampung, Tuan Yang di-Pertua, mereka dapat air dari mana, kerana air sungai sudah kotor, air sungai sudah kering mereka dapat air daripada Jabatan JKR. Air yang dihantar oleh JKR itu air yang tidak terjamin kebersihannya. Kadang-kadang orang mandi dalam tong itu—orang yang membawa lori itu kerana bersuka-suka kadang-kadang mandi dalam tong air dan orang-orang kampung itu ambil air asal dapat dua baldi sudah cukup. Sudahlah begitu, ada pula penyelewengan air pula kerana sepatutnya 10 lori yang betul, dia hantar ke kampung cuma 8 lori sahaja. Ini semua kerugian kepada Kerajaan. Jadi, kita adakan pakar yang boleh membekalkan air yang bersih ke kampung-kampung dan peruntukan macam ini patut kita lebihkan demi hendak menjaga kesihatan penduduk luar bandar. Begitu juga dalam masalah elektrik. Elektrik ini sekarang pembangunannya bagus tetapi kenapa selalu rosak. Yang Berhormat di sebelah saya, Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak sudah menceritakan kerana kadang-kadang orang kilang ini tamak, bukan orang kampung. Dia menggunakan elektrik lebih tetapi kepada orang kilang atau orang kaya ini tindakan itu.

tidak dibuat, jadi selalu ada gangguan pada elektrik kita. Kita sangat malu, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain. Setelah kita maju tetapi macam-macam masalah menjadi sungutan rakyat dan tidak puas hati rakyat dengan projek-projek yang kita buat. Bila saya sebutkan elektrik sampai hendak beli tiang; sebabnya tidak dapat elektrik di kampung-kampung ini kerana tidak ada tiang.

Kononnya, kilang-kilang dalam negeri ini tidak mahu jual tiang kayu elektrik sebab dia hendak harga yang mahal kerana potongannya panjang. Kalau kilang-kilang itu didirikan dalam negeri kita mengapa kita tidak boleh membuatkan satu peraturan kepada mereka supaya membekalkan kepada Kerajaan. Ini satu perkara yang menghairankan kepada rakyat. Kadang-kadang pula bahan-bahan letrik itu tidak ada dalam negeri ini kena pula diminta, dipesan dari Jepun dan Eropah memakan masa berbulan-bulan. Jadi, keadaan yang begini, patutlah diperhatikan oleh Kementerian yang berkenaan, mudah-mudahan sungutan rakyat ini tidak berpanjangan. Saya fikir setakat inilah saya bercakap dan saya ucapkan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun.

7.25 m/m.

**Tuan Oh Siew Aun:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan saya suka memberi sedikit pandangan saya dalam Buku Hijau ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga menyatakan kadar pertumbuhan ekonomi pada keseluruhannya adalah lebih tinggi daripada yang dijangkakan iaitu sebanyak 8.7% setahun, mengikut nilai sebenar berbanding dengan matlamat kadar sebenar Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 8.4% setahun. Pandangan negara kadar per capita dalam harga-harga tahun 1970 telah meningkat dari \$1,304 kepada \$1,644 dalam tahun 1978. Di samping itu pada keseluruhannya negara kita telah mengadakan peluang pekerjaan bagi 474,100 orang. Dari itu kadar pengangguran dari 7.0% turun sampai 6.2% pada tahun

1978. Dalam bidang pembasmian kemiskinan keluarga miskin yang ada di Semenanjung Malaysia telah berkurangan dari 44% dalam tahun 1975 kepada 37% dalam tahun 1978/1979. Keadaan demikian adalah disebabkan oleh harga bahan-bahan mentah baik maka sebab itulah taraf hidup rakyat jelata telah diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat bahawa kalau bukan keadaan kelembapan ekonomi di sektor swasta dan musim kemarau berlaku yang menyebabkan pengeluaran pertanian kurang baik, pencapaian Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga tentu akan lebih besar. Walaupun begitu rancangan-rancangan pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan sudah mencegah keadaan kekurangan baik daripada berlaku dan kejayaan pasti memuaskan sebagaimana yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tambahan pelaburan dari pihak awam akan menolong pelabur-pelabur perseorangan giat kembali. Ada pelabur-pelabur swasta merasa tidak puas hati dengan pelaksanaan ICA akan tetapi pihak Kerajaan telah memberi perhatian atas hal ini dan mencari jalan untuk menghilangkan ketidakpuasan para pelabur. Pada pendapat saya peraturan-peraturan dalam ICA yang kabur-kabur itu patut dipinda untuk kepentingan negara. Kalau perkara tersebut dapat diatasi pihak swasta dan pihak awam pun dapat bekerjasama maka keadaan ekonomi Malaysia kita pasti berkembang maju dengan pesat.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga 1976/1980 adalah membentangkan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua bidang dan juga anggarannya sejak Rancangan Malaysia Ketiga dilancarkan bagi tahun-tahun separuh penggal yang pertama. Walaupun begitu saya ingin mengambil peluang menyeru kepada Kerajaan mengambil berat dan juga memperbaiki keadaan yang tidak seimbang dalam peruntukan kepada semua aliran sekolah rendah di negara kita pada masa akan datang. Ketika Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dikemukakan dalam Dewan Rakyat untuk dibincangkan itu, saya terbaca jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, kepada satu Soalan Bertulis yang dikemukakan oleh seorang wakil Parlimen, beliau menyatakan bahawa pada tahun 1976 Kerajaan mengeluarkan peruntukan kepada Sekolah Rendah

Kebangsaan sebanyak \$30,015,313. Kepada Sekolah Rendah Cina sebanyak \$5,212,600. kepada Sekolah Rendah Tamil \$518,200. Pada tahun 1977 peruntukan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan \$30,427,850. Kepada Sekolah Rendah Cina \$1,892,800. Kepada Sekolah Rendah Tamil \$880,800. Pada tahun 1978 peruntukan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan ialah . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Oh Siew Aun:** Baiklah. Terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Selasa, 10hb April, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*